



PELAN INDUK PKS

2012-2020

Memangkin Pertumbuhan dan Pendapatan

Batu permata berharga pada reka bentuk kulit menggambarkan kepentingan Program Berimpak Tinggi dan langkah pelengkap dalam mencapai lonjakan berganda dalam pertumbuhan dan pendapatan bagi menjayakan matlamat Pelan Induk PKS.

Batu permata juga melambangkan sesuatu yang tersendiri bagi mencerminkan keunikan Pelan kerana ia merupakan 'pelan sepanjang hayat' yang akan terus relevan dengan perubahan masa.



Kandungan

Perutusan oleh YAB Perdana Menteri

i. Ringkasan Eksekutif 5

ii. Bab

- Bab 1 : Perlunya Satu '*Game Changer*' 15
- Bab 2 : Ciri-ciri Struktur PKS Malaysia 27
- Bab 3 : Penilaian Impak Program Pembangunan PKS 39
- Bab 4 : Pendorong yang Memacu Prestasi PKS 49
- Bab 5 : Rangka Kerja Baharu Pembangunan PKS 61
- Bab 6 : Peluang Pertumbuhan Masa Hadapan untuk PKS 71
- Bab 7 : Pelan Tindakan bagi Mencapai Pertumbuhan Pesat 83
- Bab 8 : Pelaksanaan dan Pembangunan Kapasiti Keinstitusian 109
- Bab 9 : Satu Permulaan Baharu 119

iii. Lampiran

- Ringkasan Pelan Tindakan : 32 Inisiatif 124
- Definisi PKS 127

Perutusan oleh YAB Perdana Menteri



Peranan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah semakin penting dalam merencanakan masa hadapan ekonomi kita. Merangkumi 99.2% daripada masyarakat perniagaan, PKS mempunyai pertalian yang rapat dengan setiap aspek ekonomi - perusahaan mikro, masyarakat luar bandar, bahagian 40% terendah dalam piramid pendapatan, pembekal perniagaan, dan pengeluar akhir. Secara dasarnya, PKS membentuk sebahagian besar daripada sektor swasta. Justeru, pencapaian aspirasi negara berpendapatan tinggi yang digariskan dalam Wawasan 2020 banyak bergantung kepada usaha merealisasikan potensi penuh PKS, termasuk perusahaan mikro.

Kerajaan akan terus memainkan peranan penting dalam membangunkan PKS. Pelan Induk PKS telah dirumuskan bagi menjana kadar pertumbuhan PKS yang lebih pesat dan melonjakkan pembangunan PKS ke peringkat seterusnya. PKS bukan sahaja akan memainkan peranan sebagai pendorong pertumbuhan seperti sebelumnya, malah menjadi pemacu pertumbuhan dan penyumbang penting ke arah pertumbuhan terangkum. Menjelang tahun 2020, kita ingin melihat sumbangan PKS yang lebih ketara kepada pertumbuhan ekonomi, pendapatan dan kemakmuran negara secara keseluruhannya. Sasarannya adalah untuk PKS mencapai sumbangan melebihi 40% daripada KDNK, 62% daripada guna tenaga dan 25% daripada jumlah eksport. Penggerak utama pertumbuhan adalah melalui peningkatan produktiviti dan pertumbuhan dipacu inovasi.

Tumpuan akan menjurus ke arah membangunkan golongan PKS baharu yang inovatif dan berdaya saing di peringkat global, serta berdaya tahan apabila dibelenggu cabaran yang terhasil dari liberalisasi dan perubahan dalam persekitaran global. Kerajaan akan turut berusaha untuk memangkin pertumbuhan PKS yang

berpotensi, agar menjadi jaguh tempatan yang dapat bersaing di pasaran serantau dan global. Ini memerlukan strategi dan hala tuju dasar yang jelas. Pelan ini dibangunkan melalui permuafakatan semua pihak berkepentingan, termasuk sektor swasta serta Kementerian dan Agensi yang berkenaan, untuk memastikan inisiatif yang terhasil adalah relevan, pragmatik dan boleh dilaksanakan.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kita telah menyaksikan kemajuan yang memberangsangkan dalam pembangunan PKS, hasil dari komitmen teguh Kerajaan. Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan telah menyediakan satu asas yang kukuh bagi pendekatan yang menyeluruh dan komprehensif dalam pembangunan PKS. Hari ini, kita dapat melihat lebih daripada 15 Kementerian dan 60 Agensi menggembeng tenaga ke arah mencapai matlamat yang sama. Meskipun Pelan Induk PKS dibina berlandaskan kejayaan sedia ada, pendekatan yang bakal diambil adalah berbeza dan lebih tertumpu kepada hasil dan penyampaian Pelan Induk. Dokumen ini merupakan 'pelan sepanjang hayat' yang akan terus diubah suai agar bersesuaian dengan perubahan yang berlaku dalam persekitaran. Melangkah ke hadapan, pembangunan PKS bukan akan hanya bergantung kepada Kerajaan semata-mata, tetapi merupakan tanggungjawab yang didukung bersama oleh Kerajaan dan sektor swasta menerusi perkongsian awam-swasta.

Perjalanan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Induk bukanlah mudah, kerana cabaran sebenar bermula dengan pelaksanaan Pelan itu sendiri. Untuk itu, Kerajaan akan membangunkan kapasiti keinstitusian bagi memudahkan pelaksanaan Pelan Induk. Saya ingin menyeru kepada semua pihak berkepentingan agar saling bekerjasama dalam menjayakan Pelan ini. Perjalanan seribu batu bermula dengan satu langkah. Oleh itu, marilah kita mengambil langkah pertama ke arah membangunkan PKS yang berdaya saing di peringkat global serta berupaya menggiatkan penciptaan kekayaan dan menyumbang ke arah kesejahteraan sosial negara.



Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia /
Pengerusi Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan
Mei 2012



Ringkasan Eksekutif

Ringkasan Eksekutif

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) termasuk perusahaan mikro memainkan peranan penting dalam mendorong pertumbuhan, guna tenaga dan pendapatan serta menjadi tunjang kepada transformasi ekonomi negara. Melangkah ke hadapan, lantaran persekitaran luaran yang sentiasa berubah dan persaingan global yang bertambah sengit, Malaysia memerlukan satu '*game changer*' untuk beralih menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, PKS telah mencatat peningkatan ketara dari segi prestasi. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar PKS telah secara konsisten mengatasi pertumbuhan ekonomi keseluruhan, iaitu berkembang pada kadar purata tahunan 6.8%, berbanding 4.9% bagi keseluruhan ekonomi dalam tempoh 2004 - 2010. Ini adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh dasar Kerajaan melalui Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK). Majlis ini telah membina asas yang kukuh dalam pembangunan PKS menerusi rangka kerja menyeluruh yang menyatukan lebih 15 Kementerian dan 60 Agensi menggembelng tenaga ke arah mencapai objektif yang sama.

Pelan Induk PKS sebagai '*Game Changer*'

Melangkah ke hadapan, PKS bakal memainkan peranan yang lebih besar, bukan sahaja sebagai pendorong, tetapi juga sebagai pemacu utama pertumbuhan bagi mencapai pertumbuhan yang terangkum dan seimbang. Sebagai sumber pertumbuhan endogen dan asas kepada aktiviti sektor swasta, PKS adalah amat penting dalam proses transformasi ekonomi. PKS turut menggalakkan aktiviti inovasi dan bertindak sebagai penstabil pertumbuhan semasa kelembapan ekonomi. Justeru itu, adalah penting untuk membangunkan PKS yang mantap dan berdaya saing serta mempunyai daya tahan dalam menghadapi cabaran yang timbul termasuk tekanan daripada liberalisasi pasaran.

Merealisasikan Wawasan 2020 menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi pastinya usaha yang mencabar dan ianya memerlukan satu pendekatan baharu bagi menggiatkan pertumbuhan PKS. Matlamat utama adalah untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi. Ini memerlukan lonjakan berganda dalam pertumbuhan dan transformasi kepada aktiviti nilai ditambah lebih tinggi yang berintensif pengetahuan. Oleh itu, Pelan Induk PKS merupakan '*game changer*' dalam merencanakan hala tuju baharu pembangunan PKS merentasi semua sektor ekonomi sehingga tahun 2020. Strategi baharu ini akan dibina berasaskan inisiatif sedia ada untuk PKS dengan memperkukuh rangka kerja semasa yang dijangka dengan pembaharuan dasar makro.

Pendekatan Baharu bagi Pembangunan PKS

Pelan Induk PKS akan mengambil pendekatan yang berbeza berbanding strategi sebelumnya. Ia akan berdasarkan kepada bukti dan analisis terperinci. Pendekatan berasaskan hasil akan diguna pakai dalam pembangunan PKS dengan mewujudkan satu sistem Pemantauan dan Penilaian (*Monitoring & Evaluation, M&E*) yang menyeluruh. Pelan ini merupakan 'pelan sepanjang hayat' yang boleh diubah suai untuk terus relevan dengan perubahan masa. Program akan menuruti permintaan sektor swasta, iaitu untuk memenuhi keperluan perniagaan PKS. Program ini juga bertujuan khususnya bagi menangani ketidakseimbangan pasaran dan asimetri maklumat, dengan mempunyai jangka masa yang jelas untuk menamatkan program. Pelan Induk ini turut mengandungi elemen perkongsian sektor awam-swasta yang kukuh, lantas menggalakkan perkongsian tanggungjawab dan akauntabiliti antara Kementerian dan Agensi dengan sektor swasta. Sementara itu, Kerajaan akan bertindak sebagai pemudah cara dan pemangkin dalam mewujudkan persekitaran dan ekosistem yang menyokong bagi menggiatkan pertumbuhan PKS melalui galakan dalam bidang keusahawanan, inovasi dan pelaburan.

Sifat PKS Malaysia yang Pelbagai

PKS merangkumi sebanyak 99.2% daripada jumlah pertubuhan perniagaan di negara ini. Menurut statistik terkini, PKS menyumbang sebanyak 32% daripada KDNK, 59% daripada guna tenaga dan 19% daripada eksport. Sebahagian besar PKS (87%) menceburi sektor

perkhidmatan, diikuti oleh pembuatan (7%) dan pertanian (6%). Perusahaan mikro mencakupi majoriti (79%) PKS. Mengikut lokasi, kebanyakan PKS beroperasi di Lembah Klang (35.7%), diikuti oleh Johor (10.3%), Perak (8%) dan Kedah (6.8%). Pelan Induk ini memaparkan empat ciri utama PKS di Malaysia, termasuk:

- **Produktiviti yang rendah berbanding negara serantau dan negara lebih maju.** Purata produktiviti PKS di Malaysia yang dianggarkan berjumlah RM47,000 pada tahun 2010, merupakan kira-kira satu pertiga daripada produktiviti firma besar (RM148,000). Apabila dibandingkan pada peringkat antarabangsa, PKS di Singapura dan Amerika Syarikat masing-masing adalah empat kali dan tujuh kali lebih produktif daripada PKS di Malaysia;
- **Kadar penubuhan perniagaan yang lebih rendah berbanding negara berpendapatan tinggi.** Pelan Induk menggunakan purata ketumpatan masuk (*average entry density*) untuk mengukur dinamisme perniagaan dan tahap keusahawanan yang mencerminkan kadar penubuhan perniagaan. Malaysia



didapati berada pada kedudukan relatif tinggi dalam kalangan pasaran sedang pesat membangun, tetapi masih ketara rendah berbanding negara berpendapatan tinggi ekoran tanggapan keupayaan dalam bidang keusahawanan yang lemah;

- **Sebilangan kecil firma yang menyumbang sebahagian besar daripada ekonomi negara.** Hasil kajian menunjukkan bahawa firma pesat berkembang menyumbang sebanyak 70% daripada KDNK tambahan dan 46% daripada guna tenaga tambahan dalam tempoh 2000 - 2005; dan
- **Bahagian sektor tidak formal yang ketara dalam ekonomi.** Sektor tidak formal dianggarkan mencakupi kira-kira 31% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) dan lazimnya terdiri daripada perusahaan mikro, iaitu pemiliknya bekerja sendiri dengan beberapa rakan kongsi yang terhad.

Impak Positif Program Pembangunan PKS

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 - 2010), sejumlah RM26 billion telah dibelanjakan untuk program pembangunan PKS, mencakupi 11.6% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan dalam tempoh tersebut. Program pembangunan tersebut bertujuan untuk menangani kekangan yang dihadapi oleh PKS dan dikategorikan di bawah tiga teras strategik, iaitu meningkatkan akses kepada pembiayaan; membina kapasiti dan keupayaan; dan memperkukuh infrastruktur yang menyokong. Walaupun terdapat bukti tentang impak program tersebut di peringkat makro sepertimana

yang dapat dilihat melalui prestasi PKS yang menggalakkan dalam tahun-tahun kebelakangan ini, wujud ketidakpastian sama ada impak tersebut adalah hasil daripada keberkesanan program atau semata-mata kesan sinergistik hasil daripada penyelarasan yang lebih baik di bawah MPPK atau kerana kedua-dua faktor tersebut.

Untuk pertama kalinya, Kerajaan dengan kerjasama Bank Dunia telah melaksanakan penilaian impak yang melibatkan penilaian teknikal yang terperinci terhadap 15 program pembangunan PKS. Hasil penilaian mendapati bahawa program tersebut berjaya membuah hasil yang positif. Tabung Pembangunan Sumber Manusia (*Human Resources Development Fund*, HRDF) terutamanya telah menunjukkan kesan positif yang kukuh daripada sudut pelaburan, keamatan modal dan produktiviti. Program lain yang melibatkan pembangunan bukan sumber manusia turut menunjukkan impak positif terhadap keamatan modal dan produktiviti faktor menyeluruh (*Total Factor Productivity*, TFP), guna tenaga serta jumlah output dan nilai ditambah. Kesimpulan yang boleh dibuat daripada analisis tersebut adalah setiap 1% peningkatan dalam program sokongan akan menghasilkan purata peningkatan prestasi sebanyak 1 - 5%. Walau bagaimanapun, tiada impak ke atas upah manakala impak terhadap produktiviti buruh adalah terhad.




Pendorong Pertumbuhan PKS

Kefahaman tentang faktor yang memacu prestasi PKS adalah penting dalam melonjakkan prestasi PKS ke peringkat seterusnya. Berdasarkan analisis hasil kajian *Productivity and Investment Climate Surveys* oleh Bank Dunia, terdapat enam faktor yang mempengaruhi prestasi PKS Malaysia, iaitu:

- Penerapan inovasi dan teknologi;
- Pembangunan modal insan;
- Akses kepada pembiayaan;
- Akses kepada pasaran;
- Persekitaran perundangan dan kawal selia; dan
- Infrastruktur

Pada masa ini, PKS tidak dapat mencapai prestasi yang tinggi kerana wujudnya cabaran yang perlu ditangani dalam setiap bidang tersebut (rujuk Carta 1). Adalah penting untuk memastikan cabaran tersebut ditangani secara serentak bagi mencapai hasil yang diinginkan kerana kelemahan pada mana-mana pendorong ini boleh menjejaskan prospek pertumbuhan PKS secara keseluruhannya. Pelan Induk bermatlamat untuk menangani cabaran tersebut bagi mencungkil potensi pertumbuhan PKS yang maksimum untuk mencapai Wawasan 2020.

Carta 1 Cabaran Utama yang Dihadapi oleh PKS






Rangka Kerja Baharu Pembangunan PKS yang Sejajar dengan Aspirasi Negara

Pelan Induk telah mencadangkan satu rangka kerja baharu untuk menjajarkan pembangunan PKS kepada aspirasi negara yang lebih luas, iaitu mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 melalui pertumbuhan yang dipacu oleh inovasi dan produktiviti (rujuk Carta 2). Rangka kerja baharu ini mempunyai lima elemen, iaitu visi, matlamat, bidang tumpuan, pelan tindakan dan sokongan keinstitutionian. Setiap matlamat mempunyai sasaran khusus yang perlu dipenuhi bagi mencapai sasaran makro yang ditetapkan, dari segi sumbangan PKS kepada KDNK, guna tenaga dan eksport menjelang tahun 2020:

- 41% daripada bahagian KDNK (2010: 32%);
- 62% daripada bahagian guna tenaga (2010: 59%); dan
- 25% daripada bahagian eksport (2010: 19%).

Carta 2 Rangka Kerja Baharu Pembangunan PKS




¹ Purata peningkatan tahunan

² Produktiviti merujuk kepada nilai ditambah bagi setiap pekerja

Peluang Pertumbuhan dalam Aktiviti Nilai Tinggi

Sektor perkhidmatan dijangka menjadi pemacu pertumbuhan utama dalam ekonomi, dengan bahagian KDNK dijangka meningkat kepada 65% menjelang tahun 2020. Langkah liberalisasi yang berterusan akan membangkitkan cabaran baharu kepada PKS dan pada masa yang sama, menawarkan peluang baharu. Oleh itu, PKS perlu bersedia menangani cabaran tersebut serta membina kapasiti dan keupayaan mereka untuk memanfaatkan peluang daripada liberalisasi. PKS juga bakal mendapat manfaat daripada Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Area*, NKEA) yang diumumkan oleh Kerajaan. Kira-kira 60% daripada Projek Permulaan (*Entry Point Project*, EPP) yang dikenal pasti dijangka memanfaatkan PKS dalam semua sektor. Cabaran yang dihadapi oleh PKS ialah untuk beralih dari bahagian bawah rantaian nilai NKEA, iaitu daripada aktiviti nilai ditambah rendah dan sederhana kepada rantaian nilai yang tinggi. Pelan Induk PKS dijangka merencanakan peralihan aktiviti ke arah nilai ditambah yang lebih tinggi seperti di Carta 3.

Carta 3 Peluang Pertumbuhan Baharu untuk PKS



Pertumbuhan Pesat Menerusi Program Berimpak Tinggi

Bagi mencapai sasaran tinggi yang ditetapkan dalam Pelan Induk PKS, inisiatif yang digariskan di bawah Pelan Tindakan harus mencatat impak yang ketara agar menghasilkan kesan yang diinginkan. Inisiatif ini adalah berdasarkan kepada lapan prinsip panduan seperti berikut:

- Konsisten dengan hala tuju strategik negara;
- Menangani kegagalan pasaran dan asimetri maklumat;
- Pemangkin untuk membangunkan penyedia perkhidmatan swasta;
- Mengelakkan penggantian dana swasta dengan dana awam;
- Memastikan penglibatan sektor swasta;
- Hasil yang dapat diukur;
- Impak tertinggi daripada dana; dan
- Akauntabiliti dan penyempadanan fungsi yang jelas.




Inisiatif tersebut telah dikaji semula untuk menilai kaitan, impak, keutamaan dan penjajaran kepada Pelan Induk. Akhirnya, sejumlah 32 inisiatif telah dikenal pasti di bawah Pelan Tindakan, termasuk enam Program Berimpak Tinggi (*High Impact Programme*, HIP) yang akan menghasilkan impak ketara dalam mencapai matlamat Pelan Induk tersebut. Justeru itu, adalah penting untuk memastikan HIP dilaksanakan dengan jayanya. Di samping itu, terdapat 14 inisiatif lain yang dikelompokkan di bawah empat tema utama. Menyedari kewujudan persekitaran perniagaan yang unik di Malaysia Timur, Pelan Induk PKS turut mencadangkan beberapa langkah khusus untuk PKS di Malaysia Timur dan juga langkah lain yang bersifat makro.

Membina Kapasiti ke arah Kejayaan Pelaksanaan

Faktor yang paling kritikal bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Induk PKS adalah melalui kewujudan sebuah agensi pusat yang kukuh untuk melaksanakan Pelan Induk tersebut. Oleh itu, peranan SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia) perlu diperkukuhkan lagi. Ini memerlukan penyusunan semula struktur organisasi sedia ada serta penambahbaikan mekanisme penyelarasan bagi membolehkan Agensi berfungsi dengan berkesan dalam melaksanakan Pelan Induk. SME Corp. Malaysia perlu diberi kuasa dan sumber yang mencukupi serta peranan yang lebih aktif dalam membuat keputusan belanjawan terhadap pembangunan PKS. Agensi ini juga perlu membangunkan sistem M&E di samping merangka pelan pengurangan risiko bagi memastikan Pelan Induk dilancarkan dengan lancar.

Carta 4 Ringkasan Inisiatif di bawah Pelan Induk PKS



Satu Permulaan Baharu ke Tahap Lebih Tinggi

Pelan Induk PKS akan menyediakan platform untuk permulaan baharu, bertujuan membawa PKS ke peringkat yang lebih tinggi. Pelan ini telah melakarkan hala tuju yang jelas agar mencapai matlamat yang sejajar dengan visi keseluruhan Pelan, iaitu mewujudkan PKS yang berdaya saing di peringkat global yang meningkatkan penciptaan kekayaan dan menyumbang secara ketara kepada kesejahteraan sosial negara. Pelaksanaan Pelan Induk adalah peringkat yang paling mencabar. Ini memerlukan satu anjakan paradigma dalam minda semua pihak yang terlibat dalam pembangunan PKS untuk menerima pakai pendekatan baharu ini dan mencungkil potensi pertumbuhan PKS yang maksimum di Malaysia.




bab **1**

Perlunya Satu 'Game Changer'

Perlunya Satu 'Game Changer'

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) termasuk perusahaan mikro merupakan intrinsik kepada proses transformasi ekonomi Malaysia. Sejak dahulu, PKS memainkan peranan penting dalam mendorong pertumbuhan, guna tenaga dan pendapatan. Dari segi pembangunan jangka panjang, Malaysia telah mencatat kejayaan dengan menikmati kemajuan ekonomi dan sosial yang ketara selama beberapa dekad, lantas memudahkan proses peralihan daripada negara berpendapatan rendah kepada negara berpendapatan sederhana. Pada masa ini, negara pula berdepan dengan masalah terperangkap dalam 'pendapatan sederhana' ('*middle-income trap*') kerana pendorong pertumbuhan masa lalu telah menjadi semakin perlahan. Pertumbuhan produktiviti yang lebih rendah serta penurunan dalam pelaburan swasta telah mengurangkan potensi output keluaran negara.

Perubahan dalam persekitaran global telah meruncingkan lagi masalah menganjukkan negara keluar daripada perangkap dalam 'pendapatan sederhana'. Dengan kemunculan ekonomi yang baharu serta dengan arus gerakan globalisasi dan liberalisasi, satu pasaran yang berdaya saing telah terbentuk, lantas menyebabkan persaingan global yang bertambah sengit dalam merebut pasaran, modal dan modal insan berkemahiran. Pada masa yang sama, ekonomi dunia dijangka beralih ke satu 'normal baharu' berikutan keseimbangan semula global secara berterusan yang mencerminkan permintaan yang lebih sederhana daripada negara maju. Perubahan ini bukan sahaja merupakan cabaran, malah menghasilkan peluang baharu bagi negara seperti Malaysia, terutamanya daripada perdagangan dan pelaburan intra-rantau ini. Berdepan dengan keadaan luar yang tidak menentu, matlamat mencapai Wawasan 2020 iaitu untuk menjadi negara berpendapatan tinggi semakin mencabar. Ia memerlukan satu '*game-changer*' atau pendekatan baharu untuk satu anjakan asas bagi mengubah sumber kelebihan daya saing Malaysia daripada kos rendah kepada nilai tinggi.




Model Baru Ekonomi telah dibangunkan oleh Kerajaan untuk negara beralih menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Matlamatnya ialah untuk menjadi negara berpendapatan tinggi yang terangkum dan mampan menjelang tahun 2020. Paras pendapatan akan meningkat menerusi peningkatan produktiviti dan pada masa yang sama, keterangkuman diperkukuhkan untuk memanfaatkan semua rakyat Malaysia dan kemampanan perlu dikekalkan agar keperluan semasa yang dikecapi tidak menjejaskan generasi akan datang. Cabarannya ialah untuk menjayakan semua matlamat ini secara bersama dan memastikan perkembangan sesuatu matlamat tidak menjejaskan matlamat lain. Perubahan ini akan dilaksanakan melalui Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Programme*, ETP) yang mensasarkan purata pertumbuhan Pendapatan Negara Kasar (PNK) tahunan sebanyak 6%, dengan pendapatan per kapita meningkat dua kali ganda daripada RM23,700 (USD6,700) pada tahun 2009 kepada RM48,000 (USD15,000) menjelang tahun 2020. Peralihan kepada negara berpendapatan tinggi dijangka akan diiringi perubahan pada struktur ekonomi, bercirikan peningkatan kandungan perkhidmatan dalam ekonomi dan bergerak ke arah aktiviti yang lebih berintensif pengetahuan dan nilai ditambah tinggi.

PKS Pemacu Pertumbuhan Masa Hadapan

Melangkah ke hadapan, pemacu pertumbuhan bakal berubah dengan PKS dijangka berfungsi sebagai ejen ekonomi yang penting untuk mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi. Peranan PKS menjadi semakin kritikal, bukan hanya sebagai pendorong pertumbuhan dengan menyokong firma besar tetapi juga sebagai

pemacu pertumbuhan ekonomi. Integrasi Malaysia dengan rangkaian pengeluaran global melibatkan penaiktarafan PKS daripada pembekal peringkat kedua dan ketiga kepada pembekal peringkat pertama yang memberikan perkhidmatan terus kepada syarikat teras dalam rantai nilai iaitu firma besar dan syarikat multinasional. Pada masa yang sama, PKS akan menjadi pilihan utama dalam usaha Kerajaan meningkatkan pertumbuhan entiti ini untuk menjadi syarikat jaguh tempatan yang besar dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Pembangunan PKS juga penting bagi mencapai pertumbuhan yang lebih seimbang dan terangkum, menerusi usaha menangani bahagian 40% terendah dalam piramid pendapatan, termasuk perusahaan mikro.

Carta 1.1 Peranan PKS dalam Ekonomi



PKS akan memainkan peranan lebih penting dalam ekonomi, bukan hanya sebagai pendorong pertumbuhan, tetapi sebagai pemacu utama dan dalam mencapai matlamat pertumbuhan yang terangkum dan seimbang

Terdapat lima faktor yang menyokong betapa kritikalnya PKS dalam hala tuju pembangunan Malaysia.

- Pertama, ekoran persekitaran luar yang kurang diharapkan (tidak menentu), PKS bakal menjadi daya pemacu **untuk menjana sumber pertumbuhan endogen**. PKS yang kukuh dan bersemangat mampu meraih manfaat daripada pertumbuhan permintaan domestik dan turut menyumbang kepada pertumbuhan tersebut. Permintaan bagi produk dan perkhidmatan PKS turut disokong oleh peningkatan keseluruhan kemewahan pengguna di peringkat serantau;
- Kedua, memandangkan PKS mencakupi 99% daripada semua perniagaan di negara ini, ia merupakan asas **kepada dinamisme sektor swasta** berikutan tumpuan kini beralih kepada pertumbuhan yang diterajui sektor swasta;
- Ketiga, PKS turut merupakan **sumber inovasi yang penting** untuk menembusi sempadan teknologi serta pertumbuhan industri dan perkhidmatan baharu;
- Keempat, adalah penting untuk membangunkan PKS yang mantap dan berdaya saing yang mempunyai **daya tahan yang teguh dalam menghadapi cabaran yang muncul daripada liberalisasi pasaran**. Paling ketara, liberalisasi sektor perkhidmatan yang banyak diceburi oleh PKS akan memerlukan pembinaan kapasiti domestik bagi mengelakkan kegagalan syarikat sedia ada ekoran tekanan daripada persaingan dan memudahkan peralihan ke arah ekonomi berasaskan perkhidmatan; dan

- Akhir sekali, semasa kejutan ekonomi, **PKS berfungsi sebagai penstabil pertumbuhan**. Semasa berlakunya krisis ekonomi dan kewangan global pada tahun 2008/2009 baru-baru ini, PKS Malaysia terbukti lebih berdaya tahan berbanding firma lebih besar.


Membina di atas Kejayaan yang Lepas

Sepanjang sedekad yang lalu, perubahan ketara dapat dilihat dalam trend pertumbuhan PKS. Sebelum tahun 2004, pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi PKS adalah sejajar dengan pertumbuhan ekonomi keseluruhan (rujuk Carta 1.2). Namun, pada tempoh 2004 - 2010, pertumbuhan KDNK bagi PKS secara konsisten mengatasi pertumbuhan ekonomi keseluruhan. KDNK benar bagi PKS berkembang pada kadar purata pertumbuhan tahunan sebanyak 6.8% berbanding 4.9% bagi pertumbuhan ekonomi keseluruhan. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan produktiviti dan pertumbuhan guna tenaga (rujuk Carta 1.3) kerana kedua-dua parameter ini turut mencatat prestasi lebih baik berbanding ekonomi keseluruhan.



Pertumbuhan PKS berbanding KDNK Keseluruhan (Perubahan tahunan, %)


Carta 1.2



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan SME Corp. Malaysia

Purata Pertumbuhan Tahunan bagi KDNK, Guna Tenaga & Produktiviti PKS berbanding Seluruh Ekonomi (2004 – 2010)

Carta 1.3



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan SME Corp. Malaysia
¹ Produktiviti merujuk kepada nilai ditambah setiap pekerja

Dasar Kerajaan yang teliti memainkan peranan utama dalam menjana pertumbuhan PKS yang pesat. Pada tahun 2004, pembangunan PKS mula diberi tumpuan utama berikutan penubuhan satu badan di peringkat tinggi, iaitu Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sepanjang


tempoh ini, asas yang kukuh berjaya dibina. Rangka kerja keinstitutionan yang menyeluruh telah diperkenalkan untuk menyelia usaha penyelarasan dalam kalangan lebih daripada 15 Kementerian dan 60 Agensi yang berusaha ke arah matlamat yang sama.

Definisi yang seragam bagi PKS telah diterapkan merentasi Kementerian dan Agensi yang terlibat. Pengurangan tindakan pada program dan penyelarasan dasar telah meningkatkan keberkesanan, penyampaian dan jangkauan. Program PKS tertumpu ke arah memperkukuh infrastruktur yang menyokong, meningkatkan akses kepada pembiayaan dan membina kapasiti dan keupayaan. Pada masa yang sama, pertumbuhan juga disebabkan oleh dasar awam menyokong yang lain, seperti langkah peningkatan sistem penyampaian Kerajaan; promosi aktiviti pelancongan; usaha mempergiat semula sektor pertanian; dan langkah memastikan kontraktor kecil menikmati manfaat daripada projek infrastruktur awam.



Hasil positif yang dicatat sejak beberapa tahun kebelakangan ini membuktikan bahawa pembangunan PKS berada di landasan yang betul. Namun, untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi, jurang yang luas dengan negara maju lain perlu ditangani. Sumbangan PKS kepada KDNK di Malaysia masih rendah, dan hanya mencakupi 32% pada tahun 2010 (2000: 28.8%), iaitu agak ketinggalan berbanding dengan negara berpendapatan sederhana yang lain (berpurata 39% : rujuk Carta 1.4).

Carta 1.4 Sumbangan PKS kepada KDNK pada tahun 2010 (bahagian, %)



Sumber : Pelbagai sumber

Pendekatan Baharu bagi Pembangunan PKS

Pendekatan baharu amat diperlukan untuk mengiatkan pertumbuhan PKS bagi memastikan sumbangan yang lebih bermakna kepada ekonomi. Strategi baharu ini dibina berasaskan inisiatif sedia ada terhadap PKS dengan memperkukuh rangka kerja sedia ada dan menjajarkan perubahan dasar makro bagi mengecapi keperluan persekitaran global yang berubah. Di samping itu, berikutan

komitmen Kerajaan untuk menurunkan defisit fiskal kepada 3% daripada KDNK menjelang tahun 2015 (2011: 5%), penekanan harus diberikan kepada keutamaan program dan memastikan keberkesanan yang lebih ketara dipertingkatkan menerusi pendekatan berasaskan hasil. Program pembangunan PKS pada masa hadapan akan tertumpu kepada program yang memberi impak yang besar. Pembangunan PKS juga akan menghasilkan penglibatan sektor swasta yang lebih meluas menerusi perkongsian bagi mencapai matlamat yang diinginkan.


Pelan Induk untuk Melakar Hala Tuju Dasar

Strategi baharu yang terkandung dalam Pelan Induk PKS (2012 - 2020) akan melakar arah hala tuju dasar PKS bagi tempoh sembilan tahun akan datang. Pelan Induk ini akan diijarkan kepada rangka kerja dasar yang lebih menyeluruh, iaitu Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh serta diperengkapkan dengan inisiatif sedia ada seperti Program Transformasi Bumiputera, Program Transformasi Luar Bandar dan program pembangunan koridor.

Pelan Induk PKS adalah untuk semua PKS di Malaysia, tanpa mengambil kira sektor, gender, wilayah geografi dan latar belakang etnik

Carta 1.5

Pelan Induk PKS Dilaksanakan Bersama-sama Inisiatif Lain



Pada asasnya, **Pelan Induk PKS adalah relevan untuk semua PKS, merentasi semua sektor dan bidang strategik.** Pelan Induk ini bertujuan merealisasikan potensi PKS yang terpendam supaya membolehkan lonjakan berganda dalam pertumbuhan dan seterusnya meningkatkan sumbangan PKS terhadap KDNK. Tumpuannya adalah untuk mewujudkan satu ekosistem yang menyokong bagi mengiatkan pertumbuhan PKS menerusi peningkatan produktiviti dan membawa PKS ke peringkat pembangunan yang lebih tinggi. Dengan ini, negara memerlukan satu asas PKS yang kukuh agar dapat menyokong pertumbuhan ekonomi. Justeru itu, Pelan Induk menggalakkan langkah yang meningkatkan persekitaran perundangan dan kawal selia yang kondusif agar mendorong pembentukan, pertumbuhan dan mekanisme pemindahan keluar

PKS; menggalakkan inovasi dalam kalangan PKS; memastikan PKS yang berinovatif dan mempunyai kepercayaan kredit mendapat akses kepada pembiayaan; meningkatkan keupayaan pengurusan pemilik PKS dan kecekapan pekerja; memudahkan produk dan perkhidmatan PKS mendapat akses kepada pasaran; dan memperkukuh infrastruktur fizikal yang diperlukan oleh PKS untuk beroperasi dengan cekap.

Pendekatan terhadap Pelan Induk PKS ini adalah jauh berbeza berbanding dahulu. Pelan Induk ini dirumus berdasarkan pada bukti dan analisis yang kukuh. Pelan tindakan, matlamat dan visi keseluruhan Pelan Induk ini adalah lebih jelas dan terselaras. Elemen baharu dalam Pelan Induk ini merangkumi:

- i. **Pendekatan berasaskan hasil** menerusi sistem Pemantauan dan Penilaian (*Monitoring and Evaluation, M&E*) yang diwujudkan bukan sekadar membantu membuat keputusan yang tepat mengenai belanjawan tetapi juga untuk menilai perkembangan program dan melakukan pengubahsuaian apabila perlu;
- ii. Konsep '**pelan sepanjang hayat**' merupakan **teras Pelan Induk**. Pelan Tindakan tidak ditetapkan dengan muktamad sepanjang tempoh sembilan tahun akan datang. Program mungkin perlu diubah suai kerana perubahan pada persekitaran atau masalah semasa pelaksanaan menerusi kaedah maklum balas dalam mekanisme M&E, lantas membolehkan tindakan yang wajar dilaksanakan berasaskan bukti. Oleh itu, Pelan Induk akan terus relevan meskipun masa berubah;
- iii. **Program akan dipacu oleh permintaan** bagi memenuhi keperluan perniagaan PKS. Pelan Tindakan dan reka bentuk program dirumus bersama dengan pihak berkepentingan menerusi pendekatan rundingan dan dipantau dan dinilai dengan berkala bagi memastikan kejayaan program tersebut;
- iv. Pelan Induk menggalakkan **perkongsian awam-swasta yang kukuh**. Kerajaan tidak akan lagi bertanggungjawab sepenuhnya terhadap program tersebut. Program boleh diurus oleh sektor swasta tetapi dimiliki oleh Kementerian atau Agensi. Dalam pada itu, peranan persatuan dan dewan perniagaan akan dipertingkatkan lagi melampaui sokongan dan mencakupi jangkauan dan membina kapasiti, sama seperti yang dilakukan oleh ekonomi maju lain. Ini akan melibatkan **perkongsian tanggungjawab dan akauntabiliti dalam kalangan Kementerian dan Agensi serta sektor swasta menerusi petunjuk prestasi utama (Key Performance Indicators, KPI) yang ditakrifkan dengan jelas;**
- v. **Tempoh masa program akan dihadkan bagi menangani ketidaksempurnaan pasaran dan asimetri maklumat**. Dalam erti kata lain, keperluan khusus PKS yang kini tidak dapat dipenuhi atau ditawarkan oleh sektor swasta akan diambil alih oleh Kerajaan. Selepas satu jangka masa, tindakan dasar ini akan dapat memenuhi keperluan PKS lalu membuka laluan bagi penciptaan pasaran dan seterusnya memberi satu mekanisme keluar yang jelas untuk Kerajaan supaya kesinambungan yang didorong oleh **mekanisme pasaran berjalan terus;** dan
- vi. Pelan Induk turut mencadangkan langkah **penanda aras bukan sahaja terhadap amalan terbaik** di negara lain tetapi juga terhadap **firma yang cemerlang** di negara ini.

Ekosistem PKS di Negara Maju

Meningkatkan bilangan PKS yang inovatif dan berintensif pengetahuan merupakan unsur utama transformasi ekonomi. Meskipun memadai di masa lalu, dasar, peraturan, struktur keinstitutionan, amalan, pendirian dan sikap sedia ada harus diubah dan berkembang sepanjang tempoh Pelan ini dilaksanakan. Hasilnya, ekosistem baharu akan terbentuk sama seperti negara maju. Antara ciri-ciri utama ekosistem PKS yang diinginkan ialah:

- **Kewujudan satu budaya perusahaan kukuh** yang mengutamakan produktiviti, kecekapan, kesedaran kepada persekitaran, kualiti kerja, amalan sosial yang adil dan saksama, serta perhubungan pekerja dengan perusahaan yang teguh;

- **Budaya keusahawanan dan inovasi yang kukuh** dibentuk seiring dengan perubahan sosial dan budaya (sikap positif terhadap pengambilan risiko) menerusi pembangunan pendidikan dan keusahawanan;
- **Sistem inovasi kebangsaan yang aktif** yang menggalakkan hubungan tempatan yang kukuh di antara universiti, pusat teknologi, inkubator, pembiaya dan firma termasuk PKS;
- **Pembiayaan bukan perbankan yang kukuh** seperti ekuiti swasta, modal teroka dan pelabur perseorangan (*business angels*) untuk memupuk pembangunan perusahaan peringkat awal dan firma berinovasi;
- **Rangkaian rantaian nilai yang berkesan** yang menghubungkan firma besar kepada PKS;
- **Perkhidmatan sokongan yang berkesan untuk PKS** oleh sektor awam (pusat sokongan PKS di seluruh negara) dan penyedia perkhidmatan swasta yang baru ditubuhkan; dan
- **Sistem pemantauan dan penilaian (M&E) yang berkesan** untuk menilai impak semua inisiatif.

Kerajaan sebagai Pemudah Cara dan Pemangkin

Kerajaan akan memainkan peranan mewujudkan persekitaran dan ekosistem yang menyokong agar PKS dapat berkembang pesat dengan menggalakkan keusahawanan, inovasi dan pelaburan. Paling ketara, Kerajaan akan berfungsi sebagai pemudah cara dan pemangkin. PKS yang diiktiraf sebagai ejen ekonomi yang penting akan diberikan peluang untuk mendapatkan akses kepada sumber. Kerajaan juga akan menggubal dan melaksana undang-undang dan peraturan



yang menyokong aktiviti PKS. Apabila wujud jurang yang mengekang pertumbuhan PKS, Kerajaan akan campur tangan dengan menyediakan program kursus dan juga bantuan dalam bentuk perkhidmatan kewangan dan sokongan perniagaan bagi mencapai hasil pembangunan khusus yang disasarkan dalam Pelan Induk.

Pelan Berasaskan Bukti yang Mengutamakan Penyampaian

Pelan Induk PKS (2012-2020) merupakan pelan jangka panjang yang pertama kali dirumuskan bagi pembangunan PKS di Malaysia. Pelan Induk ini amat menyeluruh, merangkumi strategi keseluruhan dan rangka kerja dasar untuk masa hadapan berasaskan analisis dan bukti empirikal mengenai keadaan semasa PKS. Buat kali pertama di Malaysia, kajian impak kuantitatif tentang program sedia ada Kerajaan telah dilaksanakan bagi menilai keberkesanan program, lantas membuka laluan bagi satu pendekatan berasaskan hasil di masa hadapan. Pelan menggariskan Rangka Kerja Baharu Pembangunan PKS yang melakarkan hala tuju dengan jelas pada masa

hadapan, berlandaskan visi yang sama untuk PKS dan matlamat yang diperlukan untuk mencapai visi ini, justeru menyokong objektif utama negara untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Kedua-dua pendekatan atas ke bawah serta bawah ke atas telah dipertimbangkan semasa menghasilkan Pelan Induk. Visi adalah berasaskan aspirasi dasar yang lebih luas di peringkat kebangsaan. Manakala pendekatan bawah ke atas pula dilaksanakan melalui penglibatan pihak berkepentingan dalam proses cipta-sama, pengesahan dan ratifikasi.

Intisari Pelan ini ialah saranan yang dicadangkan termasuk mengguna pakai amalan yang terbukti terbaik daripada negara lain yang sesuai diaplikasikan di Malaysia dan lebih penting lagi ialah penelitian ke atas isu pelaksanaan untuk memastikan kejayaan Pelan ini. Saranan ini dibuat dalam bentuk Pelan Tindakan menyeluruh yang terdiri daripada enam Program Berimpak Tinggi dan inisiatif pelengkap lain yang dapat menangani kekangan yang selama ini menghalang PKS Malaysia daripada mencatat prestasi terbaik. Bukti empirikal telah mengenal pasti pendorong paling penting yang mempengaruhi prestasi PKS dan menekankan bahawa sebarang kelemahan pada faktor pendorong ini perlu ditangani serentak. Jika tidak, mana-mana satu faktor pendorong tersebut boleh menghalang PKS daripada mencapai potensi sepenuhnya. Pelan ini turut meneliti kapasiti dan sokongan keinstitutionan yang perlu diperkukuh bagi memudahkan pelaksanaan Pelan Induk termasuk kewujudan sistem M&E yang berkesan dan saranan agar rangka kerja keinstitutionan semasa diubah dari segi struktur untuk menjayakan pelaksanaan Pelan.





bab**2**

Ciri-ciri Struktur PKS Malaysia

Ciri-ciri Struktur PKS Malaysia

Sifat PKS yang Pelbagai

Seperti negara lain, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia merupakan sebuah kumpulan yang heterogen dan terlibat dalam pelbagai aktiviti seperti peniaga kecil, pengusaha kedai runcit, pengilang kontrak bersaiz sederhana yang membekalkan alat dan komponen kepada syarikat multinasional serta perkhidmatan profesional seperti firma perisian atau penyelidik perubatan yang menawarkan perkhidmatan kepada pasaran antarabangsa. PKS juga beroperasi dalam persekitaran pasaran yang berbeza, seperti di bandar, luar bandar, atas talian, fizikal, tempatan, serantau dan antarabangsa. PKS mungkin formal atau berada dalam sektor tidak formal serta memiliki tahap kemahiran yang berbeza bergantung kepada aktiviti masing-masing. Elemen ini membentuk ciri-ciri PKS di Malaysia dan merupakan asas bagi tindak balas dasar.


Setiap negara mempunyai definisi PKS yang berbeza. Di Malaysia, PKS ditakrif berdasarkan kepada dua kriteria, iaitu nilai jualan tahunan dan bilangan pekerja sepenuh masa sesebuah perniagaan. Bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan pembuatan, PKS merujuk kepada perusahaan yang mempunyai nilai jualan tahunan kurang daripada RM25 juta atau pekerja sepenuh masa kurang daripada 150 orang. Manakala bagi sektor perkhidmatan dan sektor lain, PKS merupakan perusahaan yang mencatat nilai jualan tahunan kurang daripada RM5 juta atau kurang daripada 50 orang pekerja sepenuh masa. Perniagaan yang memenuhi salah satu daripada kriteria ini dianggap sebagai PKS. Definisi bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana pula ditentukan berdasarkan paras ambang yang berbeza dalam kriteria tersebut (lihat butiran di Lampiran). Perniagaan PKS boleh distruktur mengikut undang-undang sebagai sebuah entiti yang didaftarkan sama ada di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197), atau Akta Syarikat 1965 (Akta 125).

Kepentingan PKS dalam Ekonomi

PKS menyumbang sebanyak 32% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), 59% daripada guna tenaga dan 19% daripada eksport. Berdasarkan kepada statistik terkini (Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005), PKS merangkumi 99.2% daripada jumlah pertubuhan perniagaan di Malaysia atau bersamaan dengan 548,267 perusahaan.

- Sebahagian besar daripada PKS tersebut (87%) terlibat dalam sektor perkhidmatan, manakala 7% dan 6% lagi masing-masing menceburi sektor pembuatan dan pertanian. Kira-kira 60% daripada jumlah PKS terlibat dalam subsektor perdagangan pengedaran.

Carta 2.1 Bahagian PKS Mengikut Saiz Perusahaan




Sumber : Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005, Jabatan Perangkaan Malaysia

- Dari segi saiz, majoriti atau 79% adalah perusahaan mikro dengan pekerja kurang daripada 5 orang (rujuk Carta 2.1). Perusahaan mikro adalah dominan terutamanya dalam subsektor perkhidmatan perdagangan pengedaran (83.6% daripada jumlah pertubuhan perniagaan dalam sektor ini) dan sektor pertanian (93.1%). Sektor pembuatan mempunyai jumlah bahagian perusahaan besar yang secara relatifnya lebih tinggi berbanding dengan semua sektor lain.
- Kebanyakan PKS tertumpu di Lembah Klang (Selangor dan Wilayah Persekutuan: 35.7% daripada keseluruhan PKS) dan diikuti oleh Johor (10.3%), Perak (8%) dan Kedah (6.8%). Bilangan perusahaan mikro adalah yang paling tinggi di setiap negeri, terutamanya di negeri timur dan utara, iaitu Kelantan, Perlis, Terengganu, Kedah dan Pahang dengan mencakupi 88 - 95% daripada keseluruhan perusahaan.
- Peratusan bahagian PKS mempunyai korelasi negatif dengan usia PKS. Dalam erti kata lain, peratusan yang ketara, iaitu sebanyak 45% daripada PKS dalam ekonomi merupakan pertubuhan baharu yang memulakan operasi kurang daripada 5 tahun. Manakala, hanya kira-kira 12% sahaja daripada PKS telah beroperasi selama lebih 20 tahun disebabkan sebahagian besar darinya telah berkembang menjadi firma besar atau tidak beroperasi lagi. Pengagihan bagi firma besar pula adalah berbeza, iaitu sebanyak 60% daripada keseluruhan firma tersebut telah beroperasi melebihi 10 tahun.

- Kira-kira 78% daripada PKS terdiri daripada pemilikan tunggal dan perkongsian, 21.3% adalah syarikat sendirian berhad, manakala hanya 0.2% adalah syarikat tersenarai awam (rujuk Carta 2.2). Ini adalah berbeza dan bertentangan dengan firma besar, iaitu sebahagian besarnya atau 94% adalah syarikat sendirian berhad atau syarikat tersenarai awam.

Carta 2.2 Bahagian PKS Mengikut Taraf Sah



Sumber : Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005, Jabatan Perangkaan Malaysia

PKS telah mengambil sebanyak 3.7 juta pekerja atau menyumbang sebanyak 59% daripada jumlah guna tenaga sektor swasta. Dua pertiga daripada pekerja tersebut terlibat dalam sektor perkhidmatan. Perusahaan mikro pula menyumbang sebahagian besar kepada guna tenaga dalam subsektor perdagangan pengedaran, manakala kebanyakan guna tenaga bagi firma besar pula adalah dalam sektor pembuatan, pembinaan dan perlombongan serta dalam subsektor perkhidmatan kewangan dan insurans. Upah meningkat sejajar dengan saiz perniagaan kerana pekerja di firma besar secara amnya menerima upah tertinggi dan pekerja di

perusahaan mikro menerima upah paling rendah. Upah mengikut subsektor menunjukkan bahawa pekerja yang diberi upah tertinggi adalah daripada bidang berkemahiran tinggi seperti sektor teknologi maklumat dan komunikasi (*Information and Communications Technology, ICT*), diikuti oleh perkhidmatan kewangan dan penjagaan kesihatan. Dalam kalangan perusahaan mikro, upah purata tertinggi adalah dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan, disokong oleh upah para doktor yang mengendalikan klinik swasta.

Ciri-ciri Struktur Utama PKS

Adalah diketahui bahawa perlunya memahami sepenuhnya ciri-ciri struktur PKS di Malaysia sebelum membangunkan Pelan Induk. Oleh itu, satu kajian diagnostik telah dilakukan oleh Bank Dunia mengenai PKS di Malaysia pada tahun 2010/2011 berbanding dengan negara setanding di rantau ini dan negara lebih maju. Kajian diagnostik tersebut menunjukkan empat ciri utama PKS di Malaysia, iaitu


- Produktiviti PKS secara relatifnya lebih rendah;
- Penubuhan perniagaan lebih rendah berbanding negara berpendapatan tinggi;
- Sebilangan kecil firma menyumbang sebahagian besar daripada peningkatan KDNK dan guna tenaga; dan
- Bahagian sektor tidak formal yang ketara dalam ekonomi.

(i) Produktiviti yang rendah

PKS lazimnya mencatat produktiviti pekerja lebih rendah berbanding firma besar, meskipun di negara berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, jurang produktiviti antara firma besar dan PKS di Malaysia amat ketara. Menurut kajian, pertumbuhan produktiviti merosot dengan ketara selepas berlakunya krisis Asia ekoran penurunan pelaburan swasta, kekurangan pekerja mahir dan kekurangan aktiviti inovasi di negara ini. Pada tahun 2008, produktiviti PKS di Malaysia (nilai ditambah setiap pekerja) berpurata pada RM44,000. Pada tahun 2010, produktiviti PKS dianggarkan mencapai nilai purata sebanyak RM47,000, kira-kira satu pertiga daripada produktiviti firma besar (RM148,000).


Jika dibandingkan di peringkat antarabangsa, PKS di Malaysia ternyata kurang produktif berbanding PKS di negara berpendapatan tinggi lain. PKS di Singapura didapati empat kali ganda lebih produktif berbanding PKS Malaysia, manakala PKS di Amerika Syarikat pula adalah tujuh kali ganda lebih produktif. Produktiviti yang rendah ini disebabkan terutamanya oleh struktur ekonomi semasa berikutan kewujudan banyak perusahaan mikro dalam perdagangan pengedaran dengan paras produktiviti yang rendah, justeru menjejaskan produktiviti keseluruhan sektor perkhidmatan. Walau bagaimanapun, purata produktiviti dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan yang lebih khusus seperti perkhidmatan kewangan adalah lebih tinggi.

Carta 2.3 Malaysia: Produktiviti Pekerja mengikut Sektor pada tahun 2008 (RM'000 setiap pekerja)



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan SME Corp. Malaysia

Carta 2.4 Perbandingan Produktiviti Pekerja PKS di Peringkat Antarabangsa pada tahun 2008 (US\$'000 setiap pekerja)




Sumber : Bank Dunia daripada pelbagai sumber

(ii) Kadar penubuhan perniagaan lebih rendah berbanding negara berpendapatan tinggi

Kadar penubuhan perniagaan mencerminkan kedinamikan sektor swasta dan tahap keusahawanan dalam ekonomi. Keusahawanan adalah amat penting untuk menggalakkan persaingan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.


Di Malaysia, keseluruhan penubuhan perniagaan atau bilangan perniagaan yang ditubuhkan setiap tahun secara relatifnya lebih kukuh dengan mencatat purata sebanyak 288,400 sepanjang tempoh 2004 – 2011. Namun begitu, prestasi positif ini disebabkan terutamanya oleh bilangan pendaftaran baharu bagi pemilikan tunggal dan perkongsian yang tinggi (bahagian sebanyak 86%). Ini bermakna kebanyakan perniagaan sedemikian adalah perniagaan kecil yang merancang untuk kekal kecil dan tidak mahu pendedahan yang ketara kepada liabiliti. Ini jelas terbukti apabila berlakunya peningkatan dua angka dalam penubuhan perniagaan pemilikan tunggal dan perkongsian semasa krisis ekonomi global pada tahun 2008/2009 kerana pekerja yang diberhentikan mengambil langkah memulakan perniagaan sendiri. Namun, bilangan syarikat yang baharu berdaftar masih rendah sepanjang tempoh krisis tersebut.

Bilangan Pertubuhan Baharu yang Berdaftar di Malaysia ('000)
Carta 2.5



Sumber : Bank Dunia berdasarkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Perbandingan Antarabangsa: Purata Ketumpatan Masuk (2004 – 2009)
Carta 2.6



¹ Ketumpatan Masuk : Bilangan perusahaan liabiliti terhad baharu yang berdaftar sebagai peratusan kepada penduduk umur bekerja (umur 15-54)

Sumber : Kumpulan Pembangunan Penyelidikan, Bank Dunia

Bank Dunia menggunakan ketumpatan masuk (*entry density*) atau bilangan perusahaan liabiliti terhad baharu yang berdaftar sebagai peratusan kepada penduduk umur bekerja (15 - 64 tahun) untuk mengukur dinamisme perniagaan dan keusahawanan di pelbagai negara. Kedudukan Malaysia secara relatifnya tinggi dalam kalangan negara sedang pesat membangun termasuk rantau Asia Timur dan Pasifik, tetapi masih ketara rendah berbanding dengan negara berpendapatan tinggi. Kekurangan minat untuk menubuhkan syarikat liabiliti terhad di Malaysia boleh dikaitkan dengan paras keusahawanan yang relatifnya rendah dalam masyarakat.

Menurut *Global Entrepreneurship Monitor* (GEM) 2011 oleh Bank Dunia, Malaysia didapati kurang menyerlah atau memuaskan berbanding dengan negara lain kerana secara amnya kurang

berkeyakinan dan tanggapan terhadap keupayaan yang rendah dalam bidang keusahawanan. Hasil kajian GEM menunjukkan bahawa:

- Walaupun bilangan responden yang tinggi (74%) percaya bahawa media banyak memberi tumpuan kepada usahawan dan juga usahawan yang berjaya memperoleh status yang tinggi dalam masyarakat serta memulakan perniagaan adalah pilihan kerjaya yang baik, namun hanya 37% sahaja melihat ada peluang yang baik untuk memulakan perniagaan.
- Kira-kira satu pertiga daripada responden menyatakan bahawa faktor yang menghalang mereka untuk memulakan perniagaan ialah tanggapan mereka mengenai keupayaan yang rendah dan satu pertiga lagi menyatakan mereka 'takut kepada kegagalan'.

Carta 2.7 Sikap dan Tanggapan Terhadap Keusahawanan di Negara-negara Terpilih

	Negara sedang pesat membangun (%)				Negara maju (%)				
	Malaysia	Brazil	China	Chile	Jerman	Jepun	Korea	UK	AS
Tumpuan media terhadap keusahawanan	74	82	76	65	50	57	62	47	-
Status yang tinggi kepada usahawan yang berjaya	51	86	73	69	78	55	67	81	-
Keusahawanan sebagai kerjaya pilihan yang baik	52	86	73	73	55	26	61	52	-
Tanggapan terhadap peluang	37	43	49	57	35	6	11	33	36
Tanggapan terhadap keupayaan	31	53	44	62	37	14	27	43	56
Takut kepada kegagalan	30	31	36	27	42	42	45	36	31
Berhasrat menceburi bidang keusahawanan	9	28	43	46	6	4	16	9	11

Sumber : *Global Entrepreneurship Monitor 2011*

pernah terlibat dalam aktiviti keusahawanan sebelum ini menyatakan hasrat mereka untuk menceburi bidang perniagaan.

- Di negara maju dan negara sedang pesat membangun, seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Chile dan Brazil, kira-kira 40-60% daripada responden percaya bahawa para usahawan mempunyai keupayaan dan dalam kebanyakan negara tersebut, responden menyatakan mereka memang berhasrat untuk menceburi bidang keusahawanan.




(iii) Sebilangan kecil firma menyumbang sebahagian besar daripada ekonomi

Bagi memahami tingkah laku atau perilaku keadaan di peringkat syarikat, analisis teknikal yang terperinci telah dilaksanakan dengan menggunakan pangkalan data paling menyeluruh yang sedia ada, seperti data daripada banci tahun 2000 dan 2005 bagi firma pembuatan. Penemuan daripada analisis tersebut menunjukkan firma yang masih baharu dan berkembang pesat menyumbang sebahagian besar daripada peningkatan KDNK dan guna tenaga.


- Kira-kira 42% daripada firma yang wujud pada tahun 2000, tidak lagi beroperasi menjelang tahun 2005. Oleh itu, kadar kemandirian atau penakatan firma adalah kira-kira 58%. Kegagalan firma adalah paling ketara dalam kalangan perusahaan mikro, tetapi terdapat juga firma besar yang mengalami kegagalan.
- Bagi firma yang masih beroperasi, mereka mengambil 4% lebih ramai pekerja pada tempoh ini.
- Terdapat juga pergerakan firma merentasi kategori saiz, iaitu ada sesetengah firma yang berkembang menjadi firma besar dan sebaliknya. Meskipun 14% daripada firma bersaiz sederhana berkembang menjadi firma besar menjelang tahun 2005, terdapat juga sebilangan firma yang merosot kedudukannya menjadi firma kecil. Kira-kira 16% daripada firma besar berhenti beroperasi dan 13% lagi merosot dan kembali menjadi firma sederhana dan kecil menjelang tahun 2005.

Carta 2.8 Perubahan Nilai Ditambah pada tahun 2000 – 2005 mengikut persentil



Sumber : Bank Dunia berdasarkan Banci Ekonomi 2000 & 2006 dan Banci Pertumbuhan & Enterpris 2005, Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2.9 Perubahan Guna Tenaga pada tahun 2000 – 2005 mengikut persentil




Sumber : Bank Dunia berdasarkan Banci Ekonomi 2000 & 2006 dan Banci Pertumbuhan & Enterpris 2005, Jabatan Perangkaan Malaysia

- Firma yang mula beroperasi selepas tahun 2000 telah menyumbang sebanyak 90% daripada pewujudan peluang pekerjaan bersih dalam sektor pembuatan pada tempoh 2000 - 2005.
- Persentil atau seperseratusan satu yang teratas bagi firma yang mengalami pertumbuhan guna tenaga yang paling pesat, menyumbang sebanyak 70% daripada KDNK tambahan (RM65 bilion) dan 46% daripada pekerjaan baharu yang diwujudkan (129,000) pada tempoh 2000 - 2005.
- Firma yang mempunyai pertumbuhan tinggi ini tidak terhad kepada sektor atau kumpulan usia tertentu. Firma yang mencatat prestasi yang paling cemerlang ini terdapat dalam kesemua 19 subsektor pembuatan dan merentasi semua kumpulan usia, dengan firma yang beroperasi kurang daripada 5 tahun mencakupi sebanyak 16%.




- Yang penting, semua firma yang mempunyai pertumbuhan tinggi tanpa mengira usia dan subsektor merupakan firma bersaiz sederhana. Ini membuktikan bahawa firma bersaiz sederhana adalah amat penting dalam mewujudkan pekerjaan. Faktor ini sudah dapat dijangka kerana perusahaan mikro dan firma kecil sangat sukar untuk berkembang pesat ekoran kekangan fizikal dan pengurusan.
- Didapati juga firma yang mempunyai pertumbuhan tinggi wujud dalam sektor yang paling berdaya saing. Ini menunjukkan bahawa tekanan daripada persaingan memaksa firma untuk berinovasi dan menghapuskan teknologi yang sudah lapuk.



(iv) Bahagian sektor tidak formal yang ketara

Setiap negara sentiasa mempunyai beberapa segmen dalam ekonomi yang tidak formal. Ini adalah perusahaan yang beroperasi tanpa pendaftaran rasmi. Namun begitu, negara yang mempunyai PKS yang mantap mempunyai tahap aktiviti tidak formal atau 'pasaran gelap' yang lebih rendah.

Carta 2.10 Bahagian Sektor Tidak Formal di Negara-negara Terpilih (%)



Sumber : Schneider (2002)

Berdasarkan kajian oleh Schneider (2002), dianggarkan bahawa sebahagian besar daripada PKS di Malaysia, iaitu kira-kira 31% daripada Pendapatan Negara Kasar, adalah tidak formal. Sektor tidak formal merujuk kepada pertubuhan dalam aktiviti bukan pertanian yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau mempunyai kurang daripada 10 orang pekerja yang tidak berdaftar dengan agensi

keselamatan sosial. Sektor tidak formal lazimnya adalah perusahaan mikro, iaitu pemiliknya bekerja sendiri dengan seorang atau beberapa orang rakan kongsi atau bekerja bersama dengan ahli keluarga dan tidak mengambil pekerja luar. Jika sekadar berasaskan bilangan firma yang pemiliknya bekerja seorang diri tanpa pekerja lain seperti menurut takrifan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Office, ILO*), maka anggaran bagi sektor tidak formal di Malaysia mungkin menghampiri sebanyak 21% daripada jumlah guna tenaga.

Perusahaan tidak formal ini bukan sahaja tidak menyumbang kepada KDNK, malah lazimnya mereka juga tidak membayar cukai. Oleh itu, sektor tidak formal mewujudkan persaingan yang tidak adil dengan firma yang berdaftar serta menghalang inovasi daripada berlaku. Sektor tidak formal juga dikaitkan dengan pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan kemiskinan. Oleh itu, dasar biasanya digubal untuk menyepadukan atau mengintegrasikan sektor tidak formal ke dalam aliran utama ekonomi yang formal supaya dapat mencungkil potensi mereka sepenuhnya. Dasar ini mengetahui dan mengenal pasti potensi ekonomi tidak formal yang bukan sahaja sebagai keperluan, tetapi lebih penting lagi, untuk memberi peluang kepada firma ini mendapat akses kepada program dan sumber agar mereka dapat menyumbang kepada ekonomi.





bab **3**

**Penilaian Impak Program
Pembangunan PKS**

Penilaian Impak Program Pembangunan PKS

Program Kerajaan yang Pelbagai

Sejak dahulu, Kerajaan telah menumpukan sumber yang ketara untuk menyediakan program bagi PKS, khususnya menerusi rancangan pembangunan nasional. Pelaksanaan program tersebut melibatkan penyertaan lebih 15 Kementerian dan 60 Agensi, yang didorong oleh hasrat untuk membantu PKS yang disebabkan saiznya iaitu agak ketinggalan dari kebanyakan aspek prestasi berbanding firma besar. Di antara cabaran utama yang membelenggu PKS adalah keupayaan pengurusan dan tenaga kerja mahir; akses kepada pembiayaan dan pasaran; tidak berupaya mengeksploitasi ekonomi berskala (ikut bidangan) dan kurang kuasa rundingan; serta akses kepada teknologi dan inovasi. Prosedur dan peraturan juga lebih ketara menjejaskan PKS berbanding dengan firma besar.

Justeru itu, program Kerajaan telah direka khusus untuk menangani kekangan tersebut bagi menggalakkan pertumbuhan, meningkatkan daya saing dan mewujudkan peluang pekerjaan. Selain itu, ianya juga dapat memenuhi keperluan sosio-ekonomi PKS, ekoran terdapat banyak perusahaan mikro yang mewakili kumpulan 40% terendah. Program tersebut adalah dalam bentuk bantuan kewangan seperti pinjaman mudah dan geran, dan penyediaan perkhidmatan sokongan perniagaan termasuk latihan keusahawanan, pengurusan dan kemahiran, peningkatan teknologi, penambahbaikan produktiviti, pembangunan pasaran serta galakan eksport yang diberikan secara percuma ataupun dengan elemen subsidi.

Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan telah ditubuhkan pada tahun 2004, terutamanya untuk memantapkan kepaduan dan penyelarasan dasar dalam kalangan Kementerian dan Agensi ke arah mencapai matlamat yang sama. Sebelum itu, program dilaksanakan secara berasingan oleh Kementerian yang berbeza dan ini sering kali mengakibatkan penduaan atau pertindihan program. Matlamat Majlis adalah untuk memperkemas dan mengurangkan penduaan program ke arah meningkatkan penyampaian dan keberkesanan program secara keseluruhan. Di samping itu, Majlis turut diberi mandat untuk merumuskan satu dasar bersama bagi PKS di negara ini. Sejak tujuh tahun penubuhannya, Majlis telah membina asas bagi pendekatan lebih menyeluruh terhadap pembangunan PKS. Antara pencapaian utama Majlis termasuk:

- Mengguna pakai definisi PKS yang seragam di seluruh negara;
- Memperteguh landskap pembiayaan PKS;
- Membina pangkalan data yang menyeluruh mengenai PKS, termasuk Banci Ekonomi dan PKS 2011 (kini sedang di peringkat akhir) dan statistik makro;
- Memperkenal pelan tahunan program PKS dan Laporan Tahunan PKS untuk menilai perkembangan dan kemajuan PKS;
- Mewujudkan rangka kerja menyeluruh untuk menyelaraskan program PKS merentasi Kementerian dan Agensi berdasarkan tiga teras strategik iaitu, memperkukuh infrastruktur yang menyokong; membina kapasiti dan keupayaan; dan meningkatkan akses kepada pembiayaan; dan
- Menubuhkan Agensi Penyelaras Pusat, iaitu SME Corporation Malaysia bagi menyelia pembangunan PKS.




Gabungan inisiatif di peringkat nasional yang memberi keutamaan kepada usaha membangunkan PKS telah berjaya meraih hasil yang diinginkan. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) PKS yang sebelum ini berkembang selari dengan pertumbuhan ekonomi keseluruhan telah meningkat melampaui pertumbuhan KDNK keseluruhan (purata kadar pertumbuhan tahunan bagi tempoh 2004-2010: 6.8% bagi KDNK PKS berbanding 4.9% bagi KDNK keseluruhan). Meskipun terdapat bukti tentang impak program tersebut di peringkat makro, wujud ketidakpastian sama ada impak tersebut adalah kesan sinergistik hasil daripada penyelarasan yang lebih baik atau peningkatan dalam kualiti program sepanjang tempoh tersebut ataupun kerana kedua-dua faktor tersebut. Yang jelas, keberkesanan program masih belum dapat diukur dengan wajar – program manakah yang lebih berkesan atau kurang berkesan dan sebab-sebabnya.

Kekurangan Penilaian Impak


Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM26 bilion telah dibelanjakan bagi program pembangunan PKS di pelbagai Kementerian dan Agensi. Jumlah ini mencakupi 11.6% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan sepanjang tempoh tersebut. Secara keseluruhan, terdapat kira-kira 500 program yang berbeza telah dilaksanakan sepanjang tempoh lima tahun tersebut (rujuk Carta 3.1). Sebahagian besar sumber (85%) disalurkan ke arah program berkaitan akses kepada pembiayaan tetapi dari segi bilangan program, sebahagian besar (70%) bertujuan membina kapasiti. Ini menunjukkan bahawa program pembiayaan menelan belanja yang besar, manakala program membina kapasiti pula menggunakan peruntukan yang amat kecil.

Carta 3.1 Bil. Program berdasarkan Teras Strategik



Sumber : SME Corp. Malaysia

Carta 3.2 Jumlah Perbelanjaan berdasarkan Teras Strategik



Sumber : SME Corp. Malaysia

Berikut adalah butiran program bagi setiap teras strategik:

- **Meningkatkan Akses kepada Pembiayaan** merangkumi dana yang disalurkan untuk menyokong pertumbuhan PKS dalam bentuk modal kerja; dana untuk aset tetap termasuk jentera dan peralatan; jaminan; pembiayaan hutang; dan modal teroka. Selain itu, semasa krisis kewangan global 2008/2009, pakej rangsangan berjumlah RM15.6 bilion atau 2% daripada KDNK telah diperkenalkan, dengan sebahagian besarnya bertujuan membantu PKS mendapat akses kepada pembiayaan.
- **Membina Kapasiti dan Keupayaan** PKS dengan tumpuan kepada langkah meningkatkan pengetahuan, kecekapan dan kemahiran PKS agar dapat menangani persaingan dengan lebih cekap. Sebahagian besar sumber disalurkan kepada pembangunan produk, pembangunan usahawan, pembangunan modal insan, serta pemasaran dan promosi.
- **Memperkuh Infrastruktur yang Menyokong** bertujuan membina persekitaran kawal selia yang menyokong dan meningkatkan infrastruktur fizikal dan maklumat untuk PKS.

Walaupun Kerajaan di kebanyakan negara di dunia termasuk negara maju dan sedang membangun menyediakan pelbagai program untuk PKS, namun hanya sebilangan kecil daripada program tersebut yang dinilai dengan teliti bagi mengukur kesannya. Malaysia juga tidak terkecuali kerana setakat ini masih belum ada sebarang penilaian sistematik atau kajian impak yang dilaksanakan terhadap PKS yang menyertai program tersebut untuk menilai sama ada mereka mendapat manfaat dari segi produktiviti, pelaburan, nilai ditambah dan

petunjuk prestasi yang lain. Sebahagian besar pencapaian yang dilaporkan oleh Kementerian dan Agensi adalah dalam bentuk output. Misalnya, dalam bentuk bilangan PKS yang terlibat atau turut serta dalam program berbanding dengan impak jangka masa sederhana dan hasil jangka masa panjang.

Kadang kala, kajian kes yang ringkas atau kaji selidik tinjauan kepuasan peserta program turut dilaksanakan dan kisah kejayaan turut diutarakan, namun masih tiada bukti kukuh tentang keberkesanan sesuatu program. Kaji selidik kualitatif dapat memberikan maklumat tentang tahap kepuasan atau bidang penambahbaikan tetapi tidak dapat mengukur dengan tepat impak bersih yang terhasil daripada penyertaan dalam program. Bagi menilai impak, ianya memerlukan pengetahuan tentang apakah hasil yang mungkin diperoleh jika program tidak dilaksanakan. Komitmen Kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal bererti sumber yang sukar didapati harus digunakan dengan cekap, dan tumpuan diberikan hanya kepada program yang terbukti mampu membuahkan hasil. Ketiadaan bukti tentang impak telah menimbulkan persoalan tentang isu dasar dan penyelarasan:

- Program manakah yang berjaya dan yang gagal serta mengapa?
- Program manakah yang layak mendapat sumber tambahan?
- Bagaimanakah program dapat direka dan dilaksanakan dengan lebih cekap agar memaksimumkan pulangan ekonomi?
- Adakah program memberi manfaat kepada kumpulan sasaran?
- Berjayakah program mencapai objektif yang diingini?
- Adakah hanya segelintir PKS yang mendapat manfaat daripada program oleh pelbagai Kementerian dan Agensi?

Penilaian Impak Pertama terhadap Program

Pada tahun 2010, buat pertama kalinya Kerajaan telah bekerjasama dengan Bank Dunia dalam menjalankan penilaian impak ke atas program PKS. Kajian perintis ini melibatkan penilaian teknikal yang teliti terhadap 15 program yang mempunyai data menyeluruh tentang peserta program. Data peserta program telah dipadankan dengan kaji selidik dan banci yang dikumpul oleh Jabatan Perangkaan untuk menilai prestasi firma yang menyertai program berbanding firma yang mempunyai ciri-ciri yang sama tetapi tidak menyertai sebarang program. Penilaian ini pada asasnya dibahagikan kepada dua kategori, iaitu:


- (i) **Program mengenai pembangunan sumber manusia** di bawah Tabung Pembangunan Sumber Manusia (*Human Resource Development Fund*, HRDF). Diperkenalkan pada tahun 1992, HRDF diwujudkan bagi menangani masalah kurang latihan kepada pekerja. Undang-undang telah menetapkan bahawa majikan dalam 23 subsektor yang sebahagian besarnya dalam sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan terpilih hendaklah menyumbang levi latihan sebanyak 1% daripada upah bulanan pekerja ke dalam HRDF, yang boleh dituntut kembali berdasarkan perbelanjaan latihan yang memenuhi kriteria kelayakan. Data bagi HRDF yang digunakan dalam penilaian impak adalah bagi tempoh 1998 - 2009; dan
- (ii) **Program meliputi pelbagai bidang** seperti pembangunan pasaran; pinjaman mudah; pembiayaan mikro; persijilan kualiti; peningkatan produk dan proses; e-program bagi perdagangan; reka bentuk

Penilaian impak ke atas program sedia ada menunjukkan hasil yang positif terhadap kebanyakan parameter kecuali produktiviti pekerja dan pendapatan

dan pembuatan; serta francais. Kebanyakan program ini tertumpu kepada sektor pembuatan bagi tempoh 2000 – 2008 kerana program dalam sektor perkhidmatan hanya wujud selepas tahun 2005, justeru masih terlalu awal untuk menilai hasilnya.

Secara keseluruhan, analisis impak menunjukkan bahawa program tersebut berjaya membuahkan hasil positif, terutamanya HRDF dan hasil ini setanding dengan keputusan penilaian impak yang dijalankan oleh Bank Dunia di negara lain.

Carta 3.3 **Impak Bersih Program: Peserta berbanding Bukan Peserta**




Sumber : Bank Dunia berdasarkan banci dan kaji selidik dari Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi 14 program yang tidak melibatkan pembangunan sumber manusia, hasil kajian utama adalah:

- Program secara keseluruhannya membawa impak positif terhadap pelaburan dalam mesin dan peralatan, keamatan modal dan produktiviti faktor menyeluruh (*total factor productivity*, TFP). Namun, produktiviti pekerja mencatat impak yang rendah manakala tiada impak ke atas upah pekerja. Carta 3.3 menunjukkan bahawa peserta program merekodkan peningkatan bersih sebanyak 57% dalam pelaburan mesin dan peralatan berbanding dengan bukan peserta program yang mempunyai ciri-ciri yang secara amnya serupa.


- Impak yang dicatat adalah berbeza bergantung kepada program, dengan impak positif tertinggi dicatat dalam pinjaman mudah, disusuli oleh e-program, persijilan kualiti, serta peningkatan produk dan proses (rujuk Carta 3.4). Walau bagaimanapun, program persijilan kualiti serta peningkatan produk dan proses dilihat tidak membawa sebarang hasil ketara terhadap output dan nilai ditambah.
- Firma kecil mencatat impak lebih ketara berbanding perusahaan sederhana atau mikro.
- Setiap 1% peningkatan dalam program yang menyokong akan menghasilkan purata peningkatan sebanyak 1 – 5% dalam prestasi bergantung kepada petunjuk (rujuk Carta 3.5).

Carta 3.4 **Impak berdasarkan Jenis Program : Peserta berbanding Bukan Peserta**



Sumber : Bank Dunia berdasarkan banci dan kaji selidik Jabatan Perangkaan Malaysia dan data daripada Kementerian dan Agensi

Carta 3.5 **Impak Bersih Program yang Menyokong**




Sumber : Bank Dunia berdasarkan kepada banci dan kaji selidik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia

Hasil kajian terhadap program latihan HRDF menunjukkan impak positif yang kukuh termasuk kesan terhadap produktiviti (TFP dan produktiviti pekerja). Impak paling ketara dapat dilihat dalam aspek pelaburan mesin dan peralatan serta keamatan modal, diikuti oleh nilai ditambah dan TFP. Program ini juga mencatat peningkatan dalam produktiviti dan upah pekerja. Sekali lagi, program latihan HRDF menunjukkan impak paling ketara terhadap firma kecil. Memandangkan program latihan membawa impak yang kukuh terhadap PKS, adalah penting untuk memastikan penggunaan dana HRDF dipertingkatkan.

Kesimpulannya, penilaian impak menunjukkan bahawa banyak program yang telah dikaji secara amnya terbukti berkesan dalam meningkatkan prestasi PKS yang terlibat. Magnitud impak program ini adalah setara dengan anggaran impak terhadap program PKS di negara berpendapatan tinggi dan negara sedang membangun lain.

Kejayaan kajian perintis ini membuka laluan bagi pelaksanaan kajian yang lebih menyeluruh terhadap semua program PKS di masa hadapan. Usaha lebih giat perlu diambil bagi memperluas pangkalan maklumat tentang semua peserta program PKS. Tumpuan program masa hadapan perlu menjurus ke arah peningkatan produktiviti pekerja kerana impak terhadap bidang ini masih belum mencapai matlamat yang disasarkan. Dalam jangka masa panjang, peningkatan produktiviti akan membawa impak berkekalan terhadap upah dan pendapatan PKS.

Carta 3.6 Impak Bersih HRDF



Sumber : Bank Dunia berdasarkan banci dan kaji selidik Jabatan Perangkaan Malaysia





bab4

**Pendorong yang Memacu
Prestasi PKS**

Pendorong yang Memacu Prestasi PKS


Dalam usaha melonjakkan prestasi PKS ke peringkat seterusnya, adalah penting untuk memahami faktor yang memacu prestasi PKS. Berdasarkan analisis penemuan daripada *Productivity and Investment Climate Surveys* oleh Bank Dunia, terdapat enam faktor yang mempengaruhi prestasi PKS di Malaysia (rujuk Carta 4.1).

Carta 4.1 Pendorong Prestasi PKS



Menurut analisis tersebut, penerapan inovasi dan teknologi merupakan pendorong prestasi yang terpenting, dan membawa impak paling ketara terhadap produktiviti faktor menyeluruh (*total factor productivity*, TFP) dan pertumbuhan guna tenaga. Ini disusuli oleh pembangunan modal insan, akses kepada pembiayaan, akses kepada pasaran dan seterusnya perundangan dan infrastruktur. Kesemua pendorong prestasi PKS ini perlu dipertingkatkan secara serentak kerana sebarang kelemahan dalam mana-mana pendorong tersebut akan menghalang PKS mencapai potensi sepenuhnya. Pada ketika ini, PKS masih belum dapat mencatat prestasi tinggi ekoran cabaran yang dihadapi dalam setiap satu bidang tersebut. Tujuan Pelan Induk adalah untuk menangani cabaran ini dengan merealisasikan potensi pertumbuhan PKS untuk mencapai Wawasan 2020.

Carta 4.2

Cabaran Utama yang Dihadapi oleh PKS

Penerapan Inovasi dan Teknologi


Kajian perbandingan menunjukkan tahap inovasi firma Malaysia adalah setanding atau lebih tinggi daripada negara berpendapatan sederhana, tetapi jauh lebih rendah berbanding tahap inovasi di negara berpendapatan tinggi. Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan ke arah mewujudkan sistem inovasi kebangsaan bagi menggalakkan inovasi, namun secara amnya tidak banyak PKS yang terlibat dalam sistem inovasi tersebut. PKS juga sering kali kekurangan masa, tenaga kerja dan dana untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*Research and Development, R&D*) dan pengkomersialan produk. Penaiktarafan teknologi juga dianggap sebagai kos dan bukan pelaburan dan ini menyebabkan kurangnya penerapan teknologi oleh PKS.

Kurang Penyertaan dalam Sistem Inovasi Kebangsaan

Penyebaran inovasi teknologi dalam kalangan PKS agak terbatas kerana tidak banyak yang membabitkan diri dalam sistem inovasi kebangsaan. Walaupun universiti dan institusi awam menjalankan penyelidikan gunaan, namun ia masih tidak sejajar dengan keperluan pasaran. Kerjasama PKS dan universiti juga adalah terhad kerana kemudahan untuk penyelidikan yang tidak

Matlamat utama adalah untuk merealisasikan potensi pertumbuhan PKS dengan menangani cabaran dalam enam pendorong prestasi PKS

Carta 4.3 Inovasi Peringkat Firma dalam Kalangan Negara Terpilih



Sumber : World Bank Knowledge Assessment Methodology Innovation Index (KAM) 2009

Nota : KI pada paksi menegak merujuk kepada Indeks Pengetahuan (Knowledge Index) iaitu purata di antara indeks inovasi, kemahiran dan ICT

mencukupi dalam bidang baharu seperti teknologi hijau. Kedudukan PKS sebagai pembekal peringkat kedua dan ketiga telah menempatkan mereka lebih jauh daripada sempadan teknologi terkini dan menyukarkan pemindahan teknologi daripada syarikat besar dan syarikat multinasional.

Aktiviti Penyelidikan & Pembangunan (R&D) dan Pengkomersialan yang Rendah

Kebanyakan PKS tidak menjalankan aktiviti R&D (perbelanjaan R&D oleh PKS hanya menyumbang sebanyak 0.05% daripada KDNK pada tahun 2006¹) kerana lazimnya pelaburan modal dalam aktiviti ini tidak mampu ditampung oleh PKS. Walaupun lazimnya Kerajaan menawarkan pelbagai insentif cukai untuk menyokong R&D, namun hanya segelintir PKS sahaja di Malaysia yang beroperasi di sempadan teknologi dan yang

mendapat manfaat daripada insentif tersebut. Di samping itu, PKS tidak menggunakan dengan sepenuhnya kemudahan ujian dan inkubasi yang sedia ada kerana dianggap tidak relevan.

Satu lagi aspek yang berkaitan ialah PKS juga sering dibelenggu cabaran untuk mendapatkan sokongan kewangan bagi pengkomersialan R&D, terutamanya teknologi baru seperti teknologi nano dan teknologi hijau. Kekurangan sumber turut mengakibatkan PKS tidak berupaya menilai kebolehpasaran inovasi mereka. Meskipun sumber tersebut dapat diperolehi, PKS berhadapan kesukaran mendapatkan akses kepada pasaran dan ini membataskan keinginan mereka untuk menginovasi. Oleh yang demikian, banyak negara di dunia menyediakan sokongan bagi produk PKS yang inovatif menerusi perolehan Kerajaan.

¹ Sumber dari Kaji Selidik R&D Kebangsaan 2008, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Malaysia


Kurang Penerapan Teknologi

Kebanyakan PKS berpendapat bahawa aktiviti peningkatan produktiviti sebagai satu perbelanjaan (kos) dan bukan pelaburan jangka panjang. Justeru itu, PKS agak keberatan untuk melabur dalam automasi lantaran kurang kesedaran bahawa manfaat produktiviti jangka panjang bakal melampaui kos permulaan yang tinggi untuk memperoleh jentera atau peralatan. Masalah ini ditambah lagi kerana PKS terlalu banyak bergantung kepada tenaga buruh asing tidak mahir. Akses kepada buruh tidak mahir telah mengurangkan insentif bagi menerapkan teknologi baharu dan bergerak ke arah aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi.

Pembangunan Modal Insan

Kekurangan tenaga kerja yang berpendidikan dan mahir adalah kekangan yang besar bagi pertumbuhan dan produktiviti. Menurut kaji selidik Bank Dunia, kekurangan tenaga kerja berpendidikan dikenal pasti sebagai halangan utama terhadap operasi dan pertumbuhan perniagaan di Malaysia (rujuk Carta 4.4). Masalah ini dianggap jauh lebih ketara berbanding dengan negara berpendapatan sederhana atau tinggi yang lain. Secara keseluruhan, perniagaan di Malaysia termasuk PKS, menghadapi kesukaran mengrekrut dan mengekalkan pekerja mahir bagi jawatan teknikal, penyeliaan dan pengurusan.

Carta 4.4 Tanggapan Terhadap Kekangan Operasi dan Pertumbuhan Perniagaan



Sumber : Enterprise Surveys oleh Bank Dunia

Tenaga Kerja Kurang Kesiapan Kerja

Pada asasnya, tenaga kerja kini kurang kesiapan kerja, lantas menyebabkan ketidakseimbangan di antara penawaran dan permintaan. Sukatan pelajaran tidak mengambil kira perspektif industri, termasuk pengetahuan industri terkini, telah menjejaskan kualiti pelajar daripada universiti, kolej, sekolah teknik dan politeknik. Politeknik dan sekolah vokasional juga dibayangi persepsi negatif, lalu membataskan bilangan jumlah tenaga pekerja politeknik dan teknikal yang berkualiti yang boleh berkhidmat untuk PKS.

Kurang Penyertaan Program Latihan

PKS secara amnya keberatan untuk menghantar pekerja mereka menjalani latihan, berikutan kebimbangan terhadap gangguan aktiviti kerja dan penawaran kerja kepada kakitangan tersebut oleh firma lain. Lazimnya, PKS menganggap latihan sebagai suatu kos yang perlu ditanggung dan tidak melihatnya sebagai manfaat jangka panjang yang boleh dinikmati ekoran peningkatan produktiviti. Kurangnya minat PKS dalam latihan boleh juga dikaitkan dengan kekurangan atau terhadnya kursus latihan yang relevan yang ditawarkan.

Ganjaran dan Manfaat Tidak Setara

Kebanyakan PKS menghadapi kesukaran untuk menarik dan mengekalkan pekerja kerana imbuhan yang diberikan dianggap rendah serta ganjaran dan faedah yang tidak setara. PKS amnya mempunyai keupayaan yang terbatas untuk menawarkan pakej pampasan yang menarik berbanding dengan firma besar, lantas ramai pekerja PKS sering bertukar kerja. Tenaga kerja yang layak dan berkemahiran tinggi akan mencuba nasib dengan mencari peluang pekerjaan di luar negara dan ini akan mengurangkan jumlah modal insan berkemahiran di dalam negara.

Akses kepada Pembiayaan

Sejak dahulu, akses kepada pembiayaan merupakan antara aspek paling mencabar bagi PKS di kebanyakan negara, termasuk negara berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, Malaysia berjaya mencatat kemajuan ketara dalam usaha meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS, khususnya dalam sektor perbankan. Berdasarkan *Doing Business Report* oleh Bank Dunia, Malaysia ditarafkan di tempat pertama selama empat tahun berturut-turut bagi 'mendapatkan kredit'. Pada masa ini, institusi perbankan merangkumi 80 - 90% daripada semua peminjaman PKS. Pembiayaan PKS terkumpul berbanding jumlah pinjaman perniagaan mencakupi 30% pada tahun 1999 dan meningkat kepada 41% pada tahun 2011.



Pembiayaan daripada Sumber Bukan Perbankan

Dalam pada itu, adalah penting skop bagi pembiayaan daripada sumber bukan perbankan perlu diperluaskan, terutama industri modal teroka, pelabur perseorangan (*angel investors*) dan pembiayaan daripada pasaran modal untuk menyokong pelbagai peringkat kitaran hayat perniagaan. Berikutan matlamat Malaysia untuk menggalakkan bidang pertumbuhan baru dan bergerak ke arah ekonomi dipacu inovasi, sumber pembiayaan baharu perlu diperteguh untuk menyokong firma yang berinovatif dan yang baru ditubuhkan. Bank lazimnya tidak mempunyai keupayaan untuk menyediakan pembiayaan sebegini, maka ini memerlukan pembangunan seterusnya bagi industri modal teroka dan pelabur perseorangan. Bagi PKS yang telah berkembang menjadi syarikat saiz sederhana, akses kepada pasaran modal harus terus dipertingkatkan bagi menyediakan pilihan lain supaya syarikat boleh berkembang menjadi besar.

Kepercayaan Kredit yang Lemah dan Kekurangan Sumber

PKS terutamanya perusahaan mikro juga menghadapi cabaran dalam mendapatkan pembiayaan bank, sama ada disebabkan oleh kepercayaan kredit yang lemah, rekod akaun pembiayaan yang kurang baik atau perniagaan yang tidak berdaya maju. Bagi institusi perbankan pula, mereka menghadapi cabaran disebabkan oleh kekurangan tenaga pakar terutama di bidang yang baharu dan belum pernah diterokai kerana risikonya yang dianggap tinggi.

Akses kepada Pasaran

Penembusan pasaran tempatan dan eksport merupakan cabaran buat PKS, namun cabarannya melibatkan pelbagai isu yang berbeza.

Akses yang Terhad kepada Perolehan Kerajaan dan Syarikat Besar

Dalam pasaran tempatan, akses PKS terhadap perolehan oleh Kerajaan dan syarikat besar adalah terbatas, ekoran persepsi bahawa produk dan perkhidmatan PKS bermutu rendah. Di samping itu, PKS juga mempunyai kapasiti yang kecil dan oleh itu tidak dapat memenuhi pesanan yang besar. Peranan sebagai pembekal kepada Kerajaan dan syarikat besar merupakan batu loncatan untuk menembusi pasaran eksport.



Kurang Memberi Tumpuan kepada Pemasaran dan Penjenamaan

PKS juga kurang memberi tumpuan kepada aktiviti pemasaran dan penjenamaan, lantas produk dan perkhidmatan mereka sukar dipasarkan kepada pengguna. Biasanya, penjenamaan dan pemasaran tidak dititikberatkan sebagai alat persaingan kerana PKS tidak menyedari akan kepentingan usaha sedemikian. Bagi PKS yang memahami fungsi faktor tersebut, sumber sering kali tidak mencukupi untuk melaksanakan aktiviti pemasaran dan penjenamaan dalaman atau mengambil perunding pemasaran dan penjenamaan yang cekap.

Kekurangan Pengetahuan dan Sumber


Bagi tujuan meneroka pasaran antarabangsa, PKS kekurangan pengetahuan dan sumber yang berkaitan. Kos untuk mengumpul maklumat

ini dan mematuhi pelbagai keperluan tersebut memerlukan pelaburan permulaan yang banyak dari segi sumber kewangan dan pengurusan mahir. Meskipun kini terdapat banyak program dan aktiviti yang ditawarkan oleh agensi Kerajaan dan sektor swasta untuk membantu PKS mengeksport, inisiatif sedemikian terlalu umum dan tidak menyediakan bantuan khusus yang diperlukan oleh PKS untuk menembusi pasaran sasaran.

Kuasa Rundingan yang Rendah

Jumlah kapasiti PKS yang rendah membataskan kuasa rundingan mereka dalam rantaian bekalan. PKS sering kali menghadapi masalah mencapai ekonomi skala (ikut bidangan) dalam pembelian bahan mentah, dan akses kepada khidmat perundingan. Oleh itu, PKS tidak dapat merebut peluang pasaran yang memerlukan kuantiti pengeluaran yang besar.

Carta 4.5 Pelesenan dan Permit sebagai Kekangan Utama



Persekitaran Perundangan dan Kawal Selia

Peraturan perniagaan boleh menjadi penghalang utama yang mengekang pertumbuhan PKS kerana proses dan beban pentadbiran boleh menambah kos menjalankan perniagaan.

Pendaftaran Perniagaan dan Mendapatkan Lesen dan Permit

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Kerajaan menerusi Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) telah mengambil pelbagai langkah untuk menambah baik persekitaran kawal selia dan perkhidmatan penyampaian awam tetapi cabaran masih wujud dalam bidang pendaftaran perniagaan dan dalam mendapatkan lesen dan permit (rujuk Carta 4.5). Setakat ini, Kerajaan telah mewujudkan satu sistem Pendaftaran Perniagaan Negara atau *My Corporate Identity* (MyCoID) dan Sistem Sokongan Elektronik Lesen Perniagaan (*Business Licensing Electronic Support System*, BLESS) untuk menangani perkara ini. MyCoID bermatlamat memudahkan pendaftaran perniagaan dengan menggunakan satu nombor rujukan sewaktu berurusan dengan pelbagai agensi, manakala BLESS diwujudkan bagi berfungsi sebagai satu laluan untuk permohonan dan pembaharuan permit .

Mematuhi Peraturan Tertentu

PKS juga dibebani masalah untuk mematuhi peraturan tertentu disebabkan pemahaman yang lemah dan kos pematuhan yang tinggi. Sebagai contoh, banyak PKS kurang memahami bidang Harta Intelek (*Intellectual Property*, IP) kerana tidak mempunyai keupayaan dalaman untuk menangani isu berkaitan IP. Di samping itu, kos

pematuhan yang tinggi seperti keperluan yang berkaitan dengan cukai lazimnya adalah regresif dan mengenakan beban yang keterlaluan terhadap PKS.

Perundangan Mengekang Pembentukan dan Pertumbuhan

Ada beberapa perundangan yang menghalang atau mengekang penubuhan perniagaan, pemformalan dan pertumbuhan PKS seperti Undang-undang Kebankrapan dan juga sistem percukaian. Undang-undang Kebankrapan sedia ada di Malaysia mengenakan penalti kepada individu dan bukannya perusahaan, dan pelepasan daripada kebangkrapan di Malaysia mengambil masa lebih lama iaitu lima tahun. Amalan ini kurang memuaskan berbanding dengan sesetengah negara maju. Di samping itu, kadar cukai yang berbeza bagi PKS (kadar cukai korporat sebanyak 20% berbanding 25% bagi firma lain) mungkin tidak menggalakkan firma berkembang menjangkau takrifan PKS. Dalam pada itu, firma tidak formal terus wujud kerana sesetengah pihak berkuasa tidak menetapkan pendaftaran perniagaan sebagai pra-syarat untuk memulakan perniagaan.



Infrastruktur

Meskipun Malaysia mempunyai kemudahan infrastruktur bertaraf dunia, sistem pelepasan dan fasilitasi perdagangan yang cekap juga penting kepada PKS kerana ia memberi kesan ke atas kos menjalankan perniagaan. Sistem Pertukaran Data Elektronik (*Electronic Data Interchange*, EDI) telah direka khusus sebagai rangkaian maklumat tunggal tanpa kertas bagi penyerahan dokumen pelepasan kargo fret. Namun, firma masih dikehendaki menyerahkan dokumen pelepasan perdagangan secara atas talian dan secara fizikal kepada beberapa pihak berkuasa.

Tambahan pula, terdapat kekurangan kemudahan khusus dan penyedia perkhidmatan logistik yang dapat memenuhi keperluan khusus PKS. Lazimnya, penghantaran produk PKS tidak begitu kerap dan jumlahnya agak sedikit, justeru menjejaskan keupayaan mereka untuk mendapatkan kadar yang lebih kompetitif dari penyedia perkhidmatan kerana ketiadaan ekonomi skala (ikut bidang).

Cabaran bagi PKS di Malaysia Timur

Cabaran yang dihadapi oleh PKS di Malaysia Timur adalah unik disebabkan terutamanya infrastruktur yang tidak mencukupi lalu menimbulkan isu berkaitan dengan kesalinghubungan dan mutu kemudahan asas. Malaysia Timur juga menghadapi cabaran yang berkait dengan isu pentadbiran, mendapatkan maklumat pada masa yang ditetapkan, akses kepada pasaran yang terhad dan kewujudan sektor tidak formal.

Kesalinghubungan yang Lemah dan Kemudahan yang Tidak Memadai

Masalah kesambungan atau kesalinghubungan pengangkutan darat dan laut di Malaysia Timur menimbulkan masalah akses dan menambahkan kos menjalankan perniagaan bagi PKS. Masalah ini bertambah buruk dengan liputan komunikasi yang tidak cukup dan memadai serta gangguan pada kemudahan asas. Kos bagi PKS yang beroperasi



di taman perindustrian adalah lebih tinggi kerana pemaju kawasan sedemikian perlu menanggung kos tambahan bagi menyediakan infrastruktur yang mencukupi.

Cabaran Pentadbiran

Pendaftaran syarikat sendirian berhad adalah di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan kaunter pendaftaran sebahagian besarnya didapati di bandar-bandar besar. Sementara itu, pendaftaran pemilikan tunggal dan perkongsian dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan. Di samping itu, proses penukaran kegunaan tanah, misalnya daripada pertanian kepada perindustrian boleh memakan masa dan menambahkan bebanan pentadbiran kepada PKS. Ini melambatkan proses pendaftaran dan mendapatkan lesen operasi oleh PKS serta melayakkan diri bagi mendapat bantuan Kerajaan dan program pembangunan PKS. PKS juga mengalami masalah mengrekrut pekerja dari luar negeri disebabkan sekatan imigresen. PKS di Malaysia Timur sering terlepas peluang untuk menyertai program Kerajaan kerana lewat mendapatkan maklumat yang betul dan tepat pada masanya.

Akses kepada Pasaran yang Terhad

PKS di Malaysia Timur mempunyai akses kepada pasaran yang terbatas kerana lokasi geografinya yang luas dan saiz pasaran yang kecil. Ketiadaan ekonomi skala (ikut bidangan) pada pengeluaran dan pengedaran telah menjejaskan daya saing mereka. Sektor tidak formal yang agak besar yang wujud di Malaysia Timur telah menimbulkan persaingan tidak adil terhadap PKS yang formal.

Kesimpulan

Adalah penting untuk memahami arus gerakan yang memacu pertumbuhan PKS dan kekangan yang menjejaskan pendorong pertumbuhan tersebut supaya dapat merumuskan tindakan dasar yang mampu menanganinya. Langkah ini perlu diselesaikan secara serentak kerana sebarang kelemahan atau kekurangan pada mana-mana faktor boleh menjejaskan keseluruhan prospek pertumbuhan PKS.



bab **5**


**Rangka Kerja Baharu
Pembangunan PKS**

Rangka Kerja Baharu Pembangunan PKS

Analisis tentang ciri-ciri utama PKS Malaysia serta faktor yang memacu prestasi dan cabaran semasa yang dialami oleh PKS telah menjadi asas untuk menyediakan satu Rangka Kerja Baharu Pembangunan PKS. Rangka kerja ini seterusnya dijangka dengan aspirasi negara yang lebih luas, iaitu mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Bagi mencapai aspirasi ini, PKS perlu melalui pertumbuhan yang dipacu oleh inovasi dan didorong oleh produktiviti. Rangka kerja ini mempunyai lima elemen, iaitu:

- Visi pembangunan PKS melangkah ke hadapan;
- Matlamat strategik ke arah mencapai Visi ini;
- Bidang tumpuan bagi melancarkan dasar untuk meningkatkan prestasi PKS;
- Pelan Tindakan untuk menangani kekangan pertumbuhan pada masa kini; dan
- Kapasiti keinstitutional untuk menyokong pelaksanaan Pelan.

Carta 5.1 Rangka Kerja Baharu Pembangunan PKS



Wawasan 2020 bagi Pembangunan PKS

Pelan Induk PKS berhasrat mewujudkan PKS yang mampu berdaya saing di peringkat global merentasi semua sektor ekonomi lantas meningkatkan kekayaan dan menyumbang kepada kesejahteraan sosial negara. Pendekatan serampang dua mata bakal diterapkan dalam pelaksanaan strategi. Pelan ini bukan sahaja tertumpu kepada langkah membangunkan syarikat berinovasi dan mempunyai pertumbuhan tinggi agar dapat merealisasikan potensi penuh dan menembusi pasaran global, malah turut menyediakan bantuan menyeluruh bagi memenuhi keperluan perusahaan mikro. Justeru itu, Pelan ini adalah terangkum dan mampan selain dapat mencapai aspirasi berpendapatan tinggi.

Matlamat Strategik yang menyokong Visi

Analisis yang dilaksanakan bagi tujuan pembangunan Pelan Induk telah memaparkan empat ciri utama bagi PKS Malaysia iaitu produktiviti yang rendah, tahap penubuhan perniagaan yang secara relatifnya rendah, sebilangan kecil firma yang menyumbang kepada sebahagian besar peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan guna tenaga, serta sektor tidak formal yang secara relatifnya tinggi. Bagi mencapai Visi Pelan Induk, empat matlamat strategik Pelan Induk telah dikenal pasti untuk menangani isu tersebut iaitu:

- **Meningkatkan penubuhan perniagaan;**
- **Menambah bilangan firma yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan berinovasi;**
- **Meningkatkan produktiviti; dan**
- **Mempergiat usaha pemformalan.**


Setiap matlamat ini mempunyai sasaran khusus yang perlu dipenuhi bagi mencapai sasaran makro utama, iaitu sumbangan PKS kepada KDNK, guna tenaga dan eksport.

1. **Meningkatkan Penubuhan Perniagaan** untuk memudahkan dinamisme sektor swasta menerusi kemasukan perniagaan baharu secara berterusan ke dalam pasaran. Peningkatan penubuhan perniagaan bukan sahaja akan menggalakkan persaingan yang dapat meningkatkan produktiviti dan menurunkan harga yang seterusnya menjana pertumbuhan ekonomi yang pesat, tetapi juga akan merangsang inovasi, menambahkan bilangan syarikat yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan meningkatkan prospek penubuhan syarikat tempatan yang kukuh. Pelan Induk menetapkan sasaran kadar purata peningkatan tahunan sebanyak 5% dalam pendaftaran perniagaan (liabiliti terhad) bagi tempoh 2012 - 2015 yang seterusnya meningkat kepada 7% dari tahun 2016 – 2020 (2005 - 2011: purata peningkatan tahunan sebanyak 2.4%). Sementara itu, ketumpatan masuk (*entry density*) yang menggambarkan bilangan syarikat sendirian berhad yang berdaftar sebagai peratusan kepada penduduk dalam lingkungan umur bekerja (15 - 64 tahun) disasarkan meningkat daripada purata 2.3% dalam tempoh 2004 - 2011 kepada 3.4% pada tahun 2020.

Rangka Kerja Baharu Pembangunan PKS dijangka dengan aspirasi negara yang lebih luas, iaitu mencapai status ekonomi berpendapatan menjelang tahun 2020.

2. **Menambah Bilangan Firma yang Mempunyai Pertumbuhan Tinggi dan Berinovasi** kerana mereka dapat menjana sumbangan ketara kepada pekerjaan baharu dan menambahkan pengeluaran negara serta memudahkan perkembangan kepada syarikat besar. Firma sebegini lazimnya mempunyai skala yang diperlukan untuk bersaing di peringkat global. Pelan Induk menetapkan sasaran purata peningkatan tahunan sebanyak 10% bagi bilangan firma yang mempunyai pertumbuhan tinggi serta berinovasi bagi tempoh 2012 - 2020.
3. **Meningkatkan Produktiviti PKS** untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup. Usaha harus menjurus ke arah menggalakkan automasi dan penjenteraan; menggalakkan pembangunan produk dan proses; serta mengalihkan sumber kepada aktiviti nilai ditambah lebih tinggi dalam rantai nilai. Saranan di bawah Pelan Tindakan ini akan menghasilkan peningkatan dua kali ganda terhadap produktiviti pekerja PKS daripada RM47,000 setiap pekerja pada tahun 2010 kepada RM91,000 setiap pekerja pada tahun 2020. Ini memerlukan purata peningkatan tahunan produktiviti sebanyak 6.9% sepanjang tempoh 2011 - 2020 berbanding 3.4% sepanjang tempoh 2004 - 2010.


Carta 5.2 Ringkasan Matlamat & Sasaran Pelan Induk PKS



4. **Mempergiat Usaha Pemformalan** untuk mendorong inovasi, pertumbuhan dan menggalakkan persaingan yang adil. Kewujudan sektor tidak formal didapati mengurangkan insentif bagi inovasi, mengurangkan prospek pertumbuhan, menggalakkan persaingan tidak adil dan menjejaskan asas cukai. Justeru itu, adalah penting untuk mengintegrasikan sebanyak mungkin PKS dalam aliran utama ekonomi. Pelan Induk menetapkan sasaran untuk mengurangkan sumbangan bahagian sektor tidak formal kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) daripada 31% pada tahun 2000 kepada 15% pada tahun 2020.

Sasaran di bawah setiap matlamat ini akan menghasilkan pertumbuhan lonjakan berganda yang diperlukan oleh PKS untuk mencapai Visi Pelan Induk. Kejayaan dalam melaksanakan Pelan Induk mampu meletakkan PKS pada trajektori pertumbuhan yang lebih tinggi, iaitu 8.7% setahun bagi tempoh (purata peningkatan tahunan pada 2012 - 2020), berbanding purata pertumbuhan tahunan sebanyak 6.5% tanpa Pelan Induk atau landasan pertumbuhan 'perniagaan seperti biasa'. Pertumbuhan pesat ini dijangka meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK sebanyak 41% (2010: 32%), guna tenaga sebanyak 62% (2010: 59%) dan eksport sebanyak 25% (anggaran semasa: 19%) pada tahun 2020 seperti mana dipaparkan dalam Carta 5.3.

Carta 5.3 Sasaran Makro bagi Pelan Induk PKS



Sumber : SME Corp. Malaysia



Bidang Tumpuan yang Mempengaruhi Prestasi

Dalam bab sebelumnya, Pelan Induk telah mengenal pasti enam pendorong prestasi bagi menggiatkan pertumbuhan PKS. Ini termasuklah cabaran yang dihadapi oleh PKS. Untuk menangani cabaran tersebut, Rangka kerja baharu telah menukarkan pendorong prestasi kepada enam bidang tumpuan iaitu:



PENERAPAN INOVASI DAN TEKNOLOGI

Menggalakkan penerapan inovasi dan teknologi oleh PKS



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Meningkatkan pembangunan modal insan dan keusahawanan dalam kalangan PKS



AKSES KEPADA PEMBIAYAAN

Memastikan PKS yang mempunyai kepercayaan kredit mendapat akses kepada pembiayaan untuk modal kerja dan pelaburan



AKSES KEPADA PASARAN

Memperluas akses kepada pasaran bagi produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh PKS



PERSEKITARAN PERUNDANGAN DAN KAWAL SELIA

Memastikan persekitaran perundangan dan kawal selia adalah kondusif terhadap penubuhan dan pertumbuhan PKS, di samping melindungi kepentingan masyarakat secara amnya



INFRASTRUKTUR

Menambah baik infrastruktur yang diperlukan oleh PKS agar dapat beroperasi dengan berkesan

Pada ketika ini, beberapa inisiatif telah pun dijalankan oleh pelbagai Kementerian dan Agensi dalam menangani kekangan yang dihadapi. Pelan Tindakan di bawah Pelan Induk dibangunkan berdasarkan langkah-langkah tersebut melalui pendekatan yang menyeluruh bagi mengukuhkan lagi bidang tumpuan dan memastikan bahawa kekangan paling kritikal dapat ditangani secara serentak. Ini adalah penting ke arah mencapai matlamat strategik Pelan Induk.

Pelan Tindakan untuk Menggiatkan Pertumbuhan

Pelan Tindakan mencakupi saranan utama Pelan Induk yang terdiri daripada 32 inisiatif. Inisiatif ini bertujuan mengurangkan halangan dan kekangan dalam enam bidang tumpuan yang telah dikenal pasti bagi menyokong empat matlamat strategik. Ini termasuk enam Program Berimpak Tinggi yang menggabungkan langkah sinergi yang dapat menghasilkan kesan ketara bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Tumpuan khusus Pelan Tindakan adalah untuk menangani masalah ketaksempurnaan pasaran dan asimetri maklumat sehingga ianya diperlukan.

Kapasiti Keinstitutionan untuk Menyokong Pelaksanaan

Bagi menjamin kejayaan pelaksanaan Pelan Induk, adalah penting untuk mewujudkan kapasiti keinstitutionan bagi melaksanakan tugas mencabar ini. Antaranya, mewujudkan pangkalan data pada masa yang tepat dan boleh dipercayai bagi membuat keputusan dasar, memperkenalkan sistem Pemantauan dan Penilaian (*Monitoring and Evaluation, M&E*) yang berkesan; mengukuhkan penyelarasan dalam kalangan pihak berkepentingan yang terlibat dalam pelaksanaan

Pelan; dan mewujudkan perkhidmatan sokongan perniagaan yang mantap, termasuk pembentukan kumpulan penyedia perkhidmatan swasta.

Pangkalan Data yang Boleh Dipercayai

Ketersediaan pangkalan data pada masa yang tepat dan boleh dipercayai adalah penting untuk memudahkan penilaian terkini terhadap prestasi PKS dalam semua sektor ekonomi. Data ini juga adalah penting bagi menjalankan fungsi M&E untuk menilai keberkesanan program. Justeru, semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan inisiatif pembangunan PKS, khususnya Kementerian dan Agensi perlu komited dalam menyediakan data pada masa yang tepat. Adalah penting untuk menangani isu seperti ketetapan data yang diperlukan, kekerapan mengemas kini, keseragaman maklumat dan penghasilan laporan berkala. Pihak berkepentingan lain yang terlibat adalah Jabatan Perangkaan dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.



Pemantauan dan Penilaian

Pemantauan dan Penilaian (M&E) adalah bahagian penting Pelan Induk bagi menuju ke arah pendekatan berasaskan hasil. Sistem M&E yang boleh dipercayai perlu diwujudkan untuk menilai secara berkala sama ada program dan inisiatif di bawah Pelan Tindakan berjalan lancar dan berkesan dalam mencapai matlamat. Ini akan memastikan sebarang program yang dilaksanakan mempunyai hasil yang jelas dan nyata (dari segi hasil akhir dan hasil pertengahan) yang boleh dinilai dan diambil kira dari peringkat awal lagi. Antara langkah utama kepada fungsi ini adalah:

- Membangunkan strategi bagi M&E dan kaedah laporan;
- Memastikan M&E adalah bahagian penting dalam reka bentuk program;
- Mengemas kini Pelan Tindakan berdasarkan petunjuk hasil bagi melaksanakan sifat pelan yang 'sepanjang hayat'; dan
- Menyediakan laporan berkenaan perkembangan inisiatif di bawah Pelan Tindakan kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK).

Penyelarasan yang Berkesan

Penyelarasan adalah cabaran terbesar dalam pembangunan PKS di semua negara kerana PKS merentasi pelbagai sektor. Justeru itu, strategi pembangunan yang digariskan dalam Pelan Induk adalah merentasi semua sektor dan memerlukan penyelarasan berterusan dalam kalangan pelbagai Kementerian dan Agensi serta sektor swasta untuk memastikan hasil sejajar dengan matlamat Pelan Induk. Tugas untuk memantau pembangunan PKS di Malaysia akan diamanahkan kepada Agensi Penyelaras Pusat (*Central Coordinating Agency, CCA*). Penyelarasan bukan sekadar tertumpu

kepada mesyuarat berstruktur dan mengemas kini status, tetapi juga memerlukan perhubungan erat dalam kalangan pasukan pelaksana di peringkat bawahan melalui penglibatan dan sesi dialog secara berkala dalam menyelesaikan isu. Antara bidang utama yang perlu diberi tumpuan untuk memastikan penyelarasan yang lebih cekap termasuk:

- Membangun dan mengekalkan pelan bagi pelaksanaan program;
- Memastikan peruntukan belanjawan diurus selaras dengan dasar;
- Memastikan pelaksanaan program adalah praktikal dan boleh dilaksanakan;
- Mengumpul dan menganalisis program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian dan Agensi;
- Menganalisis data output dan hasil program serta inisiatif di bawah Pelan Tindakan; dan
- Melaporkan projek khusus termasuk kisah kejayaan.



Perkhidmatan Perniagaan yang Berkesan

Pelan Induk bukan hanya menekankan faktor penawaran tetapi juga akan memastikan PKS memaksimumkan penggunaan inisiatif dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan. Ini hanya dapat dicapai melalui pendidikan dan jangkauan yang lebih meluas kepada PKS. Nasihat dan maklumat khusus dalam pelbagai bidang amat diperlukan oleh PKS, agar mereka dapat bersaing secara berkesan dalam pasaran yang sukar dan berdaya saing. Dengan ini, perkhidmatan perniagaan yang cekap dapat membantu PKS dan menyumbang kepada penyebaran maklumat terkini yang dapat menggalakkan mereka menggunakan program dan insentif sedia ada. Antara bantuan yang disediakan adalah menembusi pasaran eksport; melaksanakan inovasi, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*research and development*, R&D) dan menaik taraf teknologi; pengurusan kewangan serta pilihan pembiayaan dan lain-lain.

Agensi Penyelaras Pusat mempunyai Pusat Rujukan Setempat yang berperanan sebagai titik hubungan pusat bagi PKS mendapatkan maklumat dan bantuan. Ia akan menerajui usaha menyediakan perkhidmatan nasihat dan perkhidmatan sokongan yang lain termasuk perkhidmatan pembangunan perniagaan kepada PKS. Ini akan dilaksanakan di peringkat negeri untuk memastikan jangkauan, manakala Kementerian dan Agensi serta institusi perbankan juga mempunyai pusat PKS masing-masing untuk menyediakan nasihat dan maklumat. Pelan Induk turut menggalakkan pembentukan kumpulan pakar daripada sektor swasta yang dapat menyediakan perkhidmatan perniagaan yang cekap.

Ringkasan

Lima elemen utama dalam Rangka Kerja Baharu Pembangunan PKS memainkan peranan penting dalam merencanakan hala tuju PKS bagi tempoh sembilan tahun akan datang. Walaupun Pelan Induk turut mengambil kira inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk menggalakkan pertumbuhan PKS, namun melangkah ke hadapan, usaha harus dipergiat dan dijangka dengan matlamat dan Visi Pelan Induk PKS.






bab **6**

Peluang Pertumbuhan Masa Hadapan untuk PKS

Peluang Pertumbuhan Masa Hadapan untuk PKS

Adalah di jangkakan dalam transformasi Malaysia ke sebuah ekonomi berpendapatan tinggi, landskap ekonomi negara akan berubah. Ia akan dicirikan dengan satu perubahan beransur-ansur dalam semua sektor ekonomi ke arah aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi yang berintensifkan pengetahuan, dipacu oleh inovasi dan produktiviti. Paling ketara, sektor perkhidmatan dijangka menjadi sektor yang lebih dominan dan menjadi pemacu utama pertumbuhan. Sumbangan sektor perkhidmatan dijangka bertambah daripada 58% daripada KDNK pada tahun 2011 kepada 65% menjelang tahun 2020.

Memandangkan sektor perkhidmatan banyak diceburi oleh PKS, maka pembangunan utama yang akan memberi kesan kepada PKS adalah liberalisasi berterusan terhadap sektor tersebut yang dalam jangka panjang akan meningkatkan produktiviti, mendorong persaingan dan mewujudkan rantai lebih kukuh dengan syarikat besar. Dalam masa terdekat ini, PKS mungkin berdepan dengan cabaran, namun liberalisasi juga turut mewujudkan peluang baharu kepada PKS. Secara asasnya, liberalisasi akan memberi kesan yang tak berbalik terhadap persekitaran operasi dan perubahan dalam perancangan perniagaan. Oleh itu, rasionalisasi mungkin diperlukan terhadap beberapa subsektor tertentu kerana terdapat PKS yang tersisir dan bertaburan. Inisiatif pembinaan kapasiti juga akan diperlukan untuk memperkukuh kedudukan PKS agar dapat meraih manfaat daripada ekonomi skala (ikut bidangan), kecekapan yang lebih baik dan pembezaan produk.





Kerajaan telah mengenal pasti 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Area, NKEA*) di bawah Program Transformasi Ekonomi. Tumpuan di sini adalah untuk meraih potensi pertumbuhan PKS sepenuhnya dalam bidang yang memberikan faedah berbanding dan daya saing kepada Malaysia serta mengembangkan bidang yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi. Sebanyak 131 Projek Permulaan (*Entry Point Project, EPP*) telah dikenal pasti di bawah NKEA, dan kira-kira 60% daripada inisiatif tersebut dijangka memanfaatkan PKS dalam semua sektor ekonomi.

Peningkatan ke arah rantaian nilai lebih tinggi akan memperlihatkan penyusunan semula aktiviti oleh PKS kepada nilai ditambah tinggi dan aktiviti berintensifkan pengetahuan, yang dipacu oleh inovasi dan produktiviti

Cabaran yang akan dihadapi adalah untuk mengalih PKS ke rantaian nilai yang lebih tinggi. Pada masa ini, kebanyakan PKS tertumpu di bahagian bawah rantaian nilai dalam NKEA, terutamanya dalam aktiviti nilai ditambah rendah dan sederhana. Hanya terdapat segelintir PKS sahaja yang sofistikated menceburi aktiviti nilai ditambah tinggi, terutamanya dalam sektor perkhidmatan. Pembaharuan makroekonomi dan inisiatif di bawah Pelan Induk PKS dijangka akan merencanakan penajaran aktiviti ke arah bahagian yang lebih tinggi dalam rantaian nilai. PKS seharusnya melibatkan diri dalam aktiviti nilai ditambah sederhana dan tinggi dalam setiap NKEA seperti yang diringkaskan dalam Carta 6.1.

Carta 6.1 Bergerak Naik Rantaian Nilai dalam NKEA

Sektor	Aktiviti (tidak terhad)		
	Nilai ditambah rendah	Nilai ditambah sederhana	Nilai ditambah tinggi
Pertanian	Pengeluaran tanaman perindustrian, perladangan berskala kecil (cth. tanaman makanan), pembiakan haiwan	Pemprosesan makanan, penapisan tanaman perindustrian, perladangan berskala komersial (cth. burung walit, rumpai laut, herba)	Perladangan khusus (cth. organik), R&D (baka baharu)
Elektrikal & Elektronik	Pemasangan, pengujian, pembungkusan	R&D mudah suai (cth. <i>reverse engineering</i>), pembangunan produk, pembuatan kontrak	R&D yang berinovasi, pembangunan produk berkualiti tinggi, litar bersepadu dan mikrochip
Penjagaan Kesihatan	Penjagaan pesakit luar, perkhidmatan perubatan umum, ujian saringan kesihatan	Penjagaan jangka sederhana dan panjang, alat perubatan	Diagnostik khusus, rawatan khusus
Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur	Sokongan penyenggaraan pemasangan dan kerosakan	Pembangunan penyelesaian, e-perkhidmatan, integrasi sistem	Pembangunan modul atau produk, kandungan kreatif, pembekal penyelesaian bersepadu
Pendidikan	Tuisyen berskala kecil, latihan vokasional	Latihan korporat, pembangunan kandungan, pendidikan awal kanak-kanak, penyampaian kandungan atas talian	Pendidikan khusus, ' <i>coaching</i> ' profesional
Minyak sawit	Pengeluaran minyak sawit	Kilang penapisan, biomas, <i>oleo derivative</i>	Produk hiliran (cth. kosmetik, farmaseutikal)
Pemborongan & Peruncitan	Kedai runcit, perniagaan bukan-outlet (cth. mesin layan diri), outlet F&B berskala kecil	Pemborong dan peruncit khusus, outlet francais, kedai serbaguna, membeli-belah secara atas talian	Outlet F&B konsep/ berjenama, outlet barangan mewah
Pelancongan	Pengangkutan, penginapan dan perkhidmatan sokongan bajet (cth. kaunter tiket, kontraktor tapak niaga)	Pengangkutan dan penginapan bertaraf sederhana, pakej pelancongan, pengurusan acara	Pengangkutan dan penginapan bertaraf mewah, konsep pelancongan mewah (cth. Pelayaran kapal, perubatan, eko), outlet premium dan zon hiburan
Perkhidmatan Kewangan	Pengantara kewangan (cth. ejen insurans, agensi pengutip)	Perkhidmatan khusus seperti khidmat nasihat kewangan, cukai dan perakaunan	Butik firma pelaburan, firma penyelidikan, ' <i>fund houses</i> ', perkhidmatan pengurusan kekayaan
Perkhidmatan Perniagaan	Kejuruteraan mekanikal & elektrik berskala kecil, perkhidmatan juruperunding tradisional	Perkhidmatan berkaitan pembinaan dan pengurusan persekitaran, perkhidmatan perkongsian (penyumberan luar bagi proses dan pengetahuan)	Perkhidmatan professional spt. perundangan, perkhidmatan bidang minyak dan peralatan, penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO)
Minyak, Gas & Tenaga	Alat ganti, pemasangan	Perkhidmatan mekanikal dan elektrik, perkhidmatan loji, perkhidmatan penyenggaraan	Kuasa solar, produk kecekapan tenaga

Pemborongan dan Peruncitan Pelancongan

Kira-kira 50% daripada jumlah PKS menjalankan aktiviti perdagangan borong dan runcit yang mencakupi 99.6% daripada jumlah keseluruhan perusahaan runcit. Sebahagian besar PKS adalah pemilik kedai tradisional berskala kecil, khusus dalam beberapa jenis barangan tertentu seperti barangan runcit, makanan dan minuman, farmaseutikal, pakaian, kasut, peralatan sukan dan barangan elektrik. Lazimnya, outlet ini dikendalikan oleh pemilik dan dibantu oleh ahli keluarga dan/atau beberapa orang pekerja.

Beberapa tahun kebelakangan ini, pertumbuhan industri perdagangan pengedaran bertambah pesat ekoran peningkatan permintaan domestik susulan daripada perubahan pada demografi dan perilaku pengguna. Di samping itu, wujud juga perubahan ketara ke arah format peruncitan moden seperti kedai istimewa, kedai borong, francais dan kedai mudah beli atau serbaneka. Membeli-belah atas talian juga semakin mendapat tempat di kalangan PKS kerana ketersediaan infrastruktur e-dagang yang telah ditambah baik serta kos memulakan perniagaan atas talian yang lebih rendah.

Inisiatif ketara yang telah dilaksanakan di bawah NKEA adalah bertujuan untuk memantapkan prestasi PKS melalui transformasi kedai runcit kecil kepada outlet runcit moden untuk meningkatkan daya saing mereka di bawah Program Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR. Kerajaan juga berhasrat untuk mentransformasikan pasar malam dan pasar basah menjadi pasar komuniti menerusi program Pasar Komuniti (PAKAR). Bagi pembeli yang lebih bijak, terdapat juga inisiatif untuk menggalakkan kemudahan pembayaran atas talian, pusat beli-belah maya dan aktiviti e-dagang.

Industri pelancongan merupakan sumber pendapatan pertukaran asing kedua terbesar negara selepas sektor pembuatan. Industri ini mempunyai potensi yang ketara memandangkan Malaysia merupakan salah satu negara yang paling banyak dilawati pelancong di dunia (ditarafkan di tempat kesembilan pada tahun 2011) dan Kerajaan telah menetapkan sasaran yang tinggi untuk menerima kedatangan pelancong kepada lebih 25 juta setiap tahun. PKS harus mengambil peluang di atas perkembangan ini. Pasa masa ini, kebanyakan PKS kini terlibat dalam pelbagai segmen dalam rantai nilai seperti penginapan, agensi pelancongan, hiburan, pengangkutan asas darat, restoran dan sebagainya. Namun, PKS juga harus mengambil peluang daripada kepelbagaian pilihan produk pelancongan misalnya ekopelancongan, pelancongan pendidikan, pelancongan perniagaan, pelancongan acara dan pelancongan sukan. Peluang turut terbuka dalam bidang pengurusan pengacaraan seperti Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (*Meetings, Incentives, Conferencing, Exhibitions, MICE*) serta perkhidmatan penginapan dan pengangkutan mewah.



Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur (CCI)

Malaysia mempunyai kehadiran PKS yang kukuh dalam industri ICT (*Information and Communications Technology*) mencakupi 92.3% daripada jumlah keseluruhan perusahaan dalam industri tersebut. Sebahagian besar PKS beroperasi dalam segmen Pengintegrasian Sistem dan Penyedia Perkhidmatan. Lebih daripada 90% PKS dalam bidang ICT terlibat dalam penyediaan penyelesaian IT generik seperti kewangan, perakaunan, sumber manusia (*human resources*, HR), dan pengurusan perhubungan pelanggan (*customer relationship management*, CRM) bagi syarikat tempatan. Peluang wujud dalam segmen pasaran nilai ditambah lebih tinggi dan sofistikated seperti kandungan kreatif dan e-perkhidmatan, iaitu e-Penjagaan Kesihatan, e-Pembelajaran dan e-Kerajaan. Industri kreatif khususnya industri kandungan seperti animasi kartun menyediakan satu saluran akses kepada pasaran agar PKS dapat menembusi pasaran antarabangsa. Di samping itu, penyatuan syarikat gergasi ICT turut membuka peluang pasaran kepada PKS, terutamanya dalam pasaran yang syarikat besar tidak lagi dapat menikmati ekonomi skala (ikut bidangan) yang memuaskan.



Carta 6.2 Sumbangan NKEA kepada KDNK

NKEA	Sumbangan kepada KDNK (%)	
	2009	2015r
Pemborongan dan Peruncitan	13.3	15.1
Pelancongan	RM54b	RM115b
Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur	9.8	10.2
Perkhidmatan Perniagaan	2.6	3.3
Pendidikan	1.0	2.0
Penjagaan Kesihatan	-	-
Perkhidmatan Kewangan	11.7	12.7
Pertanian	1.0	2.0
Elektrikal & Elektronik	-	-
Minyak Sawit	3.3 (RM17b)	RM21.9b
Minyak, Gas & Tenaga	13.1 (RM68.3b)	11.1 (RM81.9b)

r : ramalan



Perkhidmatan Perniagaan

PKS mencakupi 99.3% daripada jumlah keseluruhan pertubuhan dalam segmen perkhidmatan perniagaan (termasuk perkhidmatan profesional), dan sebahagian besarnya beroperasi dalam segmen hiliran dan pertengahan rantai nilai. Justeru itu, firma ini disifatkan sebagai mempunyai potensi nilai ditambah rendah, persaingan yang sengit dan pengkomoditan perkhidmatan yang tinggi. Dalam kebimbangan yang meningkat terhadap perubahan iklim dan minat terhadap pembangunan yang mampan dan mesra alam, kini pemacu pertumbuhan baharu lebih menjurus kepada bidang reka bentuk khusus dan perundingan seperti bangunan hijau, penyelesaian mampan yang bersepadu, dan projek tenaga yang boleh diperbaharui. Bidang ini menyediakan potensi nilai ditambah tinggi dan telah berubah menjadi peneraju baharu dalam rantai nilai. Namun, aktiviti sebegini didominasi oleh syarikat besar disebabkan terutamanya kekurangan sokongan dan modal insan berkemahiran di kalangan PKS untuk menjalankan aktiviti tersebut. Antara inisiatif di bawah NKEA yang boleh memanfaatkan PKS termasuk:

- Inisiatif untuk membangunkan syarikat pembinaan pelbagai disiplin yang dijangka akan memudahkan akses kepada projek berskala besar bagi PKS yang berupaya;
- Penguatkuasaan Indeks Bangunan Hijau (*Green Building Index*, GBI) dan disertai dengan inisiatif kredit karbon dijangka akan mendorong pihak berkepentingan untuk mengambil sikap lebih serius dalam menerapkan prinsip hijau; dan

- Perkhidmatan Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (*Manufacturing, Repair and Overhaul*, MRO) yang bakal menjadi bidang yang menguntungkan PKS yang terlibat dalam perkhidmatan kejuruteraan.

Pendidikan

PKS merangkumi 98.4% daripada jumlah keseluruhan pertubuhan dalam sektor pendidikan swasta. Kebanyakan PKS, walau bagaimanapun, lebih tertumpu kepada aktiviti pertengahan dan hiliran, iaitu penyampaian kandungan, perkhidmatan sokongan, runcit dan pengedaran. Namun, operasi mereka sebahagian besarnya terbatas dalam segmen nilai ditambah sederhana dan rendah dalam setiap kategori aktiviti. Misalnya, dalam segmen penyampaian kandungan, PKS sebahagian besarnya beroperasi dalam aktiviti nilai ditambah sederhana seperti mengendalikan pusat pendidikan awal kanak-kanak dan pusat latihan korporat serta perniagaan dalam aktiviti nilai ditambah rendah seperti pusat tuisyen berskala kecil dan pusat latihan vokasional.

Melangkah ke hadapan, PKS mempunyai potensi yang besar untuk menembusi bidang institusi pendidikan tinggi swasta dan sekolah antarabangsa. Ini adalah antara contoh perniagaan penyampaian kandungan nilai ditambah tinggi yang hanya diceburi oleh segelintir sahaja PKS pada masa ini. PKS juga berpeluang meraih manfaat daripada kesan limpahan susulan pelbagai projek yang diumumkan dalam ETP seperti inisiatif '*rapid scaling up*' dan *EduCity@Iskandar*. PKS juga perlu meninjau dan membangunkan kursus khusus yang memenuhi keperluan pasaran tertentu terutamanya dalam segmen penyampaian kandungan.

Penjagaan Kesihatan

Purata upah tertinggi bagi perusahaan mikro adalah dalam sektor perkhidmatan kesihatan, terutamanya didorong oleh upah atau gaji doktor yang mengendalikan klinik swasta. Kehadiran mereka adalah ketara di kawasan bandar. Perkhidmatan pesakit luar dikuasai oleh sektor swasta kecuali di kawasan luar bandar di mana klinik Kerajaan merupakan satu-satunya kemudahan kesihatan yang tersedia. Pada amnya, sebahagian besar PKS beroperasi dalam segmen nilai ditambah rendah seperti promosi kesihatan, pencegahan penyakit dan penjagaan pengantaraan (*step-down care*), serta diagnosis dan rawatan penyakit yang kurang serius. Bidang masa hadapan yang menawarkan peluang kepada PKS adalah kesan daripada kemunculan inovasi dalam perkhidmatan kesihatan dan kemasukan penyedia perkhidmatan yang baharu di sepanjang rantai nilai. Trend ini akan mewujudkan peluang perniagaan yang baharu kepada PKS secara langsung dan tidak langsung. Selain itu, akan wujud potensi pertumbuhan yang besar bagi rawatan dan diagnostik khusus dalam pasaran pelancongan penjagaan kesihatan.

Perkhidmatan Kewangan

Walaupun sebahagian besar nilai ditambah dalam sektor perkhidmatan kewangan disumbang oleh entiti besar dalam segmen perbankan dan insurans, namun, dari segi bilangan, PKS mewakili 99% daripada jumlah keseluruhan pertumbuhan dalam sektor tersebut. PKS terlibat dalam aktiviti seperti peminjaman wang, pajak gadai, pengurusan wang, pengantara atau ejen bagi segmen insurans, perunding cukai dan kewangan. PKS terutamanya berada di bahagian bawah rantai nilai yang meliputi perkhidmatan kewangan bukan teras untuk melengkapkan peranan syarikat besar dalam melaksanakan perkhidmatan kewangan kepada pengguna akhir. Namun, wujud juga PKS yang menyediakan perkhidmatan kewangan khusus kepada pengguna seperti khidmat nasihat kewangan, cukai dan perakaunan yang mana terletak dalam kategori nilai ditambah sederhana. Peluang juga wujud dalam bidang yang lebih khusus seperti syarikat pelaburan butik, syarikat penyelidikan, rumah dana dan pengurusan kekayaan yang merupakan perkhidmatan nilai ditambah tinggi.

Melangkah ke hadapan, PKS boleh memanfaatkan daripada peningkatan permintaan kewangan Islam dan jangkaan peningkatan daripada perkhidmatan yang sofistikated. Peluang lain yang dapat dimanfaatkan oleh PKS adalah termasuk peningkatan trend dalam pertumbuhan perkhidmatan kewangan peribadi, insurans, pasaran Penawaran Awam Permulaan (IPO), dan aktiviti penggabungan dan pemerolehan (M&A). Selain itu, terdapat juga ruang membangunkan produk dan perkhidmatan yang khusus mengikut keadaan. Hubungan antara PKS dengan pengguna akhir membolehkan mereka menasaskan segmen khusus seperti kumpulan luar bandar dan mereka yang kurang mewah.





Pertanian

Sektor pertanian sebahagian besarnya didominasi oleh ladang berskala kecil. PKS mencakupi sebanyak 99.1% daripada jumlah keseluruhan pertubuhan dalam sektor pertanian termasuk industri minyak sawit. Meskipun PKS terlibat dalam semua aktiviti teras dalam rantai nilai, syarikat besar masih mendominasi sebahagian besar aktiviti nilai ditambah yang tinggi. Manakala, PKS tertumpu kepada aktiviti perladangan seperti tanaman kontan dan tanaman perindustrian, dan penternakan, hortikultur, akuakultur, perikanan serta aktiviti pemprosesan nilai ditambah yang rendah. PKS masih terlibat dalam aktiviti berskala kecil dengan tahap penjenteraan dan penggunaan teknologi yang rendah, walaupun sejak beberapa tahun kebelakangan ini, usaha telah diambil untuk meningkatkan produktiviti.

Sektor pertanian di Malaysia kini sedang dimodenkan dan diketengahkan semula sebagai pendorong pertumbuhan yang penting. Justeru,

PKS harus membabitkan diri dalam pelbagai program yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mentransformasikan sektor tersebut. Penekanan akan tertumpu kepada penggunaan teknologi dan mesin yang lebih meluas serta pelaburan dalam R&D bagi meningkatkan kecekapan, proses dan kaedah. Kerajaan juga telah mengenal pasti pemprosesan makanan sebagai bidang sasaran dalam langkah mengurangkan bil perdagangan negara bagi produk pertanian. Ini akan membuka peluang bagi produk pertanian seperti buah-buahan, sayur-sayuran, ikan, daging, produk tenusu, telur, kopi, produk herba, dan benih serta perladangan khusus. Di samping itu, PKS harus mengambil peluang lokasi Malaysia yang strategik bagi penternakan dan pemprosesan akuakultur nilai ditambah tinggi. PKS juga boleh mendapat manfaat daripada pertanian berskala komersial dan penanaman rumpai laut dan herba.

Elektrikal dan Elektronik

PKS merangkumi 77.9% daripada jumlah keseluruhan pertubuhan perniagaan dalam sektor ini. Kebanyakan daripada PKS ini tertumpu kepada aktiviti nilai ditambah rendah seperti pemasangan, pembungkusan dan pengujian serta fabrikasi komponen dan pembuatan produk bawahan. Peluang wujud dalam bentuk R&D yang boleh diubah suai dan inovatif; pembangunan produk atasan; kontrak pembuatan semikonduktor; solar; diod pemancar cahaya (*light emitting diode*, LED); elektronik perindustrian; dan alat elektrikal rumah, yang dijangka dapat meningkatkan keupayaan PKS dalam aktiviti nilai ditambah tinggi. Selain itu, trend ke arah penggunaan elektronik secara meluas dalam pelbagai sektor disertai dengan pembangunan ICT multimedia akan memberi peluang pertumbuhan kepada PKS.

PKS juga mempunyai potensi yang amat besar dalam mengumpul pengalaman kefungsi lanjutan dalam aktiviti hulu melalui penembusan pasaran domestik dan antarabangsa di negara sedang membangun dan pasaran bukan tradisional. PKS harus memanfaatkan sistem inovasi kebangsaan yang dapat meningkatkan keupayaan pengurusan dan inovasi mereka, mengurangkan risiko R&D, meningkatkan perkongsian pengetahuan, dan menggalakkan rangkaian yang lebih erat. PKS juga harus mengambil peluang daripada kedudukan Malaysia sebagai lokasi perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO) yang popular untuk meneruskan usaha menaik taraf proses dan produk serta membangunkan keupayaan R&D dan reka bentuk baharu.

Minyak Sawit

PKS dalam industri minyak sawit lebih terserlah dalam aktiviti hulu yang keperluan teknologi secara relatifnya adalah rendah. Manakala, syarikat lebih besar dalam sektor ini terdiri daripada konglomerat yang terlibat dalam semua segmen rantaian nilai daripada perladangan, pengisaran dan penghancuran hingga ke pembuatan produk nilai ditambah tinggi. PKS kurang terlibat dalam aktiviti hiliran kerana keperluan modal yang tinggi dan kekangan teknologi yang berkaitan dengan usaha niaga tersebut. PKS yang menceburi aktiviti hiliran juga banyak tertumpu kepada aktiviti nilai ditambah dan penggunaan teknologi yang rendah seperti aktiviti perladangan, pengisaran dan penghancuran.

Melangkah ke hadapan, PKS boleh mendapat manfaat dengan menceburi aktiviti hiliran yang menguntungkan seperti segmen produk kesihatan dan kosmetik yang menawarkan pulangan tinggi dan masih lagi di peringkat awal. Antara inisiatif khusus yang akan memanfaatkan PKS, adalah mengadaptasikan penggunaan mesin bagi merangsang produktiviti, penembusan pasaran yang menguntungkan seperti Timur Tengah serta menghasilkan bahan terbitan oleo, biomas dan bio-bahan api.



Minyak, Gas dan Tenaga

Di bawah NKEA ini, sebahagian besar PKS terlibat dalam bidang perkhidmatan dan peralatan telaga minyak (*oil field services and equipment, OFSE*). Kebanyakan PKS beroperasi dalam segmen nilai ditambah sederhana dan rendah dalam rantai nilai, seperti pemasangan dan pembuatan peralatan; fabrikasi struktur luar pesisir; dan perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan (*operation and maintenance, O&M*); serta terlibat dalam kerja-kerja pembinaan dan pemasangan.

Melangkah ke hadapan, PKS mempunyai skop yang lebih luas untuk menceburi aktiviti nilai ditambah tinggi seperti perundingan kejuruteraan, reka bentuk dan R&D. Peluang yang cerah wujud dalam aktiviti penyelenggaraan dan penggantian aset, di samping pembangunan bidang baharu, yang akan terus memacu pertumbuhan PKS. PKS juga berpeluang membangunkan keupayaan teknikal untuk memenuhi permintaan bagi penambahbaikan proses dengan memperkenalkan proses dan produk inovatif serta mengambil peluang yang wujud ekoran pengembangan kapasiti tenaga dan peningkatan aktiviti cari gali.

Kesimpulan

Menerusi NKEA, dasar kebangsaan telah mengenal pasti bidang yang Malaysia mempunyai kelebihan daya saing ekonomi. Bagi pembangunan sektor swasta, Kerajaan akan terus menjalankan dasar menggalakkan pertumbuhan dengan membuka peluang baharu dan mempermudah bidang pertumbuhan baharu. Pelan Induk PKS akan tertumpu kepada inisiatif yang dapat meningkatkan produktiviti di kalangan PKS dan menaik taraf semua sektor ke rantai nilai yang lebih tinggi melalui aktiviti yang dapat mewujudkan lebih banyak nilai yang dapat menjana pertumbuhan pesat dan mengguna pakai pekerja berkemahiran tinggi. Peningkatan ke arah rantai nilai lebih tinggi memerlukan penyusunan atau penjajaran semula aktiviti yang dipacu pada asasnya oleh inovasi dan diperkukuh lagi oleh pelaburan dalam modal insan dan fizikal. PKS harus lebih giat menceburi aktiviti penciptaan nilai yang berdaya saing di peringkat global.





bab 7

Pelan Tindakan bagi Mencapai Pertumbuhan Pesat

Pelan Tindakan bagi Mencapai Pertumbuhan Pesat

Pendahuluan

Rangka Kerja Baharu Pembangunan PKS telah merencanakan hala tuju strategik dan mengenal pasti enam bidang tumpuan yang mendorong pertumbuhan PKS yang pesat. Bagi menangani kekangan yang menjejaskan setiap enam bidang tumpuan ini dan membolehkan PKS mencatat prestasi tinggi, satu Pelan Tindakan yang menyeluruh yang merangkumi 32 inisiatif telah dibentuk. Pelan Tindakan ini telah dirumuskan bersama dengan pihak berkepentingan untuk memastikan inisiatif tersebut adalah relevan, pragmatik dan boleh dilaksanakan (lihat rencana

di muka surat 86). Penglibatan ini menghasilkan analisis yang lebih mendalam mengenai faktor yang mengekang pertumbuhan dan memperoleh langkah penyelesaian dari mereka yang terlibat. Pada masa yang sama, pendekatan atas ke bawah turut diguna pakai, merangkumi saranan tentang amalan terbaik antarabangsa yang disesuaikan agar memenuhi keperluan khusus negara. Pelan Tindakan yang dihasilkan bersama amat penting untuk memastikan tanggungjawab bersama oleh semua pihak berkepentingan, untuk membantu memudahkan pelaksanaan Pelan tersebut.

Prinsip Panduan

Pelan Tindakan PKS menetapkan sasaran yang tinggi bagi mencapai lonjakan berganda dalam pertumbuhan PKS. Justeru itu, inisiatif di bawah Pelan Tindakan perlu memberi impak ketara agar dapat menghasilkan keputusan yang diinginkan. Inisiatif tersebut adalah berdasarkan kepada lapan prinsip panduan seperti yang dipaparkan dalam Carta 7.1.

Inisiatif Utama dalam Pelan Tindakan

Lebih 60 langkah berjaya dikenal pasti melalui pendekatan atas ke bawah dan bawah ke atas yang mencerminkan interaksi pihak berkepentingan daripada sektor awam dengan sektor swasta. Memandangkan inisiatif perlu menghasilkan kesan ketara untuk mencapai sasaran makro, langkah tersebut seterusnya disemak untuk memastikan ciri relevan, impak, keutamaan dan

Carta 7.1 Prinsip Panduan Pelan Tindakan



penjajaran dengan Pelan. Langkah tersebut telah dikelompokkan dan akhirnya 32 inisiatif telah dikenal pasti, merentasi enam bidang tumpuan, yang merangkumi:

- **Enam Program Berimpak Tinggi (*High Impact Programme, HIP*)** yang amat kritikal ke arah mencapai matlamat Pelan Induk. HIP merupakan pemacu perubahan yang bakal menghasilkan kelainan dan membawa PKS ke peringkat pembangunan seterusnya. Justeru itu, keenam-enam HIP tersebut perlu dilaksanakan dengan jaya agar impak maksima dapat dicapai;
- **14 inisiatif dikelompokkan ke dalam empat bidang bertema**, iaitu mewujudkan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan PKS; mengumpul sumber dan

berkongsi perkhidmatan; mengurangkan asimetri maklumat; dan membina kapasiti dan keupayaan;

- **Langkah khusus untuk Malaysia Timur;** dan
- **Langkah lain yang bersifat makro** dan mempengaruhi PKS.

Setiap satu inisiatif ini akan mencapai satu atau lebih daripada satu matlamat (Carta 7.2). Pelan Induk PKS juga mengambil maklum bahawa pelbagai Kementerian dan Agensi turut mengambil langkah penambahbaikan pada masa yang sama untuk menangani beberapa cabaran yang dihadapi oleh PKS ini. Pelan Tindakan menekankan bahawa langkah sedemikian amat penting dalam usaha mencapai matlamat pembangunan PKS.

Carta 7.2 Inisiatif merentasi Bidang Tumpuan dan Mencapai Pelbagai Matlamat

Bidang Tumpuan	Bilangan Inisiatif	Sasaran			
		Penubuhan	Pertumbuhan Tinggi & Inovasi	Produktiviti	Pemformalan
Penerapan Inovasi & Teknologi	6	3	6	6	1
Pembangunan Modal Insan	5	-	3	5	-
Akses kepada Pembiayaan	5	2	5	-	-
Akses Kepada Pasaran	7	1	7	1	1
Persekitaran Perundangan dan Kawal Selia	5	2	1	2	2
Infrastruktur	4	2	2	4	-
Jumlah	32	10	24	18	4

Pelan Induk PKS Berdasarkan Permuafakatan

Pelan Induk PKS dihasilkan selepas interaksi yang menyeluruh dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk PKS, Kementerian, Agensi, ahli pakar dan persatuan perniagaan. Interaksi ini bermula dari peringkat awal pada bulan Jun 2010 dengan pelaksanaan kajian diagnostik tentang PKS.

Langkah tersebut disusuli oleh bengkel yang dilaksanakan pada bulan Julai 2011 untuk membincangkan setiap satu daripada enam bidang tumpuan, iaitu inovasi dan teknologi; pembangunan modal insan; akses kepada pembiayaan; akses kepada pasaran; infrastruktur; dan persekitaran perundangan dan kawalselia, Pelan Tindakan khusus bagi Malaysia Timur turut dihasilkan berdasarkan interaksi pihak berkepentingan di Miri, Sarawak dari 18 -19 Julai 2011.

Setelah bengkel tersebut dijalankan, mesyuarat kumpulan fokus turut diadakan dengan pihak berkepentingan terpilih termasuk Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE), Bank Negara Malaysia (BNM), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Talent Corporation Malaysia, Agensi Inovasi Malaysia (AIM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Persatuan Industri Kecil dan Sederhana, Persatuan Penghantar Fret Udara Malaysia (AFAM), pemodal teroka dan PKS untuk mengesahkan dan memperteguh langkah yang disarankan. Sesi Penutup telah diadakan pada 29 September 2011 di Kuala Lumpur dan dihadiri oleh 114 peserta yang mewakili 63 organisasi.

Sepanjang tempoh rumusan, Pelan Induk PKS telah diteliti di beberapa peringkat iaitu semasa Mesyuarat Teknikal yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh YB Menteri MITI sebelum disahkan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK), yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 23 November 2011.

Program Berimpak Tinggi sebagai Pemacu Perubahan

Enam HIP tersebut telah dipilih dengan teliti, berasaskan potensi mereka untuk menghasilkan magnitud impak tertinggi terhadap empat matlamat dan sasaran makro. Matlamat HIP terutamanya adalah untuk menangani sama ada ketaksempurnaan pasaran atau asimetri maklumat, dengan tempoh mekanisme keluar yang jelas ke arah kesinambungan yang dipacu oleh pasaran. HIP tersebut akan dilaksanakan

menerusi perkongsian awam-swasta. Pada asasnya, program ini akan diurus dan dilaksanakan oleh sektor swasta tetapi dimiliki oleh Kementerian atau Agensi Kerajaan. Agensi peneraju akan melaporkan perkembangan dan hasil melalui Agensi Penyelaras Pusat (*Central Coordinating Agency*, CCA) kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK).

HIP 1: Mengintegrasikan pendaftaran dan pelesenan perniagaan bagi memudahkan usaha menjalankan perniagaan

Program ini bertujuan mewujudkan tetingkap tunggal (*single window*) bagi pendaftaran dan pelesenan perniagaan untuk menggalakkan penubuhan perniagaan. Pada ketika ini, terdapat dua sistem berasingan yang wujud, iaitu:

- **Nombor Identiti Korporat Malaysia (*My Corporate Identity, MyCoID*) untuk pendaftaran:** Fasa 1 projek ini melibatkan langkah menghubungkan lima agensi Kerajaan, iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia). MyCoID akan diperluaskan kepada lebih banyak Kementerian dan Agensi pada tahun-tahun akan datang; dan
- **Sistem Sokongan Elektronik Lesen Perniagaan (*Business Licensing Electronic Support System, BLESS*) untuk pelesenan:** Inisiatif ini yang dimulakan di Lembah Kelang dan tertumpu pada tiga sektor, iaitu sektor pembuatan, pembinaan dan hotel akan diperluaskan kepada semua sektor di seluruh negara menjelang tahun 2013.


HIP 1 adalah berkait terus dengan usaha memudahkan perniagaan yang merupakan salah satu faktor terpenting yang menyumbang ke arah pembangunan ekosistem yang mendorong penubuhan dan pertumbuhan perniagaan. Sejak kebelakangan ini, Malaysia telah mencatat kemajuan ketara dalam bidang ini menerusi inisiatif yang diambil oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) di bawah kepimpinan Ketua Setiausaha Negara. Menurut

Doing Business Report oleh Bank Dunia, penarafan Malaysia dari aspek memulakan perniagaan telah meningkat daripada kedudukan ke-113 pada tahun 2010 kepada kedudukan ke-50 pada tahun 2011. Bagi pelesenan, semakan semula pada tahun 2011 telah menghasilkan penurunan 50% dalam bilangan lesen di bawah 23 Kementerian, daripada 780 lesen kepada 373 lesen. Ianya dianggarkan membantu mengurangkan kos pematuhan sebanyak RM729 juta oleh masyarakat perniagaan.

Saranan di bawah HIP 1 bertujuan memudahkan lagi usaha menjalankan perniagaan dengan mengintegrasikan MyCoID dan BLESS ke satu tetingkap tunggal untuk memudahkan permulaan perniagaan. Pada masa ini, PKS masih bergantung kepada proses manual. Pendaftaran dan pelesenan juga tidak berpusat dan diselenggarakan secara berasingan di Malaysia Timur, iaitu pendaftaran syarikat dijalankan oleh SSM, manakala pendaftaran pemilikan tunggal dan perkongsian berada di bawah skop pihak berkuasa negeri dan data tidak disatukan. Dalam sesetengah kes di peringkat nasional, pendaftaran tidak dijadikan syarat untuk mendapatkan lesen dan permit tertentu, justeru menggalakkan aktiviti tidak formal. HIP 1 akan:

- **Memperkemas dan meringkaskan prosedur** memulakan perniagaan baru, lantas mempercepat penubuhan perniagaan;
- **Mengurangkan kos dan masa yang diambil** untuk memulakan perniagaan; dan
- **Menggalakkan pemformalan** kerana pendaftaran perniagaan akan ditetapkan sebagai pra-syarat bagi pelesenan.

Carta 7.3 Integrasi Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan



Ciri-ciri utama Program ini merangkumi:

- Satu nombor pendaftaran tunggal (nombor pengenalan) yang akan digunakan oleh keseluruhan Kerajaan bagi semua tujuan lain;
- Tetingkap pelepasan tunggal atas talian;
- Proses pendaftaran yang selaras di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak;
- Piagam pelanggan yang jelas untuk kelulusan; dan
- Pendaftaran dijadikan pra-syarat untuk mendapatkan semua lesen dan permit.


Pengalaman Negara Lain

Banyak negara kini bergerak ke arah suatu bentuk sistem pemudahan perniagaan sehenti atas talian. Antara negara yang mencatat hasil memberangsangkan menerusi sistem ini adalah New Zealand dan Singapura. Kedua-dua negara ini secara konsisten mencatat penarafan kelima teratas dalam 'Doing Business Report' oleh Bank Dunia.

- New Zealand (ditarafkan nombor 1 dalam Laporan Tahun 2012), adalah negara yang mempunyai 99.5% daripada semua pendaftaran perniagaan dilakukan atas talian melalui sistem perniagaannya.
- Singapura (ditarafkan nombor 4 dalam Laporan Tahun 2012) mencatat penjimatan sebanyak USD27 juta apabila beralih kepada Sistem Pelesenan Perniagaan Atas Talian yang menghubungkan 260 jenis lesen merentasi 30 Kementerian dan Agensi.

Carta 7.4

Platform Pengkomersialan Teknologi



HIP 2: Platform Pengkomersialan Teknologi untuk menggalakkan inovasi

Platform Pengkomersialan Teknologi (*Technology Commercialisation Platform, TCP*) merupakan program yang dapat menghubungkan semua inisiatif inovasi sedia ada di bawah satu platform untuk memastikan PKS dapat bergerak dengan lancar dari satu peringkat ke peringkat lain dalam keseluruhan proses inovasi yang dihubungkan dengan pembiayaan peringkat awal. Walaupun terdapat banyak inisiatif wujud untuk menggalakkan inovasi pada ketika ini, inisiatif tersebut adalah agak tersebar dan tidak saling berkait, dan masih wujud jurang antara fasa inovasi tersebut. Oleh itu, PKS mengalami kesukaran mengakses sistem inovasi kebangsaan. Selain itu, PKS tidak dihubungkan dengan pembiayaan komersial kerana sebahagian besar inisiatif inovasi tersebut banyak bergantung kepada pembiayaan awam.

HIP 2 menangani jurang tersebut menerusi pendekatan menyeluruh dan dipacu oleh pasaran bagi menyokong inovasi dan kebersaingan perindustrian. Ianya direka bentuk khusus untuk menyingkirkan sekatan pasaran dan pembiayaan terhadap inovasi. Program ini akan menyediakan perkhidmatan sokongan yang diperlukan dari peringkat bukti konsep (*proof of concept, POC*) sehingga pengkomersialan dan dilaksanakan dengan menyediakan bantuan kewangan dan teknikal; maklumat pasaran; kemudahan inkubator; kemudahan ujian dan perkhidmatan lain yang relevan, semuanya dalam satu platform.

Kewujudan satu rangkaian TCP nasional akan menggalakkan rantaian di antara perniagaan, meningkatkan perkongsian pengetahuan dan memudahkan peluang perdagangan dan eksport menerusi rantaian dengan program serupa di negara lain. TCP dijangka meningkatkan bilangan perusahaan yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan inovatif di Malaysia, menggalakkan daya tahan perusahaan dan meningkatkan pengiktirafan PKS berinovasi sebagai urus niaga menguntungkan bagi pihak pemodal teroka.

Program ini akan dibina berlandaskan landskap sedia ada. Kini, terdapat pelbagai institusi penyelidikan, inkubator dan kemudahan ujian yang dikendalikan oleh sektor awam serta swasta. Infrastruktur bagi perkhidmatan inkubator sedemikian lazimnya merangkumi taman teknologi dan perkongsian kemudahan penyelidikan, serta skim pembiayaan yang membolehkan usahawan mendapatkan akses kepada modal.

Program ini mencakupi ciri-ciri utama berikut:


- Mengintegrasikan kemudahan inkubator yang sedia ada di bawah satu platform nasional;
- Pengurus program menerima imbuhan apabila pengkomersialan dilaksanakan dengan jayanya; dan
- Mengeratkan rantaian antara pembiaya berkeupayaan dan PKS.

Pemilihan syarikat dan usahawan yang menggunakan platform ini akan dipacu sepenuhnya oleh pasaran. Ini bermakna platform boleh diakses oleh semua PKS selagi mana konsep mereka mempunyai merit komersial. Sebaik sahaja sesuatu syarikat diterima ke dalam program, syarikat tersebut akan menerima pembiayaan daripada dana sedia ada bagi membangunkan POC atau prototaip. Pada peringkat ini, syarikat tersebut juga akan diberi peluang menggunakan kemudahan teknologi sedia ada dari sektor swasta atau infrastruktur awam, termasuk institut penyelidikan dan inkubator berasaskan pembayaran. Sokongan turut diberikan dalam bentuk khidmat nasihat daripada rangkaian pakar. Apabila POC selesai, TCP akan membantu dalam usaha pepadanan antara usahawan dan firma modal teroka yang dihubungkan oleh platform atau dikaitkan kepada HIP seterusnya, iaitu Program Pelaburan PKS.

Pengalaman Negara Lain

Australia telah melaksanakan program yang sama dan mencatat keputusan yang menggalakkan. Program bantuan berasaskan merit menawarkan pembiayaan dan sumber untuk mempercepat proses pembinaan perniagaan bagi syarikat, usahawan, penyelidik dan pereka cipta di Australia. Program tersebut turut menawarkan pilihan pembiayaan serta peluang memperluas jaringan hubungan berbilang lapisan untuk membantu mencapai kejayaan perniagaan. Peserta program berganding bahu dengan Pengurus Kes yang khusus dan mendapat manfaat daripada Rangkaian Mentor Perniagaan Sukarela 'Volunteer Business Mentor Network'. Program ini telah membantu 154 penginovasi dengan pembiayaan sebanyak USD62 juta dan nasihat pakar daripada 'National Case Manager Network'.


Di Singapura, 'Technology Enterprise Commercialisation Scheme' menawarkan geran yang berdaya saing, iaitu cadangan ditaraf berdasarkan penilaian tentang merit teknikal dan komersial oleh pasukan pengulas, dan cadangan terbaik akan menerima pembiayaan.



HIP 3: Program Pelaburan PKS menyediakan pembiayaan peringkat awal

Program Pelaburan PKS (*SME Investment Programme, SIP*) menangani keperluan pembiayaan peringkat awal PKS untuk memudahkan peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi yang dipacu oleh inovasi.

Carta 7.5 Program Pelaburan PKS



Melalui SIP, Kerajaan akan melabur modal jangka panjang ke dalam syarikat permodalan yang diurus dan dimiliki oleh syarikat swasta yang berlesen, justeru menjadi pelengkap kepada landskap modal teroka (*venture capital, VC*) sedia ada. Lazimnya, SIP merupakan 'dana bagi dana' – yang bermaksud pengurusan portfolio dan keputusan pelaburan adalah di bawah tanggungjawab

pengurus dana swasta yang berkecuali. Syarikat permodalan akan memperolehi modal daripada pelabur swasta dengan pemahaman bahawa Kerajaan akan memberi modal hutang yang sepadan. Modal hutang daripada Kerajaan bagi setiap syarikat permodalan akan tertakluk kepada satu had maksimum.

Setelah dipermodalkan, syarikat pelaburan yang dilesen ini dibenarkan melabur dalam PKS Malaysia yang berpotensi. Jenis pembiayaan yang disediakan oleh syarikat ini merangkumi ekuiti, hutang atau hibrid kedua-duanya dan di panduan kepada sasaran pelaburan hutang minimum agar memanfaatkan PKS. Dengan cara ini, kos modal bagi syarikat pelaburan ini juga dapat dikurangkan. Di bawah program ini, syarikat pelaburan akan memegang PKS yang menerima pelaburan tersebut bagi suatu tempoh pegangan minimum.

Bagi mengelakkan penyalahgunaan dana melalui skim ini, sekatan dan imbalan akan dilaksanakan, termasuk membataskan aktiviti syarikat pelaburan:

- Hanya boleh melabur dalam PKS;
- Tidak dibenarkan melabur dalam syarikat pelaburan lain, syarikat kewangan atau syarikat pajakan jenis kewangan;
- Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan pasif atau sambilan;
- Tidak dibenarkan membeli harta tanah; dan
- Tidak dibenarkan terlibat dengan mana-mana entiti yang melaksanakan aktiviti perniagaan utama yang dianggap bertentangan dengan kepentingan awam.

Pengalaman Negara Lain

Di Amerika Syarikat, 'Small Business Administration' (SBA) berganding bahu dengan pengurus dana pelaburan dan pelabur swasta untuk menyalurkan modal ke dalam perniagaan kecil. Program bernilai berbilion dolar yang dipanggil Program 'Small Business Investment Company' (SBIC) telah diwujudkan pada tahun 1958 untuk merapatkan jurang antara keperluan usahawan bagi memperoleh modal dan sumber pembiayaan tradisional.

Bagi setiap USD1 yang diraih oleh SBIC daripada pelabur swasta, SBA menyediakan modal hutang sebanyak USD2 tertakluk kepada had sebanyak USD150 juta. Program ini yang dilaksanakan selama lebih 50 tahun telah membantu perniagaan kecil berkembang dan meningkat dalam pelbagai sektor seperti perubatan dan kesihatan, pembuatan, pengangkutan, berkaitan pengguna, komunikasi dan media, perkhidmatan perniagaan dan lain-lain. SBIC memainkan peranan penting dalam menyediakan pembiayaan peringkat awal kepada syarikat yang berjaya seperti Apple, Hewlett Packard, Federal Express, Staples dan lain-lain.


HIP 4: Program Going Export untuk mempercepat pengantarabangsaaan PKS

Program *Going Export* (GoEx) bertujuan menangani cabaran yang dihadapi oleh PKS bagi menembusi pasaran baharu di luar negara ekoran kos permulaan yang tinggi dan kekurangan maklumat terperinci tentang pasaran baharu dan pesaing. Program ini disasarkan kepada pengeksport kali pertama atau pengeksport sedia ada yang ingin menceburi bidang atau pasaran baru. Program ini bertujuan menyediakan bantuan khusus dan menyeluruh mengenai langkah-langkah untuk mengeksport, termasuk rangkaian kepada kepakaran, pembeli dan pembiayaan perdagangan. Menerusi program ini, PKS akan mudah mendapatkan maklumat terperinci tentang pasaran sasaran, termasuk maklumat tentang pembeli; pesaing; harga; logistik; rantai bekalan; pilihan pengguna, peraturan, perundangan dan lain-lain. Kekurangan maklumat tersebut merupakan halangan utama disebabkan ketidakpastian terhadap potensi pasaran eksport.



Carta 7.6


Program Going Export



Pada masa ini, sebahagian besar daripada program pembangunan eksport disediakan oleh Kerajaan dalam bentuk maklumat am, bantuan untuk menyertai pameran dan misi luar negara dan bantuan dari segi pembangunan jenama. Program GoEx akan dibina berasaskan inisiatif sedia ada bagi menyediakan kemudahan eksport yang menyeluruh menerusi perancangan berstruktur dan nasihat teknikal. Matlamat program ini adalah untuk memperoleh sekumpulan pakar yang dapat menawarkan perkhidmatan nilai ditambah kerana ia adalah penting bagi mencapai kejayaan dalam eksport.

Program ini adalah dalam bentuk geran bersamaan bagi membantu PKS yang bersedia menembusi pasaran eksport. Geran ini akan membiayai pembangunan dan pelaksanaan rancangan penjualan eksport (*export sales plan*, ESP) yang dicipta-sama dengan pakar yang berpengalaman.

Geran bersamaan adalah berdasarkan pembayaran semula dan hanya akan diberikan kepada PKS yang telah mencapai langkah akhir dalam ESP. Ini akan memastikan hanya PKS yang benar-benar serius untuk mengeksport akan menyertai program tersebut.



Bantuan tersebut termasuk:

- Bantuan khusus mengenai langkah-langkah untuk mengeksport yang disediakan oleh pakar yang berpengalaman;
- Memudahkan akses kepada perisikan pasaran yang merangkumi maklumat terperinci pasaran sasaran melalui hubungan dengan pakar;
- Menghubungkan pengeksport dengan forum dan pelanggan luar negara yang berpotensi; dan
- Khidmat nasihat untuk mengenal pasti keperluan kualiti dan penjajaran dengan *Mutual Recognition Agreements (MRA)* yang ditandatangani oleh Malaysia dengan negara lain.

Program ini adalah bersifat sementara, sehingga kumpulan penyedia perkhidmatan swasta atau pakar berpengalaman tempatan yang berkebolehan dapat diwujudkan. Kerajaan akan memansuhkan aspek pembiayaan secara berperingkat namun aspek bantuan modal insan akan diteruskan, lantas menjadikannya model perkongsian awam-swasta yang wajar dijadikan sebagai contoh. Program ini juga dijangka akan menambahkan bilangan pengeksport PKS di negara ini dan meningkatkan sumbangan mereka kepada jumlah eksport daripada 19% pada masa ini kepada 25% menjelang tahun 2020 (purata APEC : 30% daripada eksport).

Pengalaman Negara Lain

Di Tunisia, 'Export Market Access Fund' menawarkan pembiayaan bersama bagi firma dan persatuan profesional. Ia adalah usaha untuk menggiatkan pelaburan dalam penyelidikan pasaran dan program lain bagi meningkatkan akses kepada pasaran eksport dan daya saing. Tabung tersebut turut membiayai langkah-langkah lain bagi meningkatkan eksport, seperti perolehan peralatan dan penajaan bengkel. Geran bersamaan turut membantu organisasi profesional dalam memberi sokongan kepada sekumpulan firma yang beroperasi di bawah pelan perkongsian eksport.




HIP 5: Program Pemangkin bagi mencipta jaguh tempatan

Program Pemangkin direka bentuk untuk menghapuskan sekatan pasaran dan menyediakan bantuan yang tertumpu kepada firma yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan berpotensi menjadi jaguh tempatan. Pada ketika ini, terdapat beberapa inisiatif yang sama termasuk program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS) oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Polisi Laluan Hijau untuk PKS Berinovatif oleh Kementerian Kewangan. Pencetusan idea ini bertujuan untuk meluaskan bantuan sedemikian kepada semua PKS yang berpotensi merentasi sektor ekonomi dan bidang strategik. Ini adalah salah satu cara yang kreatif untuk mencapai sasaran makro pada tahun 2020 dan pada masa yang sama, mencipta jaguh tempatan yang mampu bersaing di pasaran serantau dan antarabangsa. Beberapa negara lain juga telah mengambil langkah yang sama.

Program tersebut mengambil pendekatan yang lebih tertumpu dengan menyediakan sokongan penuh dalam aspek jaminan bank, pembiayaan, perolehan, modal insan berkemahiran dan pementoran. Asas utama program ini adalah kriteria pemilihan yang telus dan jelas iaitu bertujuan membantu PKS yang paling layak dan berpotensi tinggi untuk menyertai program ini. Pemilihan dilakukan berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti kepakaran pengurusan, prestasi masa lalu, keupayaan berkembang (*scalability*) dan lain-lain. Proses pemilihan ini juga akan menggunakan alat pengukur sedia ada, seperti Penarafan Daya Saing untuk Peningkatan PKS (*SME Competitive Rating for Enhancement*, SCORE) dan Pensijilan Inovasi Penilaian Enterpris dan Transformasi (*1-Innovation Certification for Enterprise Rating and Transformation*, 1-InnoCERT). Program ini akan mempunyai mekanisme keluar yang jelas bagi syarikat yang telah berjaya mencapai hasil yang diinginkan atau bagi syarikat yang gagal.

Carta 7.7 Program Pemangkin




Pengalaman Negara Lain

Mengambil pendekatan yang tertumpu dengan memberi bantuan dan bimbingan sepenuhnya kepada satu kumpulan firma yang dipilih yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi kini menjadi strategi popular yang diguna pakai oleh pelbagai negara. Negara tersebut menawarkan insentif khas dan bimbingan bagi memastikan syarikat yang disasarkan dapat berkembang dan maju.

Pada tahun 2005, New Zealand Trade and Enterprise (NZTE) memperkenalkan program 'Client Management Service', 'Growth Services Fund' dan 'Market Development Services' untuk mempergiat pembangunan firma dengan potensi pertumbuhan tinggi ke arah meningkatkan sumbangan mereka kepada pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya. Syarikat yang berminat akan ditapis atau dipilih menerusi proses penilaian awal dan dibahagikan kepada syarikat berpotensi tinggi, sederhana dan sedang membangun dengan pengurus pelanggan akan ditugaskan untuk membantu mereka. Selepas itu, pengurus pelanggan akan menjalankan penilaian lanjut bagi memahami keperluan dan rancangan syarikat tersebut agar dapat memberikan bantuan khusus di bawah tiga program tersebut.

Di Amerika Syarikat, pertandingan 'Mass Challenge' menghubungkan usahawan dengan sumber utama yang diperlukan untuk melancarkan perniagaan agar ianya berjaya dengan serta merta. Pemenang diberikan pembiayaan, latihan dan peluang memperluas jaringan hubungan.



HIP 6: Keterangkuman Inovasi bagi memperkasa kumpulan 40% terendah dalam piramid pendapatan

Keterangkuman Inovasi bermatlamat membantu kumpulan pendapatan 40% terendah dengan memanfaatkan inovasi. Program ini akan menggalakkan transformasi masyarakat termasuk perusahaan mikro di kawasan luar bandar menerusi bimbingan sepenuhnya serta sokongan teknikal, kewangan dan pengurusan. Pada masa ini, sebahagian besar program sokongan inovasi lebih tertumpu dalam usaha membangunkan teknologi yang sofistikated untuk kumpulan pertengahan dan atasan manakala tumpuan untuk menyokong inovasi di peringkat akar umbi agak kurang.


Peralihan kepada ekonomi 'inovasi' melibatkan keterangkuman semua peringkat masyarakat dan perusahaan yang pelbagai saiz. Keterangkuman Inovasi bukan sahaja akan meningkatkan produktiviti dalam kalangan penduduk

berpendapatan rendah, tetapi akan turut membantu masyarakat ini untuk mempunyai akses kepada kemudahan asas seperti perkhidmatan utiliti, perumahan, pendidikan, penjagaan kesihatan dan telekomunikasi pada kos yang rendah dan kualiti yang lebih baik. Program ini akan menyumbang ke arah peningkatan kumpulan inovasi di negara ini.

Program ini akan dibangunkan melalui pendekatan serampang dua mata iaitu:

- i. **Inovasi yang tertumpu secara umum:** merujuk kepada produk atau penyelesaian yang membantu masyarakat seperti e-bayar, e-dagang dan lain-lain. Produk dan perkhidmatan ini adalah hasil inovasi PKS atau firma besar dari komuniti luar dengan tujuan untuk meningkatkan mutu kehidupan mereka; dan
- ii. **Inovasi dari akar umbi:** pada asasnya adalah inovasi oleh ahli komuniti, seperti mesin memproses padi dan lain-lain.

Carta 7.8 Program Keterangkuman Inovasi




Peserta daripada kedua-dua kumpulan inovasi ini layak menerima bantuan dalam bentuk khidmat nasihat teknikal dan pengurusan, kemudahan sokongan, rangkaian kepada pembiayaan, sokongan promosi dan insentif lain, antaranya ialah:

- Membantu PKS untuk melaksanakan Penyelidikan dan Pembangunan (*Research & Development*, R&D), penerapan dan perolehan teknologi;
- Menukar teknologi perintis kepada produk yang berkualiti dan berkemampuan serta berdaya maju bagi menghasilkan pengeluaran secara besar-besaran;
- Membantu penginovasi akar umbi daripada peringkat pembangunan produk ke peringkat komersial serta membantu dalam pemasaran produk mereka;
- Menggalakkan institut R&D untuk menyokong teknologi yang memenuhi keperluan kumpulan pendapatan 40% terendah;
- Menggalakkan Keterangkuman Inovasi dalam kalangan masyarakat perniagaan luar bandar; dan
- Bekerjasama dengan badan antarabangsa yang berkaitan bagi pemindahan teknologi Keterangkuman Inovasi tertentu ke Malaysia dan sebaliknya.



Mesin Memproses Padi
Direka cipta oleh Bau anak Lumpuh dari Sarawak dengan menggunakan enjin elektrik Honda yang dikitar semula



Generator Elektrik Hidro Mini
Direka cipta oleh Hamid Jasmin dari Sabah dengan menggunakan bahagian mekanikal yang dikitar semula dari tapak pembinaan


Pengalaman Negara Lain

Kerajaan India menerusi 'Inclusive Innovation Fund' yang bernilai USD1 bilion telah melabur secara aktif dalam kalangan generasi baharu usahawan India yang sedang membina perusahaan bertaraf dunia. Inovasi mereka tertumpu dalam menangani masalah golongan miskin, tanpa menjejaskan kejayaan ekonomi. Dua inovasi yang berjaya dicetuskan adalah kaki prostetik yang hanya berharga USD28 dan komputer riba termurah di dunia yang berharga USD35.

Langkah Berdasarkan Tema

Enam HIP yang dilengkapi dengan 14 langkah lain yang dikategorikan kepada empat tema yang mempunyai impak terbesar terhadap perusahaan PKS (rujuk Carta 7.9).

Carta 7.9 Langkah Berdasarkan Tema



Tema 1:

Pengumpulan sumber dan perkhidmatan perkongsian untuk mengatasi ketidakupayaan berskala

Kapasiti yang rendah sering kali membataskan kuasa merunding PKS dalam rantaian bekalan. PKS sering menghadapi masalah mencapai ekonomi skala (ikut bidangan) dalam pembelian input dan perkhidmatan menyebabkan kos perniagaan mereka meningkat. Di samping itu, PKS juga tidak dapat merebut peluang pasaran daripada pesanan besar. Faktor ini sering mengekang daya saing PKS berbanding perusahaan besar dan juga keupayaan mereka

untuk berkembang. Kelemahan ini dapat ditangani dengan menggalakkan PKS mengumpul sumber dan menggunakan perkongsian perkhidmatan melalui tiga langkah berikut:

i. Menggalakkan Konsortium dan Pengagregatan Penyedia Perkhidmatan untuk membeli secara pukal dan membantu penyatuan dan pemasaran produk dan perkhidmatan PKS

PKS boleh membuat pembelian input, bahan mentah dan perkhidmatan secara pukal melalui penyedia perkhidmatan bagi mengurangkan kos. Penyedia perkhidmatan ini juga boleh mengumpul hasil keluaran PKS untuk memenuhi pesanan besar sama ada daripada pasaran domestik atau eksport menerusi platform e-dagang.

ii. Menubuhkan Pusat Penyatuan Logistik untuk membantu PKS mengumpul permintaan dan sumber bagi mengatasi kekangan jumlah penghantaran yang rendah dan kekerapan penghantaran yang terhad

Pusat penyatuan logistik dapat memenuhi keperluan PKS untuk menghantar jumlah kargo yang sedikit pada kadar yang kompetitif. Menerusi langkah ini, PKS digalakkan menggabungkan fret sesama mereka untuk membolehkan penghantaran dilakukan dengan kerap dan tepat pada masanya. Usaha ini boleh dilaksanakan melalui:

- **Pusat fizikal:** Hab logistik merentasi negara dengan lokasi strategik berhampiran kelompok PKS terpencil untuk memudahkan pergerakan kargo menerusi pengumpulan pada kadar yang kompetitif.

- **Platform e-dagang atas talian:** Menghubungkan PKS kepada syarikat logistik dan menyediakan alat atau cara seperti *reverse auctions* untuk membolehkan penentuan pasaran berlaku.

iii. **Meningkatkan sokongan Sumber Manusia (*Human Resources, HR*) dan Pembangunan Organisasi (*Organisational Development, OD*) untuk membolehkan PKS menarik lebih ramai pekerja dan seterusnya mengekalkan pekerja**

Pengumpulan perkhidmatan sumber manusia dan pembangunan organisasi oleh penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang diperakui membolehkan PKS terlibat menawarkan manfaat yang berdaya saing kepada pekerja mereka, setaraf dengan syarikat besar. Seseengah bidang yang boleh menggunakan perkhidmatan perkongsian termasuk perancangan sumber manusia, pembangunan kerjaya, penggajian, insurans kumpulan dan manfaat perubatan.



Tema 2:

Mewujudkan permintaan bagi produk dan perkhidmatan PKS bagi akses kepada pasaran yang lebih luas

Pelan Induk PKS bukan sahaja menangani kekangan di pihak pembekalan. PKS lazimnya memerlukan sokongan bagi produk dan perkhidmatan mereka berbanding firma besar yang mempunyai bajet promosi yang besar bagi pengiklanan dan penjenamaan. Sebaliknya, produk PKS biasanya tidak begitu dikenali ramai dan juga dianggap bermutu rendah. Di kebanyakan negara, Kerajaan memainkan peranan penting dalam menyokong produk PKS menerusi dasar perolehan Kerajaan yang khusus. Bagi PKS yang ingin mengorak langkah ke luar negara, pembelian oleh firma besar atau Kerajaan di negara sendiri akan menambahkan keyakinan pembeli asing tentang kualiti produk dan kebolehpercayaan syarikat terhadap produk tersebut. Langkah yang dikenal pasti untuk mewujudkan permintaan bagi produk dan perkhidmatan PKS adalah:

i. **Menetapkan dasar perolehan Kerajaan yang khusus bagi PKS**

Kerajaan boleh menetapkan mandat untuk memperoleh sebahagian barangan dan perkhidmatannya daripada PKS yang layak di samping memberi sebahagian atau subkontrak daripada kontrak Kerajaan yang besar kepada PKS yang layak. Kerajaan juga boleh mendorong syarikat berkaitan Kerajaan agar memperoleh atau membeli daripada PKS dan melabur dalam program pembangunan pembekal yang menasaskan PKS tempatan.

ii. Mendorong Syarikat Multinasional untuk membeli daripada PKS melalui program pembangunan vendor

Syarikat Multinasional (MNC) digalakkan membangunkan pembekal mereka menerusi satu program berstruktur. Bantuan harus menjurus ke arah membantu pembekal peringkat kedua menjadi pembekal peringkat pertama kepada Pengilang Jenama Sendiri (*Own-Brand-Manufacturers*, OBM) dan Pengilang Reka Bentuk Sendiri (*Own-Design-Manufacturers*, ODM). Terdapat juga peluang dalam Program Transformasi Ekonomi, iaitu pemilik projek permulaan (*Entry Point Projects*, EPP) yang sebahagian besarnya merangkumi pertubuhan besar harus dihubungkan dengan PKS yang berupaya menjadi pembekal dan subkontraktor untuk projek mereka.

iii. Menyediakan sokongan kewangan untuk membolehkan PKS mematuhi piawaian pasaran dan persijilan

Pelan Peningkatan Pengurusan Kualiti PKS perlu diadakan bagi membantu PKS memantapkan daya saing antarabangsa mereka, melalui penerapan piawaian dan persijilan kualiti baharu, penyebaran pengetahuan berkenaan pengurusan kualiti dan penanda aras bandingan dengan firma yang mencatat prestasi cemerlang. Pada masa yang sama, Kerajaan perlu memastikan bahawa piawaian Malaysia diujarkan dengan piawaian produk antarabangsa, serta memastikan PKS mematuhi piawaian ini. Piawaian sedemikian adalah berguna untuk meningkatkan persepsi umum tentang kualiti produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PKS.

**Tema 3:
Mengurangkan asimetri maklumat untuk meningkatkan peluang**

Maklumat menyeluruh amat diperlukan untuk memastikan semua pihak dapat membuat keputusan termaklum yang dapat meningkatkan akses PKS kepada sumber dan pasaran. Sebagai contoh, asimetri maklumat merupakan masalah yang lazim dihadapi oleh PKS dari aspek pembiayaan kerana bank mungkin tidak mempunyai maklumat yang mencukupi tentang sejarah kredit PKS bagi menilai kedudukan kredit mereka. Pada masa yang sama, PKS mungkin tidak mempunyai maklumat yang lengkap tentang pelbagai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi perbankan dan berkenaan dengan penyediaan kertas cadangan kepada pembiaya yang berkeupayaan. Antara langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan asimetri maklumat adalah:

i. Meningkatkan sistem maklumat kredit semasa untuk menangani asimetri maklumat, termasuk pembiayaan Kerajaan

Adalah disarankan agar satu pangkalan data menyeluruh tentang pembiayaan Kerajaan kepada PKS diwujudkan, menyerupai pangkalan data sedia ada yang dikumpul di bawah Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (*Central Credit Reference Information System*, CCRIS). Data sedemikian amat berguna bagi pembiaya yang berkeupayaan menilai PKS melalui pengesahan sejarah kredit sesebuah syarikat.

ii. **Menggalakkan penerapan Harta Intelekt (*Intellectual Property, IP*) dalam kalangan PKS melalui kesedaran dan khidmat nasihat yang lebih baik**

PKS memerlukan nasihat asas mengenai proses, keperluan dan implikasi perlindungan Harta Intelekt (IP) menerusi program kesedaran dan pendidikan. Kerajaan juga boleh menyediakan kumpulan pakar perlindungan harta intelek swasta yang berkelayakan kepada PKS pada kadar bayaran yang berpatutan.

iii. **Menubuhkan Panel Pakar Bebas (*Independent Panel of Experts, IPE*) yang terdiri daripada pakar industri untuk membantu institusi kewangan menilai projek teknologi baharu**

Bank mungkin mengalami kesukaran menilai PKS dalam bidang pertumbuhan baharu, iaitu yang amat berbeza daripada sektor tradisional yang lazimnya disokong oleh cagaran. Panel Pakar ini akan dapat memberikan pendapat mereka tentang daya maju komersial projek, manakala bank akan terus menjalankan penilaian risiko kredit. Perkhidmatan daripada Panel Pakar ini boleh diperolehi berdasarkan bayaran upah perkhidmatan bila digunakan sahaja.

iv. **Menyediakan jangkauan lebih berkesan untuk menambah keterangkuman kewangan**

Program jangkauan seperti kempen kesedaran, penerbitan dan perkhidmatan nasihat yang berkesan akan dilaksanakan secara bersama dengan persatuan industri

untuk menambahkan keterangkuman kewangan. Bidang yang perlu dititikberatkan, antaranya, mendidik PKS mengenai pengurusan kewangan, meningkatkan kesedaran tentang kepentingan mewujudkan kepercayaan kredit serta kedudukan kredit yang kukuh supaya dapat meningkatkan kebolehan mendapatkan bantuan kewangan daripada bank. Di samping itu, impak program PARTNER yang baru diperkenalkan untuk menyeragamkan borang permohonan PKS di semua bank harus dinilai. Selepas sesuatu tempoh, PKS harus digalakkan membuat permohonan ke beberapa bank yang berpotensi melalui Tetingkap Permohonan Tunggai atas talian.

Tema 4:

Membina kapasiti melalui pemerolehan pengetahuan dan peningkatan kemahiran

Membina kapasiti untuk PKS merupakan langkah penting, bukan sekadar meningkatkan kemahiran dan produktiviti PKS, tetapi juga untuk memastikan PKS dapat berdaya tahan dalam jangka panjang apabila dibelenggu persekitaran luar yang tidak menentu dan persaingan daripada liberalisasi pasaran. Langkah yang dicadangkan adalah:

i. **Memastikan kemasukan baharu dalam tenaga kerja bersedia untuk bekerja dalam industri**

Secara lazimnya, didapati bahawa kemasukan baharu dalam tenaga kerja daripada universiti, kolej dan politeknik tempatan tidak bersedia untuk bekerja dalam industri. Program Peningkatan Modal Insan Berkemahiran (*Talent Advancement Programme, TAP*) merupakan salah satu langkah yang dikenal

pasti untuk mengatasi masalah ini. Di bawah program ini, PKS mendapat akses kepada pelajar yang berpotensi cemerlang daripada institusi pendidikan tinggi untuk bekerja dengan mereka bagi tempoh dua tahun. Sebahagian daripada gaji mereka akan dibayar oleh Kerajaan atau organisasi penaja. Jika PKS memutuskan untuk terus mengambil pekerja tersebut, PKS akan membayar semula bayaran penuh gaji untuk dua tahun tersebut. Ini akan memastikan kemampuan dana untuk meneruskan program ini. Program Perantis untuk Pensyarah juga akan mendedahkan pensyarah kepada pengalaman industri secara amali dan pada masa yang sama membantu PKS memperoleh pengetahuan yang relevan. Akhirnya, penyertaan yang lebih aktif oleh professional dari industri sebagai pensyarah sambilan dan mereka bentuk kurikulum akan

membantu meningkatkan kualiti pelajar dari institusi tersebut.

ii. Mengubah politeknik dan bidang teknikal menjadi kerjaya pilihan

Politeknik dan bidang teknikal perlu menjalani proses transformasi agar menjadi kerjaya pilihan untuk pelajar. Institusi ini perlu diberi penjenamaan semula, dengan menambah profesionalisme dalam bidang ini; mewujudkan suasana latihan yang baik; dan menghubungkan institusi tempatan ini dengan institusi di luar negara menerusi program berkembar (*twinning programmes*).

iii. Mendapatkan modal insan berkemahiran dari luar negara bagi menangani kekurangan kemahiran dalam kalangan PKS

Inisiatif ini untuk menarik modal insan berkemahiran dari luar negara akan diperluaskan lagi dengan merangkumkan PKS yang berpotensi sebagai majikan. Penerima biasiswa Kerajaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan lain-lain yang tidak diserap ke dalam perkhidmatan awam selepas menerima ijazah akan dilepaskan ke dalam sektor swasta termasuk PKS. Sebuah mekanisme penapisan akan diwujudkan untuk memastikan PKS yang mempunyai reputasi baik dan berkeupayaan dipilih sebagai bakal majikan supaya pemegang ijazah dapat memperoleh kerjaya yang memuaskan dan boleh dikekalkan. Program Pemindahan Kemahiran akan diwujudkan untuk menggalakkan dan membenarkan modal insan berkemahiran asing yang bekerja di Malaysia untuk melatih PKS.



iv. Memperkukuh program latihan modal insan bagi memenuhi keperluan kemahiran khusus

Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dicadangkan untuk dikaji semula agar Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) lebih menyeluruh dan meliputi lebih banyak sektor. Kajian semula bertujuan memperluaskan daripada liputan 23 subsektor pada masa kini kepada subsektor lain kecuali perkhidmatan perniagaan, kewangan dan pembinaan. Pada masa yang sama, PKS akan terus diberikan pengetahuan mengenai manfaat program latihan dalam jangka masa panjang bagi menggalakkan penggunaan Tabung tersebut lantas memanfaatkan lebih banyak PKS dan pekerjaanya.

Membangunkan PKS di Malaysia Timur

Hasil penemuan daripada bengkel Pelan Induk menunjukkan bahawa PKS di negeri Sabah dan Sarawak menghadapi kesukaran yang lebih ketara dari segi akses kepada sumber dan maklumat berbanding PKS di Semenanjung Malaysia, terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan kesalinghubungan. Usaha menangani halangan ini merupakan satu langkah ke arah merealisasikan potensi pertumbuhan PKS di Malaysia Timur, yang mencakupi kira-kira 10% daripada jumlah pertumbuhan di negara ini. Sebanyak 32 inisiatif yang dicadangkan dalam Pelan Induk turut meliputi PKS di Malaysia Timur. Di samping itu, terdapat lima langkah khusus yang digariskan untuk PKS di Malaysia Timur. Dua langkah pertama yang berkait dengan pembangunan infrastruktur juga akan diintegrasikan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Kesebelas.

i. Memperbaiki kesalinghubungan antara Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur

Kesalinghubungan yang baik adalah asas bagi memudahkan aktiviti perdagangan dan perniagaan. Kekurangan pembangunan infrastruktur dan kesalinghubungan pengangkutan di Malaysia Timur bukan sahaja menjejaskan akses tetapi juga meningkatkan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan keperluan pelaburan yang tinggi dan tempoh yang lama untuk mencatat hasil, dicadangkan agar keutamaan diberikan kepada usaha membangunkan dan menghubungkan kawasan yang mempunyai jumlah perdagangan tinggi dengan adanya jalan raya dan pelabuhan laut yang baik, terutamanya di sepanjang kawasan koridor pembangunan di Sabah dan Sarawak. Adalah dicadangkan supaya penambahbaikan infrastruktur turut mencakupi melengkapkan taman perindustrian dengan kemudahan dan kelengkapan sesuai untuk PKS.



ii. Memperbaiki kemudahan asas di Malaysia Timur melalui peningkatan pelaburan dan penguatkuasaan

Kekurangan akses kepada kemudahan asas seperti bekalan kuasa elektrik dan rangkaian telekomunikasi telah memberi kekangan terhadap aktiviti ekonomi PKS di Malaysia Timur. Adalah penting mewujudkan, mengekalkan dan menguatkuasakan Perjanjian Tahap Perkhidmatan (*Service Level Agreement*, SLA) dan asas Kualiti Perkhidmatan (*Quality-of-Service*, QoS) terhadap penyedia perkhidmatan di Malaysia Timur. Ini adalah untuk memastikan ketekalan dan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan serta membina keyakinan di kalangan bakal usahawan dan pelabur.

iii. Meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan untuk menangani cabaran pentadbiran

Di Malaysia Timur, PKS dibelenggu pelbagai cabaran pentadbiran. Ini berlaku kerana terdapat sesetengah pentadbiran Kerajaan yang tidak lagi berpusat seperti pendaftaran perniagaan. Cabaran juga timbul kerana isu kesalinghubungan yang lemah yang turut menghadkan keupayaan PKS untuk mendapat akses kepada maklumat yang tepat dan terkini, terutamanya di kawasan terpencil. Dalam konteks ini, Kerajaan akan menyelaraskan tatacara dan memperluas rangkaian akses yang lebih inovatif seperti kaunter pendaftaran perniagaan bergerak dan menjalinkan kerjasama dengan pejabat daerah atau pejabat pos untuk membantu menjalankan fungsi sebagai kaunter pendaftaran perniagaan.

iv. Memudahkan akses kepada pasaran bagi PKS di Malaysia Timur menerusi penyahkawalseliaan, penyediaan infrastruktur pengagregatan dan penguatkuasaan terhadap sektor tidak formal

Langkah penyahkawalseliaan industri akan menyumbang kepada pengurangan kos dan meningkatkan keupayaan akses kepada input yang berkualiti oleh PKS. PKS juga akan mendapat manfaat dari pengumpulan atau pengagregatan produk dan perkhidmatan serta penguatkuasaan yang lebih ketat terhadap perniagaan tidak formal yang telah menyebabkan persaingan tidak adil terhadap perniagaan tempatan yang berdaftar.

v. Mengkaji semula undang-undang dan dasar dengan mengambil kira keadaan pasaran di Malaysia Timur

Daya saing PKS di Malaysia Timur telah terjejas oleh kos yang berkaitan dengan kesalinghubungan dan ketersediaan input, peraturan ketat yang menghalang mobiliti buruh antara negeri dan penubuhan pejabat cawangan, serta saiz pasaran yang kecil. Justeru itu, sekatan ini perlu dikaji semula bagi membolehkan perniagaan berkembang maju. Dasar negara juga perlu mengambil kira faktor-faktor unik ini dalam menentukan dasar di Malaysia Timur.

Langkah Sokongan Lain

Pelan Tindakan turut menekankan tujuh langkah lain untuk menggiatkan pertumbuhan PKS. Paling penting adalah empat inisiatif makro yang berhubung dengan fasilitasi perdagangan, dasar percukaian, Undang-undang Kebankrapan dan dasar pekerja asing.

i. **Mengorientasikan semula usaha sedia ada dalam mewujudkan sistem pelepasan dan kemudahan perdagangan yang bersepadu dan berkesan**

Sistem kemudahan perdagangan yang sedia ada harus beroperasi dengan sepenuhnya untuk menggalakkan pemprosesan tanpa kertas yang dihubungkan dengan Kementerian dan Agensi, pihak berkuasa pelabuhan, broker kastam, penghantar fret dan pihak berkenaan lain. Pada masa yang sama, perlu ada usaha perikayasaan proses perniagaan Agensi Kerajaan bagi mengurangkan masa dan kos serta menilai untuk menghapuskan peraturan lama dan ketinggalan zaman berkaitan dengan sektor pengangkutan. Langkah itu akan mempercepat proses pengantarabangsaan produk dan perkhidmatan PKS.

ii. **Mengkaji semula sistem cukai bagi PKS bertujuan menghapuskan faktor yang menghalang pertumbuhan syarikat**

Sistem cukai korporat semasa yang berbeza, iaitu 20% untuk PKS (bagi jumlah RM500,000 pertama daripada pendapatan boleh cukai) berbanding dengan 25% bagi perniagaan lain boleh menghalang syarikat untuk berkembang lebih maju. Ia juga

berkemungkinan menggalakkan usahawan untuk menubuhkan banyak syarikat kecil. Sistem cukai dicadangkan agar dikaji semula bagi menghapuskan perbezaan tersebut dan sokongan peralihan perlu diwujudkan jika perubahan dasar tersebut dilaksanakan.

Carta 7.10 Langkah Sokongan Lain dalam Pelan Tindakan



iii. **Pindaan kepada Undang-undang Kebankrapan untuk memberi peluang kedua kepada usahawan**

Pindaan terhadap Undang-undang Kebankrapan yang bakal dilaksanakan seharusnya memberi peluang kedua kepada usahawan dengan memudahkan mereka membubarkan perniagaan yang bankrap dan memulakan perniagaan baru.

- iv. **Menyelaras langkah bagi menggalakkan teknologi dan proses peningkatan produktiviti oleh PKS dengan dasar buruh berkaitan yang lain**

Inisiatif bagi menggalakkan automasi, mekanisasi dan penerapan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta program sokongan lain harus diselaraskan dengan dasar relevan yang lain seperti mengurangkan kebergantungan pada pekerja asing, dasar Gaji Minimum dan lain-lain. Dasar pengurangan pekerja asing tersebut haruslah spesifik dengan tempoh masa yang tepat dan jelas bagi semua sektor.

- v. **Memastikan penjajaran komersial yang lebih luas dalam tumpuan penyelidikan institusi awam dan swasta supaya menepati keperluan industri**

Institut penyelidikan dan universiti perlu memberi tumpuan yang lebih kepada penyelidikan gunaan dan mudah suai yang akan memanfaatkan PKS agar mereka menggunakan infrastruktur sedia ada. Penjajaran komersial yang lebih luas dalam penyelidikan dapat diperolehi dengan mengubah suai kriteria penapisan bagi geran penyelidikan, iaitu lebih tertumpu kepada penyelidikan gunaan dan mudah suai. Industri harus terlibat dari awal projek – iaitu daripada peringkat pemilihan dan peninjauan. Petunjuk prestasi penyelidik juga harus merangkumi unsur seperti interaksi dengan industri, projek khidmat nasihat PKS dan dalam jangka masa panjang, nilai pengkomersialan bagi penyelidikan yang dilaksanakan.

- vi. **Memesatkan pertumbuhan modal teroka (VC), pelabur perseorangan (*angels*) dan modal risiko bagi mewujudkan persekitaraan pembiayaan yang lebih mantap**

Di samping Program Pelaburan PKS, perlu juga merangsangkan lagi segmen modal teroka (*Venture Capital*, VC), pelaburan *angel* dan modal risiko untuk memenuhi keperluan PKS yang memerlukan pembiayaan peringkat awal. Langkah ini akan menyumbang ke arah mempelbagai landskap kewangan melangkaui sistem perbankan. Didapati bahawa adalah perlu bagi sistem penggantian antara pembiaya di pelbagai peringkat perniagaan bergantung kepada risiko dan ganjaran atau tujuan pelaburan tersebut. Dalam konteks ini, dasar, peraturan dan insentif semasa yang mengawal industri VC dan pelabur *angels* perlu dinilai dan dikaji semula. Selain itu, pengetahuan, kesedaran dan latihan bagi para pengurusan pelaburan profesional, harus diperluas agar dapat meningkatkan pemahaman tentang pelbagai pilihan pelaburan dalam PKS.

- vii. **Menggiatkan semula peranan yang dimainkan oleh pejabat perdagangan luar negeri**

Pejabat perdagangan Malaysia di luar negeri boleh memainkan peranan yang lebih aktif untuk membantu PKS menembusi pasaran antarabangsa. Pejabat ini boleh menyediakan sokongan khusus dan perkhidmatan teknikal serta memudahkan rangkaian perniagaan dan memperluas peluang rangkaian hubungan untuk PKS.



bab8

**Pelaksanaan dan Pembangunan
Kapasiti Keinstitusian**

Pelaksanaan dan Pembangunan Kapasiti Keinstitutional

Pertimbangan bagi Pelaksanaan

Aspek yang paling mencabar dalam Pelan Induk PKS adalah pelaksanaannya. Kejayaan hanya dapat diraih menerusi penyelarasan secara menyeluruh bersama pelbagai Kementerian dan Agensi serta sektor swasta. Dalam menjalankan tugas tersebut, adalah penting untuk sebuah agensi tunggal diberikan mandat sebagai pemilik kepada Pelan Induk PKS ini. Agensi tersebut akan bertanggungjawab dalam menjayakan pelaksanaan Pelan serta memantau perkembangannya bagi memastikan objektif Pelan tercapai. Tanggungjawab ini telah diamanahkan kepada SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia) selaku Agensi Penyelaras Pusat (*Central Coordinating Agency, CCA*) dan Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.



Kejayaan dalam pelaksanaan Pelan bergantung kepada beberapa faktor seperti yang dipaparkan dalam Carta 8.1. Faktor kejayaan yang paling penting untuk merealisasikan Pelan adalah memastikan kewujudan sebuah agensi pusat yang kukuh untuk melaksanakan Pelan Induk.

Carta 8.1 **Faktor yang perlu dipertimbangkan dalam Pelaksanaan Pelan Induk**



Tugas yang paling mencabar adalah melaksanakan Pelan Induk kerana ianya memerlukan penyelarasan yang menyeluruh antara pelbagai Kementerian dan Agensi serta sektor swasta

Sejak tahun 2009, SME Corp. Malaysia telah berjaya mencatat kemajuan yang ketara dalam usaha mentransformasikan organisasi daripada sebuah agensi pelaksana program kepada sebuah agensi yang merangka dasar, menyelaras program merentasi Kementerian dan Agensi serta melaksanakan beberapa program. Di antara pencapaiannya adalah:

- Bekerjasama dengan Jabatan Perangkaan bagi mewujudkan pangkalan data PKS yang menyeluruh mencakupi KDNK, guna tenaga dan produktiviti tahunan selain daripada Banci Ekonomi dan PKS 2011;
- Membangunkan satu sistem pengawasan bagi memantau prestasi dan mengenal pasti isu / risiko yang dihadapi oleh PKS. Ia dilaksanakan menerusi kaji selidik berkala serta maklum balas daripada pejabat negeri;
- Melaksanakan penilaian terperinci dan unjuran prestasi PKS berdasarkan maklumat daripada kaji selidik yang dijalankan dan mengenal pasti impak yang mungkin terhasil daripada tindakan dasar yang bersesuaian;
- Meningkatkan penyelarasan dengan Kementerian dan Agensi sebagai rakan strategik dalam pelaksanaan program dan jangkauan;
- Beralih ke arah pendekatan berasaskan hasil dalam pembangunan PKS; dan
- Membangunkan Pelan Induk PKS bagi melakarkan hala tuju dasar PKS sehingga tahun 2020.




Peranan SME Corp. Malaysia perlu terus diperkukuh, diperkasa dan dipertingkat agar dapat bertindak sebagai peneraju utama dalam melaksanakan Pelan Induk. Ini mungkin memerlukan perubahan dari segi struktur organisasi dan mekanisma pemantauan bagi membolehkan Agensi berfungsi secara cekap dalam melaksanakan Pelan. SME Corp. Malaysia harus diberikan kuasa dan sumber yang mencukupi serta memainkan peranan yang lebih aktif dalam membuat keputusan berhubung belanjawan bagi pembangunan PKS.

Melangkah ke hadapan, saranan dalam Pelan Tindakan akan menjadi asas kepada reka bentuk program utama. SME Corp. Malaysia bersama dengan Kementerian dan Agensi juga perlu mengkaji semula program sedia ada bagi merasionalisasikan program yang bertindih; menghentikan program yang tidak membawa kesan ketara; dan menjajarkan semula program yang masih relevan dengan matlamat Pelan Induk. SME Corp. Malaysia akan terlibat dalam peringkat awal perancangan dan peruntukan sumber bagi program pembangunan PKS oleh Kementerian dan Agensi. Dalam hal ini, pengagihan semula sumber mungkin perlu dilaksanakan bagi memenuhi keperluan elemen dalam Pelan Induk PKS, terutamanya bagi memupuk inovasi dan meningkatkan operasi serta kemahiran PKS ke arah peningkatan produktiviti dan pendapatan.



Carta 8.2 Peranan Agensi Penyelaras Pusat



Dalam menjalankan fungsi pemantauan dan penilaian, SME Corp. Malaysia perlu mewujudkan satu sistem Pemantauan dan Penilaian (*Monitoring and Evaluation, M&E*) yang bertaraf dunia. Penilaian memerlukan data peringkat firma yang tepat dan boleh dipercayai. Ini memerlukan kerjasama daripada Kementerian dan Agensi bagi pengumpulan maklumat yang diperlukan daripada peserta program. Pembangunan Kapasiti Keinstitutional merupakan satu elemen penting Rangka Kerja Baharu Pembangunan PKS bagi membolehkan pelaksanaan Pelan. Ini melibatkan usaha membangunkan kepakaran kakitangan yang terlibat dalam melaksanakan fungsi M&E dan memperkukuh kapasiti dalam bidang lain, antaranya keupayaan penyelidikan dan kebolehan untuk melaksanakan penilaian ekonomi, analisis ekonometrik, perumusan dasar dan perkhidmatan pembangunan perniagaan.

Fungsi dan peranan Agensi Penyelaras Pusat perlu ditakrifkan dengan jelas agar Agensi dapat berfungsi secara bebas dengan keupayaan menilai semua program pembangunan PKS, termasuk program yang menimbulkan kontroversi tanpa konflik kepentingan. Tumpuan akan menjurus ke arah bekerjasama dengan Kementerian dan Agensi bagi memulakan pelaksanaan Pelan. Dalam pada itu, pengukuhan Akta atau undang-undang tambahan mungkin perlu bagi memberikan kuasa secukupnya kepada Agensi dalam melaksanakan peranan baharunya.

SME Corp. Malaysia juga akan menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam Pelan Induk, terutamanya dalam enam Program Berimpak Tinggi menerusi perkongsian awam-swasta. Peranan persatuan industri, dewan perniagaan dan pertubuhan bukan Kerajaan akan terus dipertingkatkan untuk membantu capaian program kepada lebih banyak PKS di negara ini dan membina kapasiti di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Dengan ini, program kaunseling perniagaan mungkin perlu ditawarkan kepada peringkat akar umbi di seluruh negara dengan kerjasama organisasi swasta. Keupayaan penyelidikan juga perlu dibina secara berperingkat bagi menjalankan penyelidikan yang berorientasikan tindakan bagi menangani isu kritikal PKS dan memenuhi keperluannya.

Satu aspek penting dalam pelaksanaan Pelan Induk adalah pembangunan satu mekanisme M&E yang berkesan serta berasaskan bukti. Enam Program Berimpak Tinggi dan inisiatif lain dalam Pelan Tindakan akan ditukarkan menjadi program yang boleh dilaksanakan, dengan setiap program akan dipertanggungjawabkan kepada satu Kementerian atau Agensi peneraju. Entiti tersebut akan bekerjasama dengan SME Corp. Malaysia dalam mereka bentuk program, termasuk kriteria kelayakan dan petunjuk prestasi utama – output, hasil pertengahan dan hasil akhir. Tanggungjawab utama bagi M&E di peringkat program akan terletak pada Kementerian dan Agensi yang melaksanakan program, manakala SME Corp. Malaysia akan bertanggungjawab untuk keseluruhan M&E bagi pembangunan PKS berdasarkan matlamat Pelan Induk PKS.



Pelaksana perlu melihat penilaian sebagai satu alat pengurusan utama bagi mempertingkatkan keberkesanan program secara keseluruhan. Maklumat peserta program seperti ciri-ciri firma dan prestasi sebelum dan selepas menerima bantuan perlu dipantau, dan ini boleh dilaksanakan melalui kaji selidik. Sebaik sahaja agensi berkaitan melaksanakan program, mereka perlu melaporkan perkembangannya kepada SME Corp. Malaysia secara berkala.

Penilaian impak akan memberikan satu gambaran mengenai tahap kejayaan program dan sekiranya perlu, reka bentuk program boleh diubah suai untuk meningkatkan keberkesannya. Inilah yang menjadikan Pelan Induk ini satu 'pelan sepanjang hayat' yang boleh diubah suai dari

semasa ke semasa agar laras dengan perubahan persekitaran dan struktur yang mungkin berlaku. Walau bagaimanapun, visi, matlamat dan strategi keseluruhan akan terus dikekalkan. Bagi tujuan M&E, penaiktarafan sistem semasa yang menghubungkan Kementerian dan Agensi dengan SME Corp. Malaysia juga perlu dilaksanakan bagi membolehkan penyampaian maklumat dikendalikan dengan lancar dan tepat pada masanya untuk memperoleh analisis yang tepat.

Satu lagi pertimbangan penting sebelum memulakan pelaksanaan Pelan adalah untuk mengemas kini statistik dan unjuran berikutan puktamad Banci Ekonomi dan PKS 2011. Menerusi langkah ini, gambaran terkini dapat diperolehi mengenai bilangan PKS yang aktif di

Carta 8.3 Mekanisme Pemantauan Pelan Induk PKS





negara ini dan jika terdapat perubahan ketara terhadap ciri-ciri PKS. Di samping itu, ia juga akan menjadi asas bagi kajian semula definisi PKS, iaitu sama ada semakan perlu dilaksanakan untuk mencerminkan perubahan struktur yang berlaku. Definisi ini memainkan peranan penting untuk menentukan kelayakan firma bagi program dan bantuan kewangan.

Akhir sekali, Agensi harus mempertimbang langkah mewujudkan satu Pelan Pengurangan Risiko untuk mengurangkan risiko luaran dan dalaman yang berkaitan dengan pelaksanaan Pelan. Dalam beberapa tahun akan datang, lantaran ekonomi global ke arah keseimbangan semula, ia juga dijangka tidak menentu dengan turun naik dalam pasaran kewangan yang boleh membawa risiko luaran kepada momentum pertumbuhan

Malaysia. Risiko dalaman pula merangkumi perubahan dasar dari aspek makroekonomi serta isu-isu berkaitan pelaksanaan dan proses operasi Pelan Induk. Ini termasuk risiko yang berbangkit daripada kekangan sumber ekoran peningkatan kos; kelewatan pelaksanaan; pihak agensi penyelaras mempunyai kurang kuasa untuk memacu dasar dan program serta cabaran yang dihadapi untuk menyelaras dan menjajarkan dasar dan program tersebut.



bab**9**

Satu Permulaan Baharu

Satu Permulaan Baharu

Pelan Induk PKS menandakan satu titik permulaan baharu yang bakal membawa pembangunan PKS ke peringkat seterusnya, melalui satu pendekatan yang berbeza. Hala tuju dasar masa hadapan telah dilakarkan dengan jelas untuk mencapai matlamat khusus yang saling berkait dengan visi keseluruhan Pelan, iaitu mencipta generasi baharu PKS yang berdaya saing di persada global. Pelan Induk PKS diwajibkan dengan matlamat dasar negara yang dibentangkan dalam Wawasan 2020, Model Baru Ekonomi dan Program Transformasi Ekonomi. Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi pesat yang terangkum dan mampan, negara memerlukan PKS yang kukuh.

Bukti empirikal menunjukkan bahawa terdapat enam pendorong pertumbuhan yang menyumbang kepada prestasi tinggi PKS di Malaysia, iaitu:

- Penerapan inovasi dan teknologi;
- Pembangunan sumber manusia;
- Akses kepada pembiayaan;
- Akses kepada pasaran;
- Persekitaran perundangan dan kawal selia; dan
- Infstruktur.

Pada ketika ini, PKS masih belum berjaya mencatat prestasi tinggi ekoran kekangan tertentu dalam setiap bidang tersebut. Pelan Induk menyarankan Pelan Tindakan yang dapat menangani kekangan ini secara serentak. Ianya merangkumi enam Program Berimpak Tinggi dan langkah pelengkap lain yang dipertimbangkan dengan teliti melalui permuafakatan dengan sektor swasta dan disokong selanjutnya oleh bukti dan amalan terbaik di negara lain. Pendekatan berasaskan bukti memperlihatkan keunikan Pelan tersebut.

Pelan menyokong penuh perkongsian awam-swasta dan merencanakan bagaimana Kerajaan dapat berganding bahu dengan sektor perniagaan. Kerajaan akan memainkan peranan sebagai pemudah cara dan pemangkin dalam mewujudkan persekitaran menyokong selain menggalakkan sektor swasta untuk menyediakan perkhidmatan kepada pasaran yang kurang diberi perhatian atau mencapai matlamat strategik yang tidak dapat dicapai tanpanya. Matlamat akhir adalah untuk merealisasikan potensi pertumbuhan PKS. Melangkah ke hadapan, sektor swasta akan memainkan peranan secara langsung, bukan sekadar untuk membantu Kerajaan dalam agenda tersebut

melalui program jangkauan dan inisiatif membina kapasiti, malah dalam melaksanakan beberapa Program Berimpak Tinggi. Sektor swasta juga akan memberikan maklumbalas berharga kepada pembuat dasar bagi meningkatkan ciri-ciri program sepanjang pelaksanaannya, lantas menjadikannya 'Pelan Sepanjang Hayat'.

Satu lagi unsur penting dalam Pelan Induk yang bakal mengubah landskap pembangunan PKS adalah pendekatan berasaskan hasil. Setiap inisiatif akan dipantau dan dinilai untuk menaksir kesan dan kejayaan dalam mencapai matlamat yang diingini manakala pembiayaan akan ditentukan berasaskan keberkesanan program secara keseluruhan. Pendekatan berasaskan hasil akan memastikan keputusan yang tepat dibuat berasaskan penilaian kuantitatif.

Pelan Induk turut memberi tumpuan kepada pelbagai inisiatif membina kapasiti, bertujuan untuk meningkatkan produktiviti PKS dan daya tahan secara keseluruhannya untuk menghadapi persaingan, terutamanya ekoran liberalisasi pasaran. PKS Malaysia perlu memperteguh kedudukan kerana liberalisasi bukan sahaja membawa persaingan lebih dekat malah membawa peluang baharu yang harus direbut oleh PKS.

Cabaran utama adalah mewujudkan peralihan paradigma yang diperlukan untuk melaksanakan Pelan ini. Menurut pakar ekonomi yang terkemuka, John Maynard Keynes pada tahun 1936, '*The difficulty lies not in the new ideas, but in escaping from the old ones*', justeru, cabaran mendatang adalah untuk mengubah minda dan menggerakkan PKS ke peringkat pembangunan seterusnya.























Lampiran

Ringkasan Pelan Tindakan : 32 Inisiatif





6 Program Berimpak Tinggi

		Petunjuk Prestasi ¹	Sasaran Matlamat
1	Mengintegrasikan pendaftaran dan pelesenan penubuhan perniagaan untuk meningkatkan kemudahan untuk menjalankan perniagaan	→ Masa/kos untuk memulakan perniagaan baharu	 
2	Menubuhkan Platform Pengkomersialan Teknologi (TCP) bagi mengintegrasikan PKS dan syarikat permulaan ke dalam sistem inovasi nasional	→ Bilangan idea yang berjaya dikomersialkan	  
3	Menyemarakkan ekosistem pembiayaan bukan bank bagi menyediakan pembiayaan peringkat awal melalui Program Pelaburan PKS (SIP)	→ Bilangan syarikat yang dibiayai	 
4	Mewujudkan program <i>Going Export</i> (GoEx) untuk mempercepatkan pengantarabangsaan PKS	→ Bilangan syarikat yang mengeksport	
5	Memulakan Program Pemangkin untuk menyediakan bantuan komprehensif kepada PKS yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi supaya menjadi jaguh tempatan	→ Bilangan syarikat pertumbuhan tinggi	 
6	Menggalakkan Keterangkuman Inovasi iaitu 'Sasaran inovasi secara umum' dan 'Inovasi daripada akar umbi' untuk memperkasa kumpulan pendapatan 40% yang terendah	→ Bilangan idea inovatif yang disokong	   

Langkah berdasarkan 4 Tema

		Petunjuk Prestasi ¹	Sasaran Matlamat
Tema 1 : Pengumpulan sumber dan perkongsian perkhidmatan untuk mengatasi kekurangan skala			
7	Menggalakkan Konsortium dan Pengagregatan Penyedia Perkhidmatan untuk membantu penyatuan dan pemasaran produk dan perkhidmatan PKS	→ Bilangan Konsortium yang ditubuhkan	
8	Menubuhkan Pusat Penyatuan Logistik untuk membantu PKS mengumpul permintaan dan sumber bagi mengatasi kekangan jumlah penghantaran yang rendah dan kekerapan penghantaran yang terhad	→ Bilangan Pusat yang ditubuhkan	
9	Meningkatkan sokongan Sumber Manusia (HR) dan Pembangunan Organisasi (OD) untuk membolehkan PKS menarik lebih ramai pekerja dan seterusnya mengekalkan pekerja	→ Penubuhan akademi OD	 

¹ Petunjuk prestasi utama adalah contoh dan tidak terhad

-  Meningkatkan penubuhan perniagaan
-  Menambah bilangan firma yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan berinovasi
-  Meningkatkan produktiviti
-  Mempergiat usaha pemformalan

		Petunjuk Prestasi ¹	Sasaran Matlamat
Tema 2 : Mewujudkan permintaan bagi produk dan perkhidmatan PKS untuk akses pasaran lebih luas			
10	Menetapkan dasar perolehan Kerajaan yang khusus bagi PKS	→ Dasar yang diwujudkan	●
11	Mendorong syarikat multinasional untuk membeli daripada PKS melalui program pembangunan vendor	→ Nilai projek ETP yang diberikan kepada PKS	●
12	Menyediakan sokongan kewangan untuk membolehkan PKS mematuhi keperluan pasaran bagi piawaian dan persijilan	→ Bilangan PKS yang mempunyai persijilan	● ■
Tema 3 : Mengurangkan asimetri maklumat untuk meningkatkan peluang			
13	Meningkatkan sistem maklumat kredit semasa untuk menangani asimetri maklumat, termasuk pembiayaan Kerajaan	→ Maklumat kredit lebih komprehensif	●
14	Menggalakkan penerapan Harta Intelek (IP) dalam kalangan PKS melalui kesedaran dan khidmat nasihat yang lebih mantap	→ Bilangan pemfailan IP oleh PKS	● ■
15	Menubuhkan Panel Pakar Bebas (<i>Independent Panel of Experts, IPE</i>) yang terdiri daripada pakar industri untuk membantu institusi kewangan menilai projek teknologi baharu	→ Bilangan pemohon PKS yang menggunakan IPE	●
16	Menyediakan jangkauan lebih efektif untuk menambah keterangkuman kewangan	→ Bilangan PKS yang dibantu setiap tahun	●
Tema 4 : Membina kapasiti melalui pemerolehan pengetahuan dan peningkatan kemahiran			
17	Memastikan kemasukan baharu dalam tenaga kerja bersedia untuk bekerja dalam industri	→ % kemasukan baharu yang diterima bekerja dalam industri berkaitan	■
18	Mengubah politeknik dan bidang teknikal menjadi kerjaya pilihan	→ Bilangan Politeknik yang mempunyai Program Berkembar (<i>Twinning</i>)	■
19	Mendapatkan modal insan berkemahiran dari luar negara bagi menangani kekurangan pekerja mahir dalam kalangan PKS	→ Bilangan pelajar biasiswa Kerajaan yang bekerja dengan PKS	● ■
20	Memperkuh program latihan modal insan bagi memenuhi keperluan kemahiran khusus	→ Bilangan pekerja PKS yang dilatih	● ■

¹ Petunjuk prestasi utama adalah contoh dan tidak terhad

▲ Meningkatkan penubuhan perniagaan

● Menambah bilangan firma yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan berinovasi

■ Meningkatkan produktiviti

◆ Mempergiat usaha pemformalan

Langkah bagi Malaysia Timur

		Petunjuk Prestasi ¹	Sasaran Matlamat
21	Memperbaiki kesalinghubungan antara Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur	→ Purata kepantasan dan kos penghantaran kargo	▲ ■ ◆
22	Memperbaiki kemudahan asas di Malaysia Timur melalui peningkatan pelaburan dan penguatkuasaan	→ Kemudahan asas yang diperbaiki	▲ ■
23	Meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan untuk menangani cabaran pentadbiran	→ Purata tempoh selesai penyampaian Kerajaan	■
24	Memudahkan akses pasaran bagi PKS melalui penyhkawselseliaan, penyediaan infrastruktur pengagregatan dan penguatkuasaan lebih ketat bagi sektor tidak formal	→ Penyhkawselseliaan selesai	▲ ● ◆
25	Mengkaji semula undang-undang dan dasar dengan mengambil kira keadaan pasaran di Malaysia Timur	→ Kajian semula selesai	■

Langkah Sokongan Lain

		Petunjuk Prestasi ¹	Sasaran Matlamat
26	Mengorientasikan semula usaha sedia ada demi mewujudkan sistem pelepasan dan kemudahan perdagangan yang bersepadu dan berkesan	→ Pelaksanaan Tetingkap Tunggal Kebangsaan menurut visi asal	● ■
27	Mengkaji semula rejim cukai bagi PKS bertujuan menghapuskan faktor yang menghalang pertumbuhan syarikat	→ Dasar dikaji semula dan kesan dinilai	▲ ◆
28	Pindaan kepada Undang-undang Kebankrapan untuk memudahkan penubuhan perniagaan	→ Undang-undang dipinda	▲
29	Menyelaras langkah bagi menggalakkan teknologi dan proses peningkatan produktiviti oleh PKS dengan dasar buruh yang lain	→ Bilangan PKS yang mengguna pakai teknologi	● ■
30	Memastikan penjajaran komersial dalam fokus penyelidikan institusi awam dan swasta supaya menepati keperluan industri	→ Bilangan projek penyelidikan yang melibatkan PKS	▲ ● ■
31	Menggiatkan pertumbuhan modal teroka (VC), <i>angels</i> dan modal risiko bagi mewujudkan persekitaran pembiayaan yang lebih mantap	→ Bilangan syarikat yang dibiayai	▲ ●
32	Merancangkan semula peranan yang dimainkan oleh pejabat perdagangan luar negeri	→ Bilangan pejabat luar negeri yang menyediakan perkhidmatan kepada PKS	●

¹ Petunjuk prestasi utama adalah contoh dan tidak terhad

- ▲ Meningkatkan penubuhan perniagaan
- Menambah bilangan firma yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan berinovasi
- Meningkatkan produktiviti
- ◆ Mempergiat usaha performalan

Definisi PKS

Definisi PKS adalah berdasarkan kepada dua kriteria:

- Nilai jualan tahunan/hasil sesebuah perniagaan; ATAU
- Bilangan pekerja sepenuh masa sesebuah perniagaan.

Secara amnya, PKS di Malaysia didefinisikan seperti berikut:

- Sektor pembuatan: Jualan tahunan kurang daripada RM25 juta ATAU kurang daripada 150 pekerja sepenuh masa
- Sektor perkhidmatan dan lain-lain: Jualan tahunan kurang daripada RM5 juta ATAU kurang daripada 50 pekerja sepenuh masa

Secara terperinci definisi tiga kategori iaitu Mikro, Kecil dan Sederhana adalah seperti berikut:

Nilai Jualan Tahunan:

Saiz	Pembuatan (termasuk asas tani) & perkhidmatan berkaitan pembuatan	Pertanian Asas	Sektor Perkhidmatan (termasuk ICT)
Mikro	Kurang daripada RM250,000	Kurang daripada RM200,000	Kurang daripada RM200,000
Kecil	Dari RM250,000 sehingga kurang daripada RM10 juta	Dari RM200,000 sehingga kurang daripada RM1 juta	Dari RM200,000 sehingga kurang daripada RM1 juta
Sederhana	Dari RM10 juta sehingga kurang daripada RM25 juta	Dari RM1 juta sehingga kurang daripada RM5 juta	Dari RM1 juta sehingga kurang daripada RM5 juta

Bilangan Pekerja Sepenuh Masa:

Saiz	Pembuatan (termasuk asas tani) & perkhidmatan berkaitan pembuatan	Pertanian Asas	Sektor Perkhidmatan (termasuk ICT)
Mikro	Kurang daripada 5 pekerja	Kurang daripada 5 pekerja	Kurang daripada 5 pekerja
Kecil	Dari 5 sehingga kurang daripada 50 pekerja	Dari 5 sehingga kurang daripada 20 pekerja	Dari 5 sehingga kurang daripada 20 pekerja
Sederhana	Dari 50 sehingga kurang daripada 150 pekerja	Dari 20 sehingga kurang daripada 50 pekerja	Dari 20 sehingga kurang daripada 50 pekerja

Pertama kali diterbitkan pada tahun 2012

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

SME Corporation Malaysia

Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan

Alamat : Tingkat 6, SME 1, Blok B
Lot E, Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

Tel : 603-2775 6000

Faks : 603-2775 6001

atau layari laman sesawang SME Corp. Malaysia : www.smecorp.gov.my
atau portal SMEinfo : www.smeinfo.com.my

HAK CIPTA TERPELIHARA. Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit. Segala usaha telah diambil bagi memastikan maklumat yang terkandung adalah tepat pada masa penerbitan

ISBN : 978-983-40884-7-7

PELAN INDUK PKS

— 2012-2020 —

Memangkin Pertumbuhan dan Pendapatan